

©Nusantara Publishing Sdn. Bhd.

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

Typesetting:  
Norijah Shahram  
Lukman Ahamad

Penerbit:  
**Nusantara Publishing Sdn. Bhd.**  
30-3, Lorong 6C/91, Taman Shamelin Perkasa,  
Cheras, 56100 Kuala Lumpur.  
Tel: 03-9826791 & 9817053. Fax: 03-9816035

Bagi pihak:  
**Ibu Pejabat Barisan Nasional**  
Aras 8, Menara Dato' Onn,  
Pusat Dagangan Dunia Putra,  
Jalan Tun Ismail  
50480 Kuala Lumpur.

Pemisahan warna:  
**Laserscan (KL) Sdn. Bhd.**  
46, Persiaran Zaaba,  
Taman Tun Dr. Ismail,  
60000, Kuala Lumpur.  
Tel: 03-7179525

Pencetak:  
**Ultimate Print Sdn. Bhd.**  
Lot. 12, Jalan 213  
46050 Petaling Jaya, Selangor DE.

## Sekalung budi


SAYA sekali lagi terhutang budi kepada Ibu Pejabat Barisan Nasional kerana memberi kepercayaan untuk menyusun buku ini. Saya juga rakamkan rasa setinggi terima kasih kepada beberapa pihak terutama Tan Sri Haji Abdul Samad Ismail dan rakan-rakan lain termasuk Tengku Mohamed Taib yang banyak membantu saya dengan sumbangan fikiran dan nasihat. Juga dirakamkan penghargaan kepada Pertubuhan Berita Nasional (BERNAMA), Jabatan Penerangan Malaysia, Kumpulan Akhbar Utusan Melayu dan akhbar Star yang menyediakan gambar-gambar untuk melengkapkan buku ini. Apa jua kecacatan adalah kelemahan diri dan dipohon sama-sama kita membetulkannya. Wassalam!

—Shafie Nor.

APB720740

07 JUL 1995

NASKAH PENTILIHARAAN  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA



**“Sesiapa yang menggunakan Islam dalam politik untuk kepentingan diri tidak akan diterima oleh Tuhan. Agama Islam adalah untuk menyatukan umat-umatnya dan bukanlah untuk berpecah belah. Islam merupakan alat perpaduan yang mengukuhkan kita dengan negara-negara Islam yang lainnya.”**  
— Tunku Abdul Rahman Putra



Tunku Abdul Rahman Putra

**PENGASAS PERKATA**



“Saya mengambil inisiatif untuk menubuhkan Barisan Nasional ini supaya parti-parti yang menumpukan taat setianya kepada Malaysia, supaya parti-parti yang mempunyai dasar menyatupadukan rakyat dapat bekerjasama di antara satu sama lain untuk melaksanakan cita-cita negara kita ini.”

— Tun Abdul Razak.



Tun Abdul Razak Hussein

**PENCIPTA BARISAN NASIONAL**




**“Barisan Nasional berikrar akan menubuhkan sebuah kerajaan yang cekap, jujur dan bersih dari rasuah dan penyelewengan bukan sahaja di peringkat Persekutuan bahkan juga di peringkat negeri. Jika diberi mandat baru kami akan tunaikan segala hasrat dan cita-cita rakyat.”**  
— Tun Hussein Onn.



Tun Hussein Onn

**PELAKSANA BARISAN NASIONAL**



**“Sudah terbukti Barisan Nasional adalah satu formula yang praktikal. Saya mewarisi satu sistem yang mempunyai kemungkinan untuk berjaya. Hanya yang dapat saya lakukan ialah menggunakan peluang-peluang dan idea-idea yang ada. Saya bersyukur dengan apa yang boleh saya lakukan.”**

**— Dr. Mahathir Mohamad.**



Dr. Mahathir bin Mohamad

**PENEGAK BARISAN NASIONAL**

# TOKOH-TOKOH



Tunku Abdul Rahman  
Putra



Tun V. T. Sambanthan



Tun Tan Siew Sin



Tun Abdul Razak  
Hussein



Tun Mustapha Harun



Tun Tan Cheng Lock



Tun Dr. Lim Chong Eu



Tun Abdul Rahman  
Ya'kub



Tan Sri Fatimah  
Hashim



Tan Sri Ong Kee Hui

# BARISAN NASIONAL



Tun Dr. Ismail Abdul  
Rahman



Tun Hussein Onn



S. P. Seenivasagam



Tan Sri Temenggong  
Jugah



Tan Sri Senu Abdul  
Rahman



Tun Leong Yew Koh



Tan Sri Khir Johari



Tan Sri Aishah Ghani



Tan Sri Asri Haji Muda



Tun Donald Stephen



# BARISAN NASIONAL MALAYSIA

## PENGERUSI

SAYA mengucapkan selamat datang dan selamat bersidang kepada para perwakilan Barisan Nasional ke Konvensyen ini. Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada para perwakilan kerana menghadiri Konvensyen ini demi kepentingan kita bersama.

Tidak lama lagi kita akan menghadapi satu ujian yang besar dan getir, iaitu Pilihanraya Umum. Kita akan meminta mandat baru dan kepercayaan rakyat sekali lagi supaya kita dapat terus mentadbirkan negara. Saya yakin, sebagaimana juga saudara-saudara sekalian yakin, bahawa kita akan diberikan kepercayaan ini berdasarkan prestasi kita. Kewibawaan dan kedudukan Barisan Nasional sekarang adalah mantap. Kita bukanlah hendak menongkat langit, tetapi dengan izin Allah S.W.T. kita harap kita akan dapat mengulangi prestasi kita dalam Pilihanraya yang akan datang. Malah kita yakin prestasi kita kali ini akan lebih baik daripada yang dicapai pada tahun 1990 dahulu.

Harapan kita ialah harapan yang berasaskan kenyataan. Pembangunan negara bergerak dinamis dalam setiap bidang. Selain daripada itu ialah keutuhan dan perpaduan antara parti-parti komponen Barisan Nasional. Barisan Nasional bukan sekadar satu gabungan beberapa parti politik yang sealign dan sefahaman. Barisan Nasional mencerminkan falsafah hidup masyarakat berbagai-bagai kaum, berbagai-bagai agama, berbagai-bagai budaya dan berbagai-bagai bahasa di negara kita.

Kita boleh berbangga bahawa antara banyak negara membangun dalam dunia ini, Malaysia terserlah sebagai sebuah negara yang aman dan maju. Negara kita menjadi contoh bagi negara-negara lain bagaimana sebuah masyarakat majmuk boleh berjaya mencapai kemajuan politik, ekonomi dan sosial yang tinggi. Falsafah 'power sharing' atau pengagihan kuasa yang saksama antara parti politik etnik di negara kita sudah menjadi contoh teladan dan inspirasi kepada negara-negara membangun yang lain. Kita dapat melihat sendiri betapa beberapa negara lain dilanda konflik etnik dan agama yang menyebabkan banyak kerosakan dan kematian tanpa mana-mana pihak mendapat apa-apa keuntungan.

Nasib Somalia amat menyedihkan sekali kerana rakyatnya adalah daripada satu bangsa dan satu agama, iaitu rakyat yang beragama Islam puak Sunni tetapi masyarakatnya terbahagi kepada puak-puak dan suku-suku kaum. Agama yang sama tidak berjaya membendung konflik tribal dan kesukuan. Sebaliknya Malaysia yang diduduki oleh satu masyarakat majmuk, daripada berbagai-bagai etnik, agama, budaya, bahasa dan suku kaum tidak diserang oleh masalah ini. Malaysia bukan sahaja aman tetapi dapat dibangun dengan lebih pesat daripada semasa dijajah. Demikianlah keamanan dan pencapaian Malaysia sehingga badan-badan antarabangsa seperti Bank Dunia memilih Malaysia untuk melatih pegawai-pegawai daripada negara-negara membangun yang lain.

Sebenarnya kejayaan dan kemajuan kita bukanlah datang bergolek ke pangkuan kita tetapi adalah hasil daripada usaha gigih kita sendiri, iaitu usaha bersama daripada setiap golongan dan setiap kaum dalam negara kita. Kejayaan kita bukanlah kerana usaha mana-mana satu kaum sahaja, sama ada Melayu, Cina, India atau suku-suku kaum di Sarawak atau Sabah. Kejayaan kita adalah hasil sumbangan semua kaum dan pihak yang memiliki kebolehan tertentu. Dengan digabung dan dikoordinasikan semua tenaga dan kecekapan ini, maka hampir semua masalah dan rintangan dapat diatasi dan kejayaan dicapai.

Falsafah pengagihan kuasa yang saksama atau 'power sharing' yang kita amalkan bertujuan menentukan supaya kehidupan dan peluang terbuka kepada setiap golongan dan setiap kelompok etnik dalam negara kita. Kedaulatan rakyat terletak pada Dewan Rakyat. Dalam sistem Demokrasi Berparlimen negara kita, rakyat berbilang kaum, agama dan kepercayaan diberikan hak untuk memilih wakil-wakil rakyat mereka secara demokratik.

Barisan Nasional, sebuah ikatan berbagai-bagai parti politik tidak akan mempunyai erti apa-apa jika ia tidak berlandaskan sistem demokrasi Berparlimen, dengan kebebasan bagi rakyat menyertai Pilihanraya Umum yang telus dan demokratik.

Semenjak kita merdeka pada tahun 1957, asas-asas demokrasi kita telah melalui perubahan sesuai dengan keperluan dan kepentingan sesama rakyat kita sendiri. Ciri-ciri sistem demokrasi itu tetap utuh dan tidak berubah, iaitu rakyat berhak untuk memilih kerajaan mereka sendiri. Hak ini tetap dipertahankan. Sekalipun pada suatu masa lalu negara kita dilanda oleh ancaman komunis dan keganasan sekelompok rakyat yang menggunakan kekerasan untuk memerintah, namun rakyat tetap menikmati hak mereka untuk memilih kerajaan mereka sendiri. Kerana itulah, maka kita berjaya menghapuskan ancaman komunis.

Pihak yang berasa kesal kononnya Barisan Nasional berkuasa kerana ia menguasai suara majoriti yang besar dalam Dewan Rakyat, lupa hakikat bahawa kemenangan itu ialah hasil daripada pemilihan oleh rakyat, melalui undi dalam Pilihanraya yang demokratik. Mereka cuba meniadakan hak rakyat memilih mengikut selera mereka, tetapi rakyat lebih tahu apa yang baik bagi mereka. Barisan Nasional perlu mengulangi prestasinya kali ini bukan kerana kita gila kuasa tetapi kerana kita yakin akan kemampuan kita, berdasarkan rekod-rekod kita di masa lalu untuk meneruskan dan melanjutkan pembangunan negara dan rakyat ke arah Wawasan 2020. Kita yakin dan percaya dan rakyat juga yakin bersama-sama kita, bahawa hanya sebuah kerajaan yang kuat dan demokratik yang mampu membawa negara dan rakyat ke arah cita-cita kita bersama untuk membangun sebuah negara maju yang bermaruah.

Kita dapat menyaksikan bagaimana kerajaan-kerajaan minoriti di negara lain, bahkan di negara-negara maju juga yang tidak dapat bergerak untuk membangunkan negara masing-masing kerana kelemahan pemerintahan. Kerajaan yang takut membuat keputusan kerana kurang yakin pada kemampuannya tidak akan dapat mengatasi masalah-masalah pemerintahan.

Prasyarat untuk membangun politik, ekonomi, sosial dan budaya ialah kewujudan sebuah Kerajaan yang mendapat mandat yang cukup daripada rakyat. Dengan mandat yang kuat daripada rakyat, kerajaan dapat melaksanakan program-program pembangunannya di setiap bidang dengan yakin dan memastikan bahawa tiap-tiap program itu dapat dilaksanakan dengan dokongan dan sokongan bulat daripada sebahagian besar rakyatnya.

Kita akan menghadapi cabaran-cabaran yang getir dalam dekad-dekad akan datang. Sekalipun Perang Dingin telah berakhir dan bahaya perang nuklear tidak lagi mengancam manusia tetapi penjajahan dalam bentuk baru belum berkubur. Dunia menghadapi berbagai-bagai ujian dan cabaran baru yang belum pernah kita hadapi di masa lalu. Sekiranya kita tidak waspada memperkukuh perpaduan dan keutuhan kita sebagai suatu bangsa, maka segala kemajuan yang kita perjuangkan dengan begitu susah payah selama ini akan menjadi sia-sia sahaja.

Kita tidak boleh alpa. Kita harus berusaha terus dengan gigih agar kita dapat membangun dan mencapai cita-cita bersama kita, iaitu menjadikan negara kita sebuah negara maju yang setanding dengan negara-negara maju yang lain.

Kita harus berani meninggalkan prejudis-prejudis kita yang dahulu. Kita harus berani menyesuaikan diri kita untuk menyahur cabaran masa kini dan masa depan. Amalan-amalan yang usang, yang boleh menghalang kita memburu kemajuan, hendaklah kita tinggalkan.

Kita berada di ambang zaman yang serba mencabar yang menuntut setiap seorang daripada kita agar berani menghadapi perubahan dengan minda yang terbuka dan dengan semangat siap sedia menghadapi segala cabaran dan rintangan.

Saya bersyukur dan berterima kasih kepada teman-teman daripada parti komponen Barisan Nasional yang terus berusaha menjadikan Barisan Nasional sebagai suatu alat yang fleksibel untuk menghadapi cabaran-cabaran dekad sekarang dan akan datang.

Prestasi yang telah kita capai setakat ini bukanlah kerana kebijaksanaan dan keunggulan satu-satu individu atau satu-satu parti dalam Barisan Nasional.

Prestasi yang kita capai selama ini ialah hasil daripada sumbangan setiap pemimpin dan setiap parti dalam Barisan Nasional. Barisan Nasional merupakan satu institusi yang mempunyai sejarah dan tradisinya, iaitu tradisi tolak ansur, saling bertukar-tukar fikiran, saling bekerjasama dan saling mengambil kira dan peka terhadap kepentingan satu dengan lain, tegasnya tradisi bermuafakat dan tradisi musyawarah.

Pembangkang cuba meniru formula kita dengan menubuhkan Gagasan Rakyat dan Angkatan Perpaduan Ummah.


Tetapi ternyata percubaan ini gagal kerana dorongan mewujudkan barisan mereka ialah nafsu dan kepentingan masing-masing dan bukan kepentingan nasional. Kita sebaliknya bergabung sesama kita untuk kepentingan negara, bukan untuk berkuasa atau untuk memuaskan nafsu kita tetapi berkuasa untuk mengisi cita-cita membentuk suatu bangsa yang bersatu padu dalam sebuah negara maju. Kita yakin kita akan menjadikan suatu bangsa dan suatu negara yang dihormati dan disegani oleh dunia.

Apa gunanya kita berkuasa jika bangsa kita dipandang hina dan negara kita menjadi papa dan sentiasa dilanda krisis dan konflik? Kita harus belajar daripada tragedi yang menimpa negara lain seperti Bosnia-Herzegovina yang ditimpa tragedi yang amat menyayat hati. Tidak ada siapa yang akan menolong kita jika kita lemah dan bermusuhan sesama sendiri. Dan tidak ada siapa yang akan menolong kita jika negara kita dicero bohi oleh orang lain.

Rakyat Somalia begitu juga dipermainkan oleh kepentingan antarabangsa. Rakyat Rwanda pun sama mengalami nasib yang menyayat hati. Ini menunjukkan bahawa kalau kita lemah, kalau kita dilanda mala petaka tiada siapa yang boleh atau yang sanggup menolong kita. Kerana itu kita sendiri yang harus membangun negara kita, mempertahankannya dengan tenaga dan keringat kita sendiri. Tiada siapa yang akan menolong kita kalau kita hidup melarat, kalau negara kita kucar-kacir.

Demi nasib kita di masa depan, kita harus mempertahankan Barisan Nasional dan memastikan bahawa Barisan Nasional akan terus menerajui kerajaan dan negara.

Selamat bersidang.



**Dr. Mahathir bin Mohamad**



Dato' Mohamed Rahmat



# BARISAN NASIONAL MALAYSIA

## SETIAUSAHA AGUNG

SAYA ingin mengucapkan selamat datang dan selamat bersidang kepada para perwakilan Konvensyen Barisan Nasional hari ini.

Saya berdoa ke hadrat Allah SWT agar konvensyen ini berlangsung dengan lancar untuk memanfaatkan tidak sahaja parti kita tetapi seluruh rakyat Malaysia.

Pilihanraya Umum semakin dekat dan ini bererti kita sekali lagi akan menghadapi satu ujian yang besar. Kita tidak sahaja berkewajipan mempertahankan prestasi yang kita capai dalam tahun 1990 tetapi juga dengan izin Allah SWT kita berharap akan meningkatkan lagi prestasi itu.

Untuk itu tentulah tiap komponen dalam Barisan Nasional harus bekerja berlipat ganda dan berkorban lebih besar dari masa lalu. Saya percaya tiap seorang dari kita tidak akan mengabaikan tanggungjawab dan kewajipan masing-masing untuk memastikan kerajaan kita akan mencapai kemenangan yang lebih gemilang dalam Pilihanraya Umum akan datang ini. Sudah tentu satu dari syarat kita untuk mencapai kemenangan mutlak ialah dengan memperkukuh dan memantapkan lagi perpaduan kita.

Kita harus menjamin agar jentera Pilihanraya kita dapat bergerak dengan lancar dan teratur. Kita harus memastikan bahawa kita tidak akan menghadapi masalah dalaman menjelang Pilihanraya. Kita harus berusaha agar tiap anggota kita di peringkat akar umbi memahami sepenuhnya objektif perjuangan kita. Tidak harus ada sedikitpun keraguan atau kesamaran di kalangan rakyat terhadap platform politik, ekonomi, sosial dan budaya yang kita perjuangkan.

Menjelang Pilihanraya ini kita harus memastikan bahawa tiap kelompok dalam parti masing-masing kembali bersatu tanpa memikirkan kepentingan peribadi atau kepentingan kelompok mereka, melainkan bulat menumpukan segala tenaga mereka kepada satu sahaja matlamat, iaitu berjuang demi menjamin kemenangan Barisan Nasional.

Kunci paling penting sekali dalam kemenangan Barisan Nasional pada masa lalu ialah disiplin, iaitu disiplin yang dipatuhi oleh tiap parti komponen menerima keputusan kepimpinan Barisan Nasional mengenai segala aspek Pilihanraya Umum. Pertama sekali ialah menerima dengan ikhlas dan bulat keputusan kepimpinan Barisan Nasional mengenai pembahagian kerusi dan kawasan yang diperuntukkan kepada tiap parti komponen. Presiden, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad pernah mengingatkan anggota-anggota UMNO supaya jangan meragukan pilihan calon-calon parti UMNO dalam Pilihanraya Umum akan datang sebagaimana beliau membuat peringatan itu kepada anggota-anggota UMNO demikian juga saya percaya beliau ingin sekali anggota-anggota parti komponen Barisan mematuhi pilihan calon-calon yang dibuat oleh Barisan Nasional.

Lagi suatu perkara yang penting yang rasanya perlu saya sebutkan di sinilah tiap parti komponen khususnya anggota Barisan Nasional tidak harus mempersoalkan platform Pilihanraya Barisan Nasional. Objektif-objektif Barisan Nasional yang menjadi platform Pilihanraya Barisan Nasional kelak adalah rumusan pendapat, pemikiran, pendekatan dan pandangan dari seluruh parti-parti komponen Barisan Nasional. Platform Pilihanraya Barisan Nasional bukan merupakan platform UMNO ataupun platform MCA, ataupun platform MIC.

Ita bukan merupakan wawasan Presiden Dato<sup>o</sup> Seri Dr. Mahathir Mohamad ataupun wawasan Dato<sup>o</sup> Seri Ling Liong Sik ataupun wawasan Dato<sup>o</sup> Samy Vellu, tetapi sebaliknya mencerminkan hasrat dan cita-cita seluruh parti komponen Barisan Nasional yang akan dilaksanakan sebagai dasar-dasar Kerajaan manakala Barisan Nasional berkuasa kelak setelah Pilihanraya Umum akan datang.

Kita berharap tidak akan mendengar suara-suara sumbang dari anggota-anggota parti komponen Barisan Nasional mengenai aspek-aspek tertentu dari platform Barisan Nasional nanti. Kita juga tidak mahu mendengar suara-suara sumbang mengenai pilihan calon-calon Barisan Nasional nanti dari anggota-anggota Barisan Nasional. Kita tidak mahu seperti kata pepatah Melayu 'rumah sudah siap pahat masih berbunyi lagi'. Kita berhasrat mencapai prestasi yang lebih besar di dalam Pilihanraya kali ini. Amatlah penting kita memperkukuhkan disiplin kita dan membulatkan kesetiaan kita sebagai anggota Barisan Nasional kepada kepimpinan parti kita. Bahawa Barisan Nasional akan menang dalam Pilihanraya kali ini dan insya-Allah akan menang lebih gemilang dari Pilihanraya Tahun 1990 yang lalu, adalah suatu hal yang tidak kita ragukan. Tetapi demi kepentingan kempen kita nanti dapat berjalan dengan lancar, kemas dan teratur, kita wajar membatasi dan kalau boleh menghapuskan masalah-masalah dalaman kita.

Kita bersyukur ke hadirat Allah SWT kerana Negara dan rakyat kini berada dalam keadaan hidup yang amat selesa, sejahtera dan aman. Ini adalah kerana dasar-dasar Kerajaan Barisan Nasional dalam bidang politik, ekonomi, sosial dan budaya mengangkat tahap Negara dan bangsa kepada peringkat kemajuan dan pembangunan yang seumpamanya belum pernah dicapai oleh kita pada masa lalu.

Kita yakin bahawa kesedaran terhadap hakikat akan menjadi kenyataan manakala mereka mengundi kita kelak. Kemajuan Negara dan rakyat yang pesat dan dinamis telah menyebabkan parti-parti pembangkang dalam keadaan serba sulit dan tersepit, mereka tidak mempunyai modal untuk berkempen dalam Pilihanraya akan datang. Kalau adapun bahan untuk menjadi platform mereka maka masalah-masalah yang dapat mereka timbulkan tidak dapat mengelirukan rakyat yang dalam hidup hari-hari mereka menyaksikan sendiri kepesatan pembangunan di sekitar mereka. Rakyat dapat merasakan sendiri betapa tahap hidup mereka telah meningkat, betapa keadaan politik dalam Negara sekarang stabil dan kukuh. Rakyat dapat melihat bagaimana dibandingkan dengan Negara-

negara membangun yang lain keadaan hidup rakyat di Malaysia amat terjamin sedangkan rakyat di Somalia, Rwandan Buurndi, di Bosnia, di Chechnya dan Afghanistan, di Palestine dan di Kashmir serta di beberapa Negara lain rakyat masing-masing hidup dalam keadaan azab sengsara.

Rakyat bertuah sekali kerana dapat mengalami hidup mereka dalam keadaan aman dan sejahtera. Bahawa Barisan Nasional telah berjaya mengendalikan Negara dan sejak merdeka hinggalah hari ini bukanlah satu fenomena yang keberutuhan ataupun coincidental ataupun satu perkembangan yang tidak disengajakan. Barisan Nasional diwujudkan sebagai satu institusi yang menggabungkan parti-parti politik dari berbagai kaum dan kelompok demi menghayati dan mengamalkan nilai hidup dan tradisi rakyat Malaysia dalam pembangunan Negara, iaitu satu institusi yang hidup di mana tiap kaum menghayati nilai bekerjasama atas dasar saling menghormati kepentingan masing-masing untuk membangun satu bangsa yang bersatu padu, satu masyarakat yang demokratik dan sebuah negara yang progresif.

Banyak negara lain ingin belajar dari kita bagaimana menyatu padukan berbagai-bagai kaum etnik, yang berbeza kepercayaannya, kebudayaannya dan adat resamnya untuk menganut dan mengamalkan nilai-nilai hidup yang sesuai dengan masyarakat majmuk. Bagaimana berbagai-bagai kaum yang berbeza agamanya, kepercayaannya, kebudayaan dan adat resamnya dapat menanam nilai-nilai politik yang diterima oleh seluruh masyarakat. Sistem demokrasi tidak bererti apa-apa sekiranya masyarakat saling berkonflik antara satu sama lain. Sistem demokrasi berparlimen hanya mempunyai erti sekiranya nilai-nilai tolak ansur, nilai-nilai kompromi, nilai-nilai saling hormat menghormati antara satu kaum dengan satu kaum dapat dihayati oleh seluruh masyarakat.

Sebaliknya sekiranya nilai-nilai politik itu tidak diamalkan oleh masyarakat, sistem demokrasi itu hanya akan mencetuskan konflik di mana satu kaum berusaha menguasai satu kaum yang lain. Dalam keadaan yang demikian Dewan Rakyat dan Dewan-Dewan Undangan Negeri hanya akan menjadi Dewan-Dewan di mana hanya soal-soal perkauman, perbezaan agama, budaya dan perbezaan adat resam akan merupakan masalah-masalah yang menguasai dewan-dewan tersebut hingga masalah-masalah Nasional tidak langsung dan kurang menerima perhatian dari wakil-wakil rakyat. Alhamdulillah bersyukur kepada Allah subhanahuwataala kerana memberi petunjuk kepada para pemimpin kita untuk merencanakan dan melaksanakan dasar-dasar yang ditujukan ke arah memantapkan perpaduan kaum dan di samping itu melaksanakan program-program ekonomi, sosial dan kebudayaan yang mengukuhkan perpaduan bangsa. Kemajuan ekonomi kita yang begitu dinamis selama ini terbuka luas di masa depan kerana masyarakat kita bebas dari persoalan etnik dan agama.

Negara-negara lain mengagumi perpaduan masyarakat majmuk kita dan kemajuan dinamis kita di bidang ekonomi. Sebabnya ialah kemajuan itu tercapai di tengah-tengah keadaan dunia yang kalut dengan masalah-masalah etnik dan kemerosotan ekonomi.

Di setengah-setengah negara di Eropah Barat dan Amerika masalah etnik dan agama merupakan masalah-masalah yang amat rumit. Kita tidak harus berpuas hati dengan pencapaian kita setakat ini sekalipun pencapaian kita itu mengagumkan. Kita harus berusaha mengukuhkan prestasi itu dengan memantapkan lagi perpaduan kaum di Negara kita dan membanteras setiap gejala yang kita anggap akan menjejaskan keharmonian hidup antara kaum di Negara kita.

Barisan Nasional berdiri bagi satu lambang perpaduan kaum di Negara kita, suatu lambang kejayaan kita mengatur hidup kita secara aman, suatu bukti kemajuan kita mencapai cita-cita kita untuk mewujudkan satu bangsa bersatu padu. Barisan Nasional bukan hanya satu insitituti politik tapi ia merupakan satu institusi yang mencerminkan kejayaan kita menghayati nilai-nilai hidup yang universal iaitu nilai-nilai tolak ansur, nilai-nilai saling menghormati antara satu kaum dengan satu kaum yang lain, antara satu agama dengan satu agama, antara satu adat dengan adat lain. Inilah yang dilambangkan oleh Barisan Nasional.

Kita dapat melihat dan dapat mengerti lebih mendalam lagi betapa pentingnya sumbangan institusi Barisan Nasional kepada bangsa dan Negara kalau kita mengingat kembali bagaimana sulitnya dan susahnyanya para pemimpin kita dalam dekad-dekad sebelum Merdeka dulu untuk menyatukan kaum Melayu, kaum Cina dan India bersatu dalam Barisan perjuangan untuk mendapatkan kemerdekaan dari penjajah British.

Dengan kebijaksanaan pemimpin-pemimpin kita di zaman itu, iaitu dengan tolak ansur mereka maka kita telah mencapai kemerdekaan.

Tradisi itulah yang kekal hingga hari ini dan itulah juga kunci kejayaan perikatan dan Barisan Nasional dalam tiap pilihanraya.


Sejarah kejayaan kita menyakinkan rakyat bahawa hanya dengan perpaduan kaum sahaja maka kita dapat mengekalkan kemerdekaan kita dan sistem demokrasi kita.

Barisan Nasional ialah satu ikatan parti-parti politik kaum di negara kita tetapi hakikatnya Barisan Nasional merupakan wardah untuk rakyat berbagai kaum, agama, kebudayaan dan kepercayaan bermuafakat bersama mewujudkan satu masyarakat majmuk yang aman, maju dan bersatu padu.

Saya mengucapkan sekali lagi setinggi terima kasih dan penghargaan kepada perwakilan Barisan nasional di konvensyen ini dengan doa agar kita dapat merumuskan pendekatan bersama menghadapi Pilihanraya Umum yang akan datang.

Selamat bersidang.

Dato Mohamad Rahmat



# BARISAN NASIONAL UTAMAKAN KEPENTINGAN BANGSA DAN NEGARA

SAYA sangatlah terharu melihatkan perhimpunan yang begitu ramainya pada malam ini. Pada fikiran saya inilah perhimpunan yang terbesar sekali yang pernah diadakan di Ibu Kota kita. Disebabkan saudara-saudara sekalian telah datang dari tempat-tempat yang jauh dan untuk mengenangkan dan mengingati perhubungan diplomatik kita dengan negara Republik Rakyat Cina, saya sukacita mengisytiharkan besok boleh jadi hari cuti am. Oleh itu sesiapa yang tak sempat balik bolehlah duduk di Kuala Lumpur semalam lagi.

Saya sukalah mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada saudara-saudara yang telah sudi datang dari serata-ceruk rantau negara kita untuk menghadiri rapat raksasa yang diadakan oleh Barisan Nasional pada malam ini.

Begitu juga saya mengu-

capkan terima kasih kepada sahabat saya Encik Ghafar Baba dan jawatankuasanya yang telah dapat mengaturkan rapat raksasa pada malam ini.

Kehadiran saudara-saudara yang begitu ramainya adalah menunjukkan yang saudara-saudara sekalian menerima dan memberi sokongan yang kuat kepada Barisan Nasional yang kita sedang wujudkan pada masa ini.

Saya percaya dengan sokongan yang begitu besar, yang begitu kuat, yang begitu hangat Barisan Nasional akan tumbuh dengan subur dan dengan kuatnya pada beberapa tahun yang akan datang ini.

Saya masih ingat lagi dua puluh dua tahun dahulu pada masa kita menubuhkan Perikatan, ada rintangan-rintangan di antara parti-parti dalam Perikatan, Rintangan-rintangan

● UCAPAN Allahyarham **TUN ABDUL RAZAK BIN HUSSEIN**, di rapat raksasa Barisan Nasional di Padang Kelab Selangor (Dataran Merdeka) pada 2 Jun 1974.



● **TUN ABDUL RAZAK** bersama Tun Hussein, Tan Sri Asri, Datuk Michael Chen dan Tan Sri V. Manikavasagam dalam satu taklimat kepada ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional di Kuala Lumpur, September 1974.



● TUN RAZAK menyampaikan ucapan di perjumpaan PERIKATAN di Kuala Lumpur, Februari 1971.

itu ialah merupakan perbezaan asas di kalangan parti-parti dalam Perikatan.

Akan tetapi apabila konsep Perikatan itu telah diterima oleh rakyat jelata dan bila Perikatan telah menunjukkan bukti-bukti dan jasanya pada rakyat jelata, perbezaan asas itu telah menjadi pokok kekuatan kepada parti Perikatan dan parti Perikatan telah diterima oleh rakyat sehingga hari ini.

Begitu juga saudara-saudara sekalian jikalau pada masa ini ada perbezaan asas di antara anggota-anggota dalam parti-parti dalam Barisan Nasional saya yakin dan percaya perbezaan ini akan hilang.

Perbezaan ini akan dihapuskan dan perpaduan yang kuat akan timbul di kalangan parti-parti dalam Barisan Nasional.

Saya bersyukur ke hadirat Tuhan dalam negara kita daripada berbilang bangsa ini kita telah dapat menyatupadukan tenaga rakyat yang besar di bawah panji-panji Barisan Na-

sional.

Kita mengetahui bahawa dalam negara kita ini kalau tidak ada perpaduan di kalangan rakyat dan kalau ada pertentangan politik yang hangat di antara satu pihak dengan pihak yang lain ini akan menghalangkan usaha-usaha kita untuk menjalankan rancangan-rancangan kemajuan khasnya usaha-usaha kita menurut rukun negara dan juga dasar ekonomi baru yang kita telah terima dengan sepe-nuhnya itu.

Jadi memandangkan keadaan inilah saya telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan Barisan Nasional ini supaya parti-parti yang menumpukan taat setianya pada Malaysia, supaya parti-parti yang mempunyai dasar menyatupadukan rakyat dapat bekerjasama di antara satu dengan lain untuk melaksanakan cita-cita negara kita ini.

Saya bersyukur ke hadirat Tuhan di atas kejayaan penubuhan Barisan Nasional ini dan saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada

Ketua-ketua parti yang ada bersama dengan kita pada malam ini. Ketua-ketua parti yang telah bersetuju mengeneipkan kepentingan partinya, mengeneipkan kepentingan diri mereka itu dan mengutamakan kepentingan bangsa dan negara.

Kita berharap dengan adanya konsep Barisan Nasional ini dan yang kita jaya menyatukan tenaga parti-parti yang saya sebutkan tadi iaitu parti dalam Perikatan, UMNO, MCA, MIC, Parti PAS, Parti Gerakan, Parti PPP, Parti SUPP, yang kita harap akan dapat meredakan pertelingkahan politik dan rakyat negeri ini daripada semua bangsa, dapat menumpukan usaha dan tenaga kepada pembangunan negara kita, usaha-usaha menguatkan perpaduan rakyat. Kita sendiri dapat melihat dan mengetahui semenjak Barisan Nasional ditubuhkan faedah-faedah telah didapati daripada konsep Barisan Nasional ini.

Kerajaan campuran telah ditubuhkan di negeri-negeri di Negeri Pulau Pinang, di Negeri

Perak, kemudian Negeri Kelantan, Terengganu dan Negeri Kedah, telah menunjukkan bahawa kejayaan yang besar dapat dicapai disebabkan adanya konsep Kerajaan Campuran ini.

Jadi saya berharap dengan sokongan yang hangat dan yang kuat daripada saudara-saudara semua daripada rakyat negara ini seluruhnya kita dapat memperkuat dan memperkukuhkan lagi konsep Barisan Nasional ini supaya dengan itu negara kita yang muda yang sedang membangun itu akan dapat terus maju ke hadapan dan kita akan dapat memberi tempat yang sempurna kepada rakyat negara kita daripada berbilang bangsa.

Tak dapat tiada seperti saya telah terangkan dalam rapat umum yang telah kita adakan pada masa yang lampau inilah rapat umum yang kelima yang kita adakan bagi mengenalkan Barisan Nasional ini.

Dalam rapat umum yang kita adakan pada masa yang lampau, saya telah terangkan juga tak dapat tiada kita menghadapi tentangan-tentangan daripada pihak-pihak Perkauman dan yang keduanya Anti-Nasional.

Kedua-dua pihak sungguhpun bilangannya kecil akan tetapi apabila kita biarkan mereka ini menjalankan aktiviti-aktiviti atau gerakan-gerakannya ini akan menghalang pembangunan negara kita, ini akan menyusahkan Kerajaan hendak menajaya cita-cita dan hasrat rakyat.

Saya suka mengambil peluang ini memberi amaran kepada puak-puak ini bahawa kita di Malaysia ini mengamalkan demokrasi yang berparlimen.

Akan tetapi kita ada mempunyai Undang-undang, kita ada mempunyai aturan-aturan dan kalau mereka itu melanggar un-

dang-undang negara tak dapat tiada Kerajaan terpaksa mengambil tindakan terhadap mereka itu.

Kita berharap mereka itu akan menjauhkan diri daripada menggunakan isu-isu sensitif untuk mendapat sokongan rakyat, sebab ini boleh menimbulkan perselisihan faham dan pergaduhan di kalangan rakyat yang tidak diingini.

Begitu juga baru-baru ini ada timbul peluang dalam parti-parti dalam Barisan Nasional sendiri yang cuba hendak memecahbelahkan dan hendak melemahkan perjuangan Barisan Nasional. Kita tahu petualang-petualang

ini, kita sentiasa memperhatikan gerak-geri mereka itu, kita tahu di mana mereka itu mendapat sokongan, dari dalam ataupun dari luar negeri.

Kita sentiasa mengawasi mereka itu, jadi saya berharap mereka itu berwaspada supaya jangan menjalankan gerakan-gerakan yang boleh merosakkan perpaduan rakyat yang boleh memecahbelahkan rakyat dan boleh menghalang kemajuan negara kita yang kita kasih ini.

Akan tetapi saudara-saudara sekalian, saya yakin dan percaya negara kita yang kita kasih ini akan dapat maju ke hadapan da-



● TUN RAZAK di perhimpunan PERIKATAN di Pulau Pinang, Julai 1966.



● TUN RAZAK bersama Datuk S. Subramaniam dan Datuk K. Pathmanathan dari MIC di perjumpaan Barisan Nasional di Kuala Lumpur, September 1974.

ri sehari ke sehari dan cita-cita dan hasrat negara akan dapat dicapai dan terlaksana dengan sempurna.

Saya baru saja petang ini balik daripada membuat lawatan rasmi ke Negeri China iaitu negeri yang dinamakan Republik Rakyat China, negara yang terbesar sekali di dunia ini yang mempunyai rakyat 800 juta orang ramainya.

Saya sangatlah tertarik hati dengan sambutan yang meriah dan mesra yang telah diberi kepada saya pada masa membuat lawatan ke Negeri China itu.

Begitu jugalah saya sangatlah tertarik kepada sambutan yang diberi oleh rakyat di negeri ini pada masa balik pada petang tadi di padang Kapal Terbang Subang kita.

Jadi ini adalah menunjukkan dengan terang dan nyata bahawa rakyat di kedua-dua negara adalah bersetuju dan menerima dasar kita dan pengu-

rusan kita hendak mengadakan perhubungan diplomatik di antara Negeri China dengan Malaysia dan untuk melaksanakan dasar itulah kita telah mengadakan perhubungan diplomatik dengan semua negara-negara di dunia ini.

Negeri China telah memberi sokongan kepada dasar kita ini. Ini ialah satu perkara yang sangat baik, mereka itu dengan tidak payah kita meminta sokongan dengan kehendak mereka itu sendiri.

Perdana Menteri Ghou En Lai bukan dengan permintaan saya bahkan datang dari mulut dia sendiri mengatakan yang Kerajaan Negeri China menyokong konsep kebebasan Tenggara Asia.

Begitu juga dia tanya dengan Selat Melaka saya kata kita dengan Indonesia berkehendakkan Selat Melaka itu tidak dijadikan Selat International, dia kata inipun dia sokong juga. Dia kata patut sangatlah Selat Melaka itu tempat rakyat Malaysia dan In-

donesia mencari makan, tempat nelayan-nelayan menangkap ikan, jadi kalau di situ berlaku pecahan kapal atau berlaku pollution ini nescaya merosakkan mata pencarian rakyat, di Selat Melaka itu tempatnya sempit kita mengakui iaitu kawasan perairan kita dua belas batu, Indonesia pun dua belas batu.

Jadi sebahagian daripada Selat Melaka itu telah menjadi kawasan perairan Indonesia dan Malaysia.

Dengan sebab itulah kita kata Selat Melaka itu tak boleh dijadikan kawasan International bahkan mestilah dijadikan yang dikatakan "Internal waterways". Jadi kita syukur Kerajaan Cina telah menyokong dan mereka itu mengaku hendak menyokong dasar kita di dalam conference atau persidangan "Law of the sea" yang akan diadakan tidak berapa lama lagi.

Itulah saya kata tadi kita berkehendakkan keamanan dan kestabilan. Dasar luar negeri kita menentukan dan menjamin

keamanan dan kestabilan begitu juga kita mesti menjamin keamanan dan kestabilan dalam negeri kita, jadi dengan sebab itulah kita mesti menguatkan perpaduan di kalangan rakyat.

Kita telah jalankan langkah-langkah yang kita telah tentukan dan kita ambilkan langkah-langkah ini yang saya telah sebutkan, kita telah mengambil langkah menguatkan perhubungan di antara rakyat daripada berbilang bangsa, menguatkan tali persahabatan dan muhibbah daripada berbilang bangsa dan saya percaya dengan adanya perhubungan kita dengan Negeri China sekarang ini dan dengan rakyat Malaysia daripada keturunan Cina sekarang ini tegas kedudukan mereka itu sebagai warganegara Malaysia, kita percaya kita akan dapat menyatupadukan rakyat dengan lebih sempurna, dengan lebih jaya lagi.

Jadi semua ini kita kena jalankan, begitu jugalah seperti saya katakan berkenaan dengan

penggunaan komunis yang masih ada lagi mengancam keselamatan dalam negeri kita ini.

Mereka itu sudah tak ada tempat lagi dengan adanya perhubungan diplomatik dengan Negeri China, tujuan mereka itu sudah hapus sama sekali. Jadi mereka itu hanya sia-sia sahaja perjuangan tetapi kalau mereka itu terus juga perjuangannya terpaksa kita hapuskan mereka itu dengan sehabis-habisnya.

Tetapi kita tak suka hendak membunuh mana-mana pihak, hendak menjahanamkan rakyat.

Kalau mereka itu rakyat Malaysia suka hendak balik kepangkuan masyarakat dan kita akan terima dengan baik dan kalau mereka itu menghentikan dasar kekerasan yang mereka itu jalankan mereka itu akan dibenarkan seperti mereka yang ada di Sarawak pada masa ini dibenarkan mengambil bahagian dalam politik, dibenarkan menjalankan aktiviti-aktiviti dan usaha-usaha harian sebagai warga-

negara di negara kita.

Jadi kita bersifat adil kepada semua pihak. Kita bukan ada niat tak baik kepada mana-mana pihak, kita niat baik, kita niat hendak bersahabat dengan semua negara, kita niat kerana kita inginkan kemajuan, kita inginkan kepada perubahan-perubahan, jadi inilah dasar kita.

Dengan sebab cita-cita yang mumi inilah kita telah mengambil langkah-langkah sehingga saya terpaksa pergi ke Negeri China untuk hendak melaksanakan dasar kita hendak mengadakan keamanan dan ketenteraman di Tenggara Asia ini.

Malangnya, oleh sebab saya barangkali umur lebih sedikit, tak ada upaya hendak naik terus ke atas Great Wall of China, hanya sampai kedua tingkat sahaja. Tan Sri Temenggung juga sampai dia ke tingkat tiga, dia lebih kuat lagi.

Tetapi apa juga yang kita perlu buat kita buat, jadi itulah saudara-saudara sekalian saya



● TUN RAZAK bersama pemimpin MCA. Dari kiri Datuk Liew Sip Hon, Datuk Chan Siang San, Datuk Chan Hon Nyan, Datuk Lee Siok Yew, di perjumpaan Barisan Nasional, September 1974.



● TUN RAZAK disambut meriah di perjumpaan PERIKATAN di Stadium Bandaraya Pulau Pinang, Julai 1966.

bersyukur ke hadrat Tuhan kerana kita bagi keamanan dan ketenteraman negara kita telah mendapat sokongan kuat, yang hangat daripada rakyat negeri ini.

Saya sangatlah terharu dengan sokongan yang saudara-saudara beri kepada saya kembali saya daripada Negeri China ini.

Saya ingat sokongan yang hangat hanya di Negeri China sahaja, di Negeri China di manamana saya pergi sambutan sangatlah hangat.

Pada hari semalam saya berada di Shanghai pada masa saya sampai pagi pukul 11.00 mereka berbaris daripada lapangan kapal terbang sampai ke tempat saya tinggal tidak bergerak berbaris bertepuk semua serta kemudian lepas makan tengahari saya keluar hendak melawat ke tempat kanak-kanak mereka itu masih berbaris lagi, bila saya keluar makan malam pukul 7.30 mereka itu masih ada berbaris lagi, masa itu balik pukul 11.30 malam pun dia berbaris lagi, pukul 8.50 pagi saya hendak

balik tadi pun dia berbaris lagi.

Entah masa mana dia tidur pun saya tak tahu. Jadi ini menunjukkan bagaimana meriahnya sambutan yang mereka bagi kepada rombongan kita yang telah pergi ke Negeri China itu. Jadi sambutan ini telah juga diikuti oleh sambutan yang besar dan meriah yang saudara-saudara beri kepada rombongan kita pada hari ini.

Jadi saudara-saudara sekalian saya sekarang, saya tak payahlah cakap lebih panjang lagi, tak ada apa hendak cakap lagi pun sudah banyak bercakap.

Kita syukurlah ke hadrat Tuhan kerana dengan terjalannya perhubungan diplomatik dengan negara yang besar ini, nama dan martabat negara kita disanjung tinggi oleh dunia.

Kita negara yang pertama di Asia Tenggara ini mengadakan perhubungan diplomatik dengan negara Republik Rakyat China, jadi ini menunjukkan kejujuran kita, keikhlasan kita hendak

bersahabat kepada semua negara yang suka hendak bersahabat dengan kita.

Dan kita berdoa ke hadrat Allah Subhanahuwataala mudah-mudahan langkah yang kita ambil ini dengan tujuan yang baik kita sertakan dengan Allah Subhanahuwataala dan kita semua diselamatkan oleh Allah Subhanahuwataala dan segala usaha-usaha kita untuk kemajuan dan kebahagiaan rakyat dan negara kita akan dapat dilaksanakan dengan sepenuh kejayaan.

Saudara-saudara, sekian sahajalah saya ucapkan saudara-saudara semua berbilang terima kasih dan selamat pulang ke tempat masing-masing. Jangan lupa hari esok cuti sehari. Bolehlah kita bersama-sama bersyukur ke hadrat Tuhan mudah-mudahan kita sentiasa berada dalam peliharaan Allah Subhanahuwataala.

Sekian sajalah, selamat malam. BERJAYA MALAYSIA. BERJAYA, BERJAYA.

# MAHATHIR: SAYA BERSYUKUR KERANA BERPELUANG MEMIMPIN



Oleh  
SHAFIENOR

TERNYATA kepimpinan Dr. Mahathir bin Mohamad selama ini tidak sunyi dari dugaan dan cabaran sama ada dari luar dan dalam negeri.

Namun begitu sebagai pemimpin negara dan parti Mahathir dengan cekal dan tabah menghadapi setiap cabaran dan dugaan hinggalah ke hari ini.

Dengan kata lain jalan yang dilalui Mahathir sebagai pemimpin sebenarnya tidaklah mudah dengan melalui berbagai ranjau dan duri baik di peringkat awal

kepimpinannya sebagai Perdana Menteri, pemimpin UMNO dan ketua Barisan Nasional.

Saya cuba meninjau perasaan peribadinya sesudah 13 tahun memimpin Barisan Nasional dan perancangannya bagi memperkukuh dan memperkuatkan lagi Barisan Nasional sebagai suatu ikatan parti-parti yang mewakili tiap kelompok etnik dalam negara kita.

Ikutilah temubual berikut:

**Soalan:** Apa perasaan peribadi Datuk Seri setelah sekian la-

ma memimpin Barisan Nasional?

**Dr. Mahathir:** Saya bersyukur kerana saya berpeluang memimpin. Dari masa saya mula memimpin juga saya menghadapi banyak cabaran. Tetapi akhirnya ramai yang mengakui bahawa pendekatan yang saya buat selama ini sesuai dengan keadaan di Malaysia.

Saya bersyukur kerana mendapat peluang ini.

Saya mewarisi satu sistem yang mempunyai kemungkinan untuk berjaya. Hanya yang dapat



saya lakukan ialah menggunakan selai dengan idea-idea yang adil.

Saya tidak ada perasaan apapun. Seperti mana yang saya kata saya bersyukur dengan apa yang boleh saya lakukan.

Dahulu pun sebelum saya di tempat sekarang, saya rasa buat macam ini baik, buat macam itu boleh, tapi tiada masa untuk menguji sama ada boleh atau sebaliknya, cuma idea sahaja.

Sekarang ini kerana duduk di tempat yang kita ada kuasa maka idea itu dapat dilakukan dan Alhamdulillah idea yang kita digunakan itu, bukanlah hanya satu idea tetapi beratus-ratus idea dan kebanyakan ini mendapat kejayaan.

Saya berasa puas hati dan bersyukur.

**Soalan:** Dari segi perancangan, adakah langkah-langkah baru akan diambil bagi memperkukuh dan memperkuat Barisan Nasional pada masa akan datang?

**Dr. Mahathir:** Sudah terbukti Barisan Nasional adalah satu formula yang praktikal. Sebabnya kalau ada satu parti sahaja dengan semua orang boleh menyertainya; dan masing-masing kaum, kalau kecil bilangannya dia tidak ada suara. Sebaliknya sebagai parti komponen ia mempunyai suara.

Bahkan dalam Majlis Tertinggi Barisan Nasional, tiap satu parti komponen sama ada kecil atau besar mempunyai tiga orang perwakilan.

Sudah tentu kalau ada satu parti, perwakilannya terdiri dari puak yang menjadi majoriti dalam parti. Kumpulan-kumpulan minoriti, suku-suku kaum akan hilang suara dan tidak dapat mempertahankan diri.

Jadi, dalam hubungan ini ma-

sing-masing parti berkaitan merasa lebih terselamat menerusi sistem Barisan Nasional, sekurang-kurangnya sampai kepada masa yang tertentu.

Sekurang-kurangnya apabila sampai kepada satu tahap di mana perasaan atau kecugraan kaum, terutama kaum minoriti ataupun kaum yang ketinggalan, sudah tiada lagi; kerana masing-masing beranggapan bahawa mereka bukan lagi daripada keturunan itu atau ini, sebaliknya adalah seratus peratus Malaysian.

Tetapi keadaan ini belumah sampai.

Dalam Pilihanraya kali ini, tekanan ditumpukan kepada calon Barisan Nasional bukan calon parti-parti komponen.

Memang dari dahulu lagi kita tekankan perkara ini tetapi perasaannya ialah calon berkenaan dari parti-parti tertentu.

Kali ini kita hendak tekankan bahawa mereka (calon) adalah calon Barisan Nasional.

Mungkin juga kalau boleh kita ketengahkan calon Barisan Nasional yang tidak mewakili mana-mana parti komponen.

Mungkin kita cuba satu atau dua kerusi dahulu. Tengoklah macam mana.

Kalau seseorang calon itu tidak diikat atau tidak terikat kepada mana-mana parti komponen bolehkah calon itu diterima oleh pengundi sebagai calon Barisan Nasional? Jadi kita nak kena ujialah dulu sama ada boleh atau tidak.


**Soalan:** Di kawasan mana Datuk Seri?

**Mahathir:** Buat masa ini kita belum tentukan lagi sama ada ujian itu akan dilakukan kali ini atau kemudian kelak.

Bagaimanapun kita akan bergerak selangkah demi selangkah ke arah ini dan dengan ujian atau percubaan ini nanti kita akan tahu sama ada seseorang calon itu boleh diterima sebagai calon Barisan Nasional atau se-



● SENYUMAN seorang pemimpin.



● SUARANYA penuh dengan keyakinan.

baliknya.

**Soalan:** Apakah konsep baru ini boleh diterima oleh parti-parti komponen BN?

**Mababir:** Itulah, yang kita nak tahu. Kita belum tahu lagi bolehkah diterima seseorang calon yang tidak mewakili mana-mana parti komponen bertanding sebagai calon BN pada masa akan datang.

**Soalan:** Bolehkah Datuk Seri huraikan lebih lanjut mengenai pengagihan kuasa Barisan Nasional?

**Mababir:** Pengagihan kuasa (power sharing) dalam Barisan Nasional bermaksud bahawa kita memberi kuasa kita kepada kumpulan-kumpulan minoriti untuk mengambil bahagian secara bermakna dalam segala rundingan dan keputusan kita.

Kita akan cuba menyesuaikan keputusan itu supaya mengambil kira pandangan semua pihak.

Sudah tentulah kita tidak da-

pat mencapai persetujuan seratus peratus tetapi sekurang-kurangnya memberi suara kepada kumpulan minoriti dan mungkin kerana suara itu maka kita dapat buat penyesuaian sedikit. Sekurang-kurangnya terhadap pandangan daripada kumpulan minoriti.

Kalau kita kira suara majoriti sahaja semasa membuat keputusan maka kumpulan minoriti tidak ada suara langsung.

Pendek kata cara kita lebih kepada musyawarah, consensus, consensus building.

Kita lebih bersifat musyawarah.

**Soalan:** Tentang pilihanraya, Datuk Seri, apakah penekanan Barisan Nasional kali ini?

**Mababir:** Yang pentingnya kita sudah melancarkan satu program yang akan mengambil masa yang panjang.

Kita telah buktikan kemampuan kita untuk melaksanakan

program ini dan sudah tentu kalau Kerajaan itu korup, program ini tidak dapat diteruskan dan masa untuk membuat penyesuaian akan merengikan.

Yang keduanya, kalau pun ia menang, ini juga akan menimbulkan masalah dalam pelaksanaan sedangkan kita dapat lihat bagaimana negara kita ditadbir dengan baik, membangun sehingga sekarang ini dan menjadi negara contoh.

Bank Dunia akui kita sebagai negara contoh. Jadi tekanan kita ialah kesinambungan.

**Soalan:** Saya ulangi pertanyaan terdahulu tentang konsep Barisan Nasional, adakah ia akan berlaku perubahan, maksudnya diperkuat dan diperkukuhkan lagi pada masa akan datang?

**Mababir:** Itulah yang saya katakan tadi, ia mesti berjalan selangkah demi selangkah kerana masyarakat kita ini walaupun tidak ada permusuhan yang ketara antara kaum, seperti kita lihat di setengah-tengah negara lain, tetapi ia belum lagi sampai ke tahap yang mana kita sudah lupa asal-usul dan keturunan kita.

Dari mana kita datang dan apa budaya kita? Jadi dengan kerana itu susahlah kita hendak ketepikan perasaan ini.

Bagaimanapun saya yakin bahawa sampai bilapun akan ada perasaan tentang keturunan dan latarbelakang.

Tetapi perasaan bangga terhadap negara (Malaysia) semakin lama semakin meningkat.

Sekiranya Malaysia terus berjaya, rakyat akan merasa ia lebih Malaysian sama ada ia Cina, India, Iban, Kadazan atau Melayu.

Pada masa itu saya yakin Barisan Nasional lebih kukuh atau consolidated.

# KEPIMPINAN DAN KEWIBAWAAN MAHATHIR

PERDANA Menteri Datuk Seri Dr Mahathir bin Mohamad, kini memimpin Barisan Nasional sebagai Pengerusi selama 13 tahun. Mahathir mulai memegang jawatan tersebut manakala menjadi Perdana Menteri Malaysia pada tahun 1981, menggantikan Allahyarham Tun Hussein Onn.

Selama 13 tahun memimpin Barisan Nasional khususnya, Mahathir telah begitu kuat sekali mendorong perkembangan negara dalam tiap bidang.

Tidak ada satu bidang hidup di Malaysia sekarang yang boleh dikatakan tidak merasakan pengaruh kepimpinannya.

Kepimpinan Mahathir sebagai Pengerusi Barisan Nasional memegang tampuk Kerajaan sejak 13 tahun yang lalu merupakan satu titik permulaan pembangunan negara menuju ke arah dekat perindustrian.

Jalan yang dilalui oleh Mahathir sebagai Pengerusi Barisan Nasional sebenarnya tidaklah mudah.

Mahathir melalui berbagai ranjau dan duri dalam peringkat awal kepimpinannya sebagai Perdana Menteri dan sebagai pemimpin UMNO serta seterusnya sebagai pemimpin Barisan Nasional.

Mahathir menghadapi masalah-masalah dalaman partinya sendiri.

Partinya diharapkan dianggap tidak sah di sisi undang-undang, akibat pertarungan dalaman di kalangan pemimpin UMNO.

Partinya berpecah dan terus dilanda krisis demi krisis hingga menggugat kewibawaannya sendiri sebagai pemimpin UMNO

dan juga sebagai Perdana Menteri.

Kepimpinannya tidak sunyi dari cabaran dan dugaan dari dalam dan dari luar - krisis dengan raja-raja, krisis dengan para hakim, malah krisis dengan media terutama sekali media luar negeri. Tetapi Mahathir begitu cekal dan tabah menghadapi tiap cabaran dan dugaan hinggalah sekarang.

Tidak sahaja kedudukannya begitu kukuh di kalangan rakyat malah juga di kalangan masyarakat antarabangsa.

Mahathir kini merupakan satu-satunya pemimpin negara membangun yang dianggap sebagai jurubicara yang memperjuangkan kepentingan negara-negara membangun.

Tetapi kedudukannya sekarang dicapainya hasil dari kegigihannya, kejujurannya dan ketegasannya sebagai pemimpin. Mahathir merupakan pemimpin yang berjaya mengemukakan satu idealisma yang dapat diterima oleh masyarakat Malaysia dari segenap golongan.

Wawasan 2020 diterima oleh segenap lapisan rakyat baik golongan pembangkang mahupun golongan intelek, akademik, buruh, petani dan rakyat umum.

Tidak ada golongan dalam masyarakat yang menyangkal objektif yang digaris oleh Mahathir untuk negara dan rakyat, iaitu objektif menjadikan negara kita sebuah negara industri. Mahathir ialah pemimpin UMNO yang pertama sekali merupakan pemimpin yang tidak lahir dari kalangan pemimpin tradisional Melayu.



Oleh  
TANSRIA.SAMADISMAIL

Mahathir bukan anak seorang bangsawan. Ayahnya seorang guru sekolah. Mahathir tidak dididik di Barat melainkan dididik di Singapura sebagai doktor.

Karena latarnya berlainan sekali dari latar hidup pemimpin UMNO yang lalu maka tentunya kepimpinan Mahathir banyak dipengaruhi oleh pemikirannya sebagai seorang dari golongan menengah.

Fikirannya terbuka dan terdes-

dah sedia menerima pengaruh dari luar dan idea-idea baru dari perkembangan tamadun manusia yang cepat berkembang di zaman globalisasi sekarang.

Pemikirannya tidak terkon-  
gong oleh sisa-sisa kefahaman  
feudal.

Pemikirannya sanggup menerima dan menampung segala pemikiran dan falsafah dari Barat dan Timur demi membangun bangsanya dan negaranya.

Sebaik sahaja menjadi Perdana Menteri, Mahathir melontarkan berbagai gagasan dan falsafahnya. Pandang ke Timur, Kepimpinan Melalui Teladan, Bersih Cekap dan Amanah, Dasar Penawasaan dan Malaysia Incorporated.

Semua ini merupakan landasan-landasan yang bakal menjadi tiang seri untuk negara dan bangsa maju ke depan mencapai cita-cita wawasan 2020.


Idea-idea seperti ini tidak mungkin lahir dari seorang yang pemikirannya tidak terbuka dan terdedah kepada pengaruh dunia dan tamadun zaman kini.

Mahatir dapat melepaskan mindesnya dari kongkongan-kongkongan yang usang demi menghadapi cabaran-cabaran baru yang dihadapi manusia. Pada awal peringkat kepimpinannya ramai orang termasuk pemimpin-pemimpin kerajaan sendiri tidak memahami ketegasan dan pemikirannya. Mereka telah biasa dengan pemikiran pemimpin-pemimpin sebelumnya yang hanya memandang ke dalam dan tidak keluar.

Mahathir menimba idea dari luar tanpa prasangka melainkan dengan pemikiran yang terbuka untuk diimbanya sebagai pendekatan-pendekatan baru menangani masalah-masalah politik, ekonomi, sosial dan budaya Malaysia dalam alam pencerajatan.

Mahathir memahami sekiranya Malaysia mahu maju ke hadapan sejajar dengan negara-negara maju yang lain, Malaysia harus mengikut arus perubahan dunia.

Dalam pada itu Mahathir memahami juga bahawa model pembangunan negaranya dan bangsanya harus berakar pada tradisi dan peradaban masyarakat Malaysia sendiri. Pembangunan material harus diimbangi dengan pembangunan kerohanian. Sementara kita mencontohi



● MAHATHIR berucap di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di New York.

kemajuan teknologi dan sains Barat kita harus mempergunakan ilmu itu demi kepentingan bangsa dan negara kita sesuai dengan tradisi dan nilai-nilai hidup kita.

Tahun-tahun awal dari kepemimpinan Mahathir menyaksikan usahanya yang gigih menjelaskan dan menerangkan tiap gagasannya yang serba baru itu kepada rakyat.

Tidak semua orang memahami maksudnya bahawa Malaysia harus memandang ke Timur.

Setengah-tengah pihak mengejek bahawa Mahathir maksudkan kita mengikut dan meniru kebudayaan Jepun secara menyeluruh.

Sedangkan apa yang di maksudkan oleh Mahathir ialah kita harus mencontohi etika kerja atau *work ethics* dari bangsa Jepun dan bangsa Korea.

Kita harus seperti orang-orang Jepun dan orang-orang Korea mengutamakan disiplin. Kita harus menguasai ilmu teknologi dan sains dan mempergunakan ilmu itu untuk membangun bangsa kita.

Kita tidak harus menghayati amalan bergantung semata-mata kepada belas kasihan Kerajaan untuk maju atau apa yang selalu dikatakan oleh Mahathir suatu waktu dulu, kita harus mengikis mentaliti subsidi iaitu satu budaya hidup dimana kita semata-mata bergantung kepada belas kasihan Kerajaan untuk maju.

Kita harus menanam nilai berdikari mampu bersaing dengan orang lain.

Kita tidak harus semata-mata bergantung untuk maju kepada kerajaan kerana kita mempunyai hak istimewa atau sebagai Bumi-putera yang berhak mendapat pertolongan selalu dari Kerajaan.

Kalau kita berhutang dengan

Mara kita harus berusaha membayar balik hutang itu.

Kita harus berusaha sendiri sebelum meminta bantuan dari Kerajaan.

Kita harus mengutamakan produktiviti sekiranya kita bekerja sebagai buruh atau sebagai kakitangan Kerajaan sekalipun. Dengan lain perkataan Mahathir berusaha menanam nilai-nilai manusia moden iaitu nilai-nilai yang diperlukan oleh sesuatu bangsa untuk maju dan membangun.

Mahathir ialah seorang pe-

mimpin yang sanggup menghadapi cabaran dan bersedia mencari ikhtiar dan cara bagaimana mengatasi tiap ujian dan cabaran itu.

Suatu contoh yang jelas ialah pendekatan Mahathir terhadap kebangkitan umat Islam di dunia sekarang.

Mahathir mempunyai konsep dan gagasannya sendiri bagaimana memimpin bangsa dan negara menghadapi fenomena ini.

Apakah kita harus mengikut contoh Iran, Libya, Sudan atau Syria. Apakah kita harus men-



● BERSAMA Presiden Clinton semasa Sidang APEC di Bogor Indonesia, November 1994.

contohi Arab Saudi atau Jordan atau negara Emeriah Arab Bersatu atau adakah kita sebagai umat Islam mencari jalan tengah untuk membangun syiar Islam di negara kita.

Kepada Mahathir Islam hanya bisa bangun sebagai suatu keluarga masyarakat antarabangsa sekiranya umat Islam berusaha menebus kemundurannya di bidang ekonomi, meningkat ilmu, agar dapat menguasai bidang teknologi dan sains dan umumnya menangani masalah-masalah politik, ekonomi, sosial dan budaya dalam negara kita menurut sejarah latar budaya, tradisi dan nilai hidup kita sendiri.

Persoalan besar yang kita hadapi ialah bagaimana memajukan umat Islam dalam negara kita yang masyarakatnya terdiri dari berbagai kaum, berbagai agama dan berbagai budaya.

Penerapan nilai-nilai Islam dalam politik, dalam budaya dan

dalam sosial yang dijalankan oleh Mahathir dan Barisan Nasional. Alhamdulillah diterima oleh masyarakat majmuk kita. Penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negara umpamanya diterima baik oleh pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan bukan Islam.

Pendekatan kita mengangkat dan mempertingkat nilai-nilai Islam dalam kehidupan hari-hari menjadi contoh kepada negara-negara Islam lain malah dapat diterima oleh masyarakat antarabangsa.

Kaum intelek Islam kita berhasil mendirikan jambatan dengan pemikir-pemikir bukan Islam di luar negara untuk menjalin hubungan dialog yang maksudnya mencapai saling pengertian yang lebih luas diantara umat Islam dan umat bukan Islam di kalangan masyarakat antarabangsa sebagai satu sumbangan kepada perdamaian dunia

yang kini dirasuk oleh pertentangan etnik dan agama untuk pertama kali dalam sejarah kita.

Sebagai sebuah negara berdaulat dan merdeka kita mempunyai seorang pemimpin yang sekaligus berperanan sebagai pemikir yang mindanya tidak sekadar menolak untuk dibatasi oleh idea-idea yang sempit dan parochial tapi sebaliknya seorang yang mindanya bisa mengerti dan memahami masalah-masalah universal serta menonjolkan idea-idea dan pemikiran-pemikiran yang segar, baru dan menepati kenyataan atau realiti yang dihadapi oleh manusia dekad pensejagatan.

Itulah pemikiran Mahathir, idea-idea dan wawasannya dapat diterima tidak sahaja oleh pemimpin-pemimpin dari negara-negara membangun tetapi juga pemimpin-pemimpin Barat.

Sifat Mahathir sebagai pemimpin dunia ketiga yang terus



● MAHATHIR bersama Nelson Mandela semasa Presiden Afrika Selatan itu melawat Malaysia tidak lama dulu.



● BERSAMA Presiden Rafsanjani semasa melawat Iran.

terang dikuatkan lagi dengan idea-ideanya yang tepat dan pragmatis mengenai masalah-masalah dunia.

Kewibawaan Mahathir pula sebagai seorang pemimpin negaranya dikuatkan lagi oleh kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju dan progresif.

Pembangunan ekonomi Malaysia dikagumi oleh dunia.

Konsep kita menangani masalah-masalah nasional integration, masalah-masalah membangun satu bangsa yang padu dari berbagai-bagai keturunan bangsa, budaya, agama dan tradisi. Alhamdulillah telah berjaya.

Tidak ada sebuah negara membangun yang mencapai kejayaan membangun suatu bangsa dari masyarakat majmuk seperti yang dicapai oleh Malaysia.

Sekiranya rakyat kita miskin, daif, dan papa tidak mungkin

suara Mahathir dapat diterima oleh negara-negara membangun yang lain atau negara-negara maju.

Negara-negara membangun yang lain seperti Afrika Selatan, Zimbabwe, Namibia, Mauritius dan lain-lain menganggap Malaysia sebagai suatu contoh yang harus dijadikan model, untuk pembangunan mereka di bidang politik, ekonomi dan budaya serta sosial.

Manakala Mahathir berpidato memberikan pandangannya dan pendapatnya dalam forum-forum internasional maka suaranya penuh dengan keyakinan, kerana suaranya itu berlandaskan kenyataan dan bukti kemajuan dan kejayaan negaranya.

Di bawah kepimpinan Mahathir Malaysia telah melompat begitu dramatik sekali ke tengah-tengah arena antarabangsa.

Kejayaan ini dicapai hasil dari usaha pemimpin-pemimpin ne-

gara dari sejak kita merdeka dahulu.

Kejayaan Barisan Nasional sekarang sebagai suatu ikatan parti-parti yang mewakili tiap kelompok etnik dalam negara kita adalah hasil dari usaha pemimpin kita dari sejak sebelum merdeka dahulu.

Barisan Nasional dan sebelum itu **Perikatan** telah berjaya mempertahankan keutuhan dan kemantapannya hingga sekarang adalah hasil dari falsafah pemimpin-pemimpinnya iaitu falsafah bahawa proses membangun negara di bidang politik, ekonomi, budaya dan sosial hanya akan tercapai sekiranya tiap kaum dan kelompok dalam negara kita menghayati nilai hidup bertolak ansur, bahawa tiap kelompok harus flexible dan saling menghormati kepentingan satu sama lain.

Kejayaan Mahathir sebagai seorang pemimpin dan negarawan international tidak mungkin se-

kirannya di belakang beliau tidak berdiri satu barisan pemimpin dari kaum India, kaum Cina dan kaum-kaum lain yang mantap dan kukuh memberikan sokongan dan dokongan kepada kepimpinan beliau.

Kepimpinan Barisan Nasional merupakan pemimpin-pemimpin yang pemikiran dan pendekatan mereka terhadap tiap masalah dipengaruhi oleh pemikiran yang pragmatis. Bukan ideologi tetapi pertimbangan yang mengambil kira kepentingan nasional.

Tak mungkin suatu ikatan seperti Barisan Nasional atau **Perikatan** dapat bertahan dari dulu sehingga sekarang sekiranya anggota-anggota ikatan itu didorong dan dikuasai semata-mata oleh ideologi atau kepentingan sectarian, sempit dan rakus.

Barisan Nasional telah menjadikan falsafah power-sharing atau pengagihan kuasa sebagai prinsip yang mendasari setiap

tindak tanduknya.

Falsafah power-sharing atau pengagihan kuasa ini adalah menjadi rahsia maka Barisan Nasional atau **Perikatan** dapat bertahan dari dahulu hingga sekarang.

Kalau kita mengimbas kembali kepada masa lalu, maka akan terbukti betapa sulitnya zaman yang ditempuhi oleh **Perikatan**. Isu-isu etnik seperti bahasa, pendidikan, kebudayaan dan pengagihan kekayaan begitu sulit sekali dihadapi oleh pemimpin-pemimpin **Perikatan**.

Ini tidak bererti isu-isu itu selesai; tetapi tidak dinafikan bahawa isu-isu itu telah dapat ditangani oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional begitu rupa hingga isu-isu tersebut tidak lagi mempengaruhi perkembangan dan pertumbuhan negara dalam bidang politik, ekonomi, budaya dan sosial.

Kestabilan politik, ekonomi, budaya dan sosial yang dicapai

oleh negara sekarang memampukan dan mengupayakan kita menangani masalah-masalah itu secara pragmatis dan secara tolak ansur.

Mahathir memimpin negara dalam dekad-dekad yang paling mencabar sekali.

Negara kita tiba-tiba terlontar dan tercampak ditengah-tengah arus perdana perubahan dunia yang begitu pesat dan radical sekali.

Keruntuhan sistem Soviet dan berakhirnya bahaya perang nuklear, kemunculan Amerika sebagai super power yang tunggal di dunia serta krisis ekonomi yang begitu meruncing sekali merupakan agenda yang harus ditangani oleh kepimpinan negara kita.

Masalah-masalah dunia yang begitu runcing merupakan ujian yang paling hebat dan keras kepada keupayaan pemimpin-pemimpin kita mencari pendekatan-pendekatan yang realistik,



● MAHATHIR di Uzbekistan.



● DR. MAHATHIR bersama Perdana Menteri Bosnia Herzegovina, Haris Siladjic (kiri) dan Perdana Menteri Croatia, Nikica Valentic.

Ini memerlukan keberanian, kesabaran dan daya pemikiran yang kuat dari pemimpin-pemimpin kita.

Pendekatan dan dasar-dasar yang tidak realistik dan pragmatis akan hanya menjajikan usaha itu.

Tetapi Mahathir dengan berani, tegas dan tekad yang kuat telah menerokai dan memelopori usaha dan proses mencari dan merumuskan pendekatan-pendekatan yang sesuai untuk menangani masalah-masalah dan cabaran-cabaran dunia serba baru dan berubah cepat itu.

Seperti yang dikatakan tadi tidak semua pendekatannya mulanya dapat difahami oleh rakyat kerana pemikiran dan pendekatan itu serba baru belaka.

Tapi bukti berbicara lebih lantang dan bukti-bukti pandangan jauh Mahathir banyak terdapat sekarang, dengan begitu

terserlah sekali.

Satu contoh yang paling mudah ialah projek *Proton Saga*.

Tidak semua orang, bahkan pakar-pakar ekonomi sekali pun, yang yakin dengan projek *Proton Saga* pada mulanya, atau kepada dasar Mahathir untuk meletakkan asas-asas industri kereta di negara ini. Tapi kita dapat melihat sekarang betapa *Proton Saga* tidak sahaja berjaya merebut pasaran dalam negara tapi dieksport keluar negeri dan baru-baru ini *Proton Saga* akan dikeluarkan di Filipina hasil dari kongsi bersama kerajaan Filipina dan usahawan-usahawan kita.

Baru ini saya membaca berita bahawa Barisan Nasional bermaksud untuk merumuskan suatu piagam, demi menjelas dan menghuraikan cita-cita dan perjuangan Barisan Nasional kepada rakyat. Sebuah jawatankuasa untuk merumuskan piagam itu telahpun dibentuk dan rangka piagam itu akan

dibentangkan untuk kelulusan Barisan Nasional, sebelum konvensyen Barisan Nasional pada 25 Mac.

Dalam Konvensyen itu piagam itu akan dibincangkan oleh semua parti komponen Barisan Nasional untuk diluluskan.

Piagam itu akan menekankan betapa pentingnya dipertahan dan ditingkatkan lagi perpaduan nasional dan betapa pentingnya mempertahankan kestabilan politik dan dasar pengagihan kuasa dalam Barisan Nasional.

Datuk Mohamed Rahmat, selaku Setiausaha Agung Barisan Nasional memberitahu akhbar bahawa piagam itu perlu kerana setelah 21 tahun wujudnya Barisan Nasional rakyat terutama sekali generasi muda nampaknya telah melupakan objektif-objektif dan perjuangan Barisan Nasional. Menurut Mohamed piagam itu akan didasarkan pada Perlembagaan Barisan Nasional, perjuangan bangsa dan

masyarakat majmuk negara ini. Mengenai konvensyen itu Mohamed menyarankan bahawa konvensyen itu akan membincangkan masa depan parti-parti komponen terutama sekali peranan masing-masing menuju ke arah menjayakan objektif-objektif negara mencapai wawasan 2020.

Saya rasa piagam Barisan Nasional ini akan dijadikan *guideline* atau garis-garis panduan untuk parti-parti komponen dalam Barisan Nasional dalam erti bahawa garis-garis panduan itu akan menentukan batas-batas yang perlu dipatuhi oleh parti-parti komponen untuk menjalankan kegiatan-kegiatan mereka.

Secara singkat barangkali piagam itu akan memberikan garis-garis dimana parti-parti komponen Barisan Nasional diperbolehkan bertindak secara bebas dalam bidang-bidang tertentu dan dimana isu-isu yang

diperjuangkan oleh parti-parti komponen itu harus dirujukkan kepada pucuk pimpinan Barisan Nasional. Adalah diakui bahawa memang wajar Barisan Nasional mempunyai piagamnya sendiri, kerana tidak sahaja Barisan Nasional kini mempunyai anggota yang ramai tetapi juga keadaan dalam negara telah berubah.

Dan masalah-masalah yang akan dihadapi dalam dekad akan datang akan lebih mencabar, memerlukan pendekatan dan cara-cara penyelesaian yang mantap mencerminkan keseluruhan sikap Barisan Nasional dan tidak sekadar sikap satu-satu parti sahaja ataupun satu-satu kaum sahaja.

Paling penting sekarang yang perlu dipikul oleh Barisan Nasional ialah memastikan bahawa Barisan Nasional dapat meningkatkan prestasinya yang dicapai dalam tahun 1990


dahulu.

Setelah itu tugas Barisan Nasional ialah memantapkan lagi organisasinya, kerana banyak cabaran lagi yang lebih getir akan menghadapi negara di masa depan.

Bagaimana menghadapi dan menangani masalah-masalah ini dan cabaran-cabaran ini. Kita dapat melihat di negara-negara maju, umpamanya perubahan-perubahan politik berikutan dengan berakhirnya perang dingin dan keruntuhan sistem Soviet tidak dapat ditangani oleh negara-negara yang mengalami perubahan-perubahan itu.

Akibatnya negara itu dilanda krisis etnik dan kemelut sosial. Ini ialah kerana salah satu sebabnya tidak ada satu-satu institusi dan mekanisma yang mantap dan kuat untuk melaksanakan perubahan-perubahan itu.

Hal ini ternyata sekali berlaku



● MENYAMBUT ketibaan De Klerk, Timbalan Presiden Afrika Selatan.



● MAHATHIR dalam satu pertemuan dengan Tunku Abdul Rahman Putra, pengasas PERIKATAN (gambar atas) manakala bersama Tan Sri Asri yang pernah memimpin parti Pas (gambar bawah).



di negara-negara Eropah Timur.

Dalam negara-negara di mana institusi dan mekanisma politik masih mantap proses perubahan politik dapat terselenggara dalam keadaan yang agak lancar. Proses perubahan dapat dilaksanakan secara lebih teratur dan kemas, mempunyai hala dan arah yang tertentu. Tetapi di mana mekanisma dan institusi politik ikut hancur dalam pergolakan politik berikutan berakhirnya perang dingin dan keruntuhan sistem Soviet, keadaan dalam negara lebih teruk dari sebelumnya.

Malaysia beruntung bahawa negara kita memasuki dekad perubahan ini dengan institusi-institusi dan mekanisma politik negara begitu mantap.

Barisan Nasional merupakan mekanisma dan institusi yang bertanggungjawab mengendalikan proses perubahan itu.

Kita mempunyai kerajaan yang kukuh dan stabil berdasarkan mandat yang lebih dari cukup dari rakyat jelata. Kerana itu segala program politik, ekonomi, budaya dan sosial dapat dilaksanakan dengan teratur, terhalu dan tertuju kepada satu-





● GHAFAR menjulang tangan Mahathir setelah menewaskan Tengku Razaleigh Hamzah dalam pemilihan pucuk pimpinan UMNO, 1987.

dekaan dahulu.

Tunku Abdul Rahman memikul tanggungjawab mempertahankan kemerdekaan itu, memastikan bahawa kemerdekaan yang dicapai dari Inggeris itu tidak akan dipersia-siakan oleh rakyat dan tidak diancam oleh musuh dalam negeri dan luar negeri.

Selain itu tanggungjawab pemimpin-pemimpin sebelum Mahathir ialah memastikan bahawa masyarakat majmuk kita dapat digembleng menjadi satu bangsa dan sistem demokrasi kita akan terus kekal.

Tapi sementara kewajipan kepinginan negara kita sekarang masih tidak berubah iaitu mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan kita, membentuk suatu bangsa yang bersatu padu, mempertahankan sistem demokrasi berparlimen kita, tanggungjawab kepinginan kita sekarang ialah menjamin bahawa bangsa dan

negara kita dapat wujud terus sebagai sebuah negara industri, sebagai sebuah negara maju dengan segala macam masalah yang belum pernah kita hadapi di masa lalu. Sebagai suatu parti politik yang telah melalui proses pembaharuan yang begitu besar tidak sahaja anggotanya bertambah tetapi corak anggotanya telah berubah.

Walaupun UMNO masih berakar umbi di luar bandar tetapi ia juga merupakan sebuah parti politik urban ataupun kota. MCA pun berubah, demikian juga MIC.

Dalam keadaan demikian tentulah wajar Barisan Nasional menerima perubahan. Ciri yang barangkali memerlukan perhatian dan kajian ialah mengenai disiplin, syarat-syarat menjadi anggota Barisan Nasional dan peraturan-peraturan yang mengawal tindak-tanduk tiap anggota parti komponen.

Syarat-syarat menjadi anggota selama ini tidak begitu ketat.

Barisan Nasional bukanlah sebuah kelab yang mudah mengambil anggota mudah pula keluar.

Barisan Nasional sebenarnya merupakan sebuah parti politik, anggotanya terdiri dari parti-parti komponen, yang perlu dikendalikan sebagai sebuah parti politik, dengan peruntukan-peruntukan untuk mengawal disiplin, tatatertib dan sebagainya. Piagam Barisan Nasional yang dijelaskan oleh Mohamed Rahmat akan menekankan perpaduan nasional dan pentingnya mempertahankan kestabilan politik dan pengagihan kuasa oleh parti-parti komponen.

Barangkali dalam piagam itu akan di huraikan cara-cara dan kaedah-kaedah yang perlu diamalkan oleh tiap parti komponen untuk melaksanakan program memantapkan integrasi

nasional.

Perpaduan nasional atau national unity bukanlah satu slogan kosong atau satu 'cliche'. Piagam harus diisi dengan amalan dasar program yang konkrit meliputi bidang politik, ekonomi, sosial dan budaya oleh parti-parti komponen. Pendekatan dan cara yang digunakan oleh tiap parti komponen tentunya berbeza antara satu sama lain berdasarkan perbezaan batas sejarah, budaya, tradisi dan nilai hidup masing-masing.

Tetapi dasar-dasar itu harus diselaraskan dan disesuaikan dengan dasar-dasar Barisan Nasional.

Tiap dasar tidak harus disempitkan hanya khusus untuk satu kaum sahaja atau satu kelompok etnik sahaja, melainkan disesuaikan agar ia mencapai satu objektif yang sama iaitu integrasi nasional. Dalam proses pembangunan nasional, kita harus mencari titik-titik persamaan antara kelompok-kelompok etnik.

Umno telah mempelopori

suatu gerakan mendidik umat Islam di negara ini agar menghayati nilai hidup yang universal, yang tidak eksklusif kepada agama Islam sahaja.

Program-program reformasi minda masyarakat Melayu merupakan satu tugas besar yang dipikul oleh UMNO.

Demikian juga kerajaan berusaha menanam nilai-nilai masyarakat penyayang di kalangan rakyat.

Nilai-nilai mencintai alam, nilai-nilai memelihara hutan belantara kita, nilai-nilai amanat dan jujur di kalangan masyarakat adalah wajar sekali tiap parti komponen yang mewakili kelompok etnik masing-masing meningkatkan usaha ini.

Tujuan kita sebenarnya ialah untuk melahirkan satu bangsa Malaysia yang mempunyai persamaan nilai-nilai hidup, yang berakar dalam masyarakat kita. Kita ingin melahirkan orang Melayu Malaysia, bukan orang Melayu Indonesia, atau orang Melayu Singapura atau orang keturunan Melayu Filipina. Tetapi orang Melayu yang nilai-nilai hidupnya dibentuk oleh keadaan-keadaan dalam masyarakat kita.

Demikian juga tentunya MCA ingin melahirkan satu masyarakat Cina Malaysia atau satu masyarakat Malaysia tulen. Satu masyarakat orang-orang Cina yang tidak sama nilai-nilai hidupnya dengan orang-orang Cina di Tanah Besar negara China atau orang-orang Cina di Amerika atau orang-orang Cina di Australia, tetapi orang-orang Cina Malaysia sejati. Demikian juga MIC. Kita harus memberikan penekanan kepada usaha ini kalau kita hendak mencapai wawasan 2020 sebagai satu bangsa yang bersatupadu.

Mahathir telah memperlihatkan contoh kepimpinan yang wajar diikuti oleh pemimpin-pemimpin lain dalam Barisan



● MAIN congkak... Mahathir bersama isteri mencuba kebolehan masing-masing.



● MAHATHIR memperkerusi mesyuarat pertama Kabinet selepas Barisan Nasional mencapai kejayaan gemilang dalam Pilihanraya Umum 1990.

Nasional. Mahathir tidak pernah bosan menanam nilai-nilai hidup baru di kalangan masyarakat Melayu.

Mahathir bercita-cita melahirkan satu generasi bangsa Melayu yang moden, yang progresif, yang bisa bersaing dengan bangsa-bangsa lain, satu bangsa Melayu yang sedia menahuti cabaran zaman yang berani memelopori bidang-bidang hidup baru yang terbuka fikirannya kepada ilmu dan pengetahuan.

Komponen Barisan Nasional tidak harus terlalu menumpukan fikiran dan tenaga mereka semata-mata membela dan memperjuangkan kepentingan kelompok masing-masing tanpa mengambil kira tugas yang lebih besar, iaitu membentuk suatu bangsa Malaysia yang baru.

Pemimpin-pemimpin Barisan

Nasional yang lain harus mencontohi ketegasan dan keberanian Mahathir mengkritik bangsanya sendiri; berterus terang menunjuk kepada kelemahan-kelemahan bangsanya sendiri. Sikap terbuka Mahathir inilah yang menyebabkan beliau dihormati tidak sahaja oleh bangsanya sendiri tetapi oleh kaum-kaum lain.

Mahathir berani berterus terang mengkritik ulamak-ulamak kolot. Idea-ideanya dilontarkan secara terbuka untuk didebatkan dan dibahasakan oleh masyarakat. Status atau taraf Mahathir sebagai seorang pemimpin yang di terima oleh semua kaum, dan tegaknya beliau sebagai seorang pemimpin nasional ialah kerana pemikirannya, idea-ideanya, gagasan-gagasannya yang menyentuh kepentingan tiap kelompok dan tiap golongan dalam masyarakat.

Mahathir tidak hanya berbicara kepada orang Melayu walaupun isu-isu yang dibicarakannya itu menyentuh orang orang Melayu.

Tetapi pendekatannya mengupas dan menganalisis isu-isu orang-orang Melayu itu ada kaitannya dengan kepentingan nasional dengan kepentingan semua kaum.

Di mana UMNO, MCA MIC dan parti-parti lain di dalam Barisan Nasional secara berasingan bergelut dengan masalah-masalah dekad pengsejajatan begitu juga Barisan Nasional.

Barisan Nasional sebagai satu institusi politik yang menggabungkan semua parti-parti politik yang memerintah harus disesuaikan dengan perubahan-perubahan dalam negara dan di dunia sekarang dan akan datang.

# BARISAN NASIONAL: SETTING THE 21ST CENTURY AGENDA

DIANE K. Mauzy of the University of British Columbia in her doctoral thesis entitled "Conso-cialism and Coalition Politics in Malaysia" authored in 1978 and updated in 1982 has the following to say about the Barisan Nasional.

"Since its formation, the Barisan Nasional has tested its support and legitimacy in three general elections, in 1974, '78 and '82. Unlike the Alliance which was noted for fluctuating from strong to weak electoral performances, the Barisan Nasional has been constantly strong in its elections."

Another scholar, Gordon P. Means, in a book entitled "Malaysian Politics" published in 1970 made the following comment:

"In reviewing the probable effects of government strategies, it is clear that Malaysia will not escape the spectre of communal divisions and antagonisms for several generations. However, serious communal violence may be able to be avoided.

"Fortunately, most Malaysians realise that communal violence will lead to terror, poverty and misery for all. In itself, this helps to sustain the ethos of accom-

modations and consensus which appears to characterise the mood of the country since 1970."


The above statements are quoted not to suggest that we need foreign scholars and analysts to convince us that we have done extremely well since the May 13, 1969 race riots, but to prove that Malaysian politics is not as unpredictable as some people would like to believe.

On the contrary, predictability has become the hallmark of Malaysian politics since the formation of the Barisan Nasional in 1974. It is for this reason that the country enjoys the confidence of foreign investors and the respect of the international community.

The observations of the two foreign scholars also show the close correlation between ethnic accommodation through the Barisan Nasional and the stability of the country.

Although many would like to believe that Barisan Nasional is the enlarged version of the Alliance, we have to agree with Mauzy's perceptive observation that the Barisan Nasional is significantly different from its predecessor.

Understanding these differ-



By  
A. KADIR JASIN



Meeting of the Barisan Nasional Supreme Council in session.



● DATUK Seri Dr. Mahathir Mohamad chairing a meeting of the Barisan Nasional Supreme Council

ences will enable us to get to know the Barisan Nasional better and to predict the future of the coalition and its policies.

Briefly, while the Alliance was born out of necessity of the three major races - Malay, Chinese and Indian - to work together to fulfil the prerequisite set by the British for negotiating independence for Malaya, the Barisan Nasional came to life as a saviour of a nation on the brink of collapse.

Following the poor performance of the Alliance in the May 1969 general elections and the ensuing riots, the future of the three-party coalition was jeopardised.

Under pressure to explain the dismal performance of its candidates in the Chinese-dominated areas and the defection of Chinese voters to Pas in some areas in Kedah, the Malaysian Chinese Association threatened to leave the Alliance.

This aggravated the post-election uncertainties when the Alliance, after losing Penang to the Gerakan and nearly succumbed to DAP and PPP in Perak and Selangor, was struggling to form a government in other narrowly won states.

The disarray of the Alliance was fully exploited by the opposition parties, led by the DAP and Gerakan. They capitalised not only on the liberal and tolerant attitude of the Government during the seven-week-long campaign preceding the May 10 polling, but more viciously on the diaspora of the Alliance.

Events immediately preceding and following the May 13 riots made the resurrection of a narrow alliance among the major races via UMNO, MCA and MIC no longer practical nor tenable.

Tun Abdul Razak Hussein, the country's second Prime Minister, in his 1972 national day message noted: "We have left behind the era where political parties

placed party politics over the nation."

Malaysian politics had undergone a change - any future inter-racial collaboration would have to include a wider spectrum of political interests.

The shift in voters' support from the Alliance member parties to more radical and chauvinistic parties made it clear to Tun Razak, the man credited with nurturing the new collaboration, that he had to fight fire with fire.

Even the opposition parties, with the exception of hardliners like the DAP and Partai Rakyat, realised the folly of their unbridled campaign against the Government and the danger of the country not recovering from the trauma unless an unmistakable signal was sent that inter-communal political collaboration was still possible.

In the same speech, Tun Razak hinted at the possibility of

forming a national front among political parties soon.

By the year-end, he was able to tell the nation in his New Year's address that "national consolidation is nearer at hand beginning with the formation of a coalition government between the Alliance and SUPP in Sarawak and between the Alliance and Gerakan in Penang followed by an Alliance-PPP coalition in Perak."

Tun Razak added: "Only a few days ago we reached agreement with Parti Islam (Pas) to form a coalition at state and federal levels."

He was able to announce in the same message that "with the alignment of major political parties, representing a large segment of Malaysians dedicated to national unity and harmony, we are now closer to the concept of a National Front which will in due course become a durable foundation for a strong, united and multiracial nation."

He added: "I would like to

describe this as a unique and epoch-making achievement in our political life, and most gratifying to me personally as it took place during our life time."

Tun Razak's high hopes and expectations were not misplaced as the Barisan Nasional henceforth grew from strength to strength to become one of the most enduring coalition parties in modern history.

The strength that Tun Razak spoke about would later give the Barisan Nasional much needed time and opportunity to correct some of the more fundamental problems that had torn the nation apart in the post-1969 general elections. The most significant was the launching of the New Economic Policy (NEP).

The mettle of the new coalition was put to the test a year later in the 1974 general elections. It won with flying colours, securing 135 out of 154 parliamentary seats and gaining control of all state governments.

That extra lead gave the BN

the ability to survive the subsequent general elections literally intact despite the expulsion of Pas by Tun Hussein Onn, the third Prime Minister, in 1977 and the loss of some seats and states to the opposition.

It is no exaggeration to thus say that after two decades, the Barisan Nasional is perhaps among the most successful coalition parties anywhere in the world.

Although it may not be able to claim itself the perfect coalition, if such a term is at all applicable, the Barisan Nasional has been exceptionally successful.

This in turn has a lot to do with its ability and the willingness of component parties to downplay differences and draw on its similarities.

Apart from political stability and the tremendous economic progress, the other major achievement of the Barisan Nasional Government is the greater distribution of wealth among the



● TUN Razak addressing the mammoth rally at the Dataran Merdeka on June 2, 1974 upon his return from the historic visit to China.



● TUN Razak being given hero's welcome at the Dataran Merdeka upon his successful official visit to China, the fist by a Malaysia leader.

racess, which in turn has led to a stronger sense of belonging among Malaysians.

Ironically, therein lies the future challenge. How can the Barisan Nasional continue to be relevant in the face of a chang-

ing socio-economic environment which it has precipitated?

It is not unlike successful parents who after having given a good education to their children, thereby making them free and independent, hope the children

will forever be grateful to them.

As the turbulent 20th century draws to a close, the Barisan Nasional, in celebrating its 20th anniversary, has to think not of a new decade for itself, but a new century for the country and



● A section of the large multi-racial turnout welcome Tun Razak home from China, a visit that established the official tie that has since bloomed into a strong relation between the two countries.

its people.

Accommodating new thinking and fulfilling new expectations and aspirations of vastly different generations of Malaysians will be both Barisan Nasional's challenge and opportunity.

While communal and religious issues will remain important and ones which will continue to be used by the opposition to erode its power, Barisan Nasional has to look beyond these issues with greater vigour.

The fact that the country is becoming more progressive, wealthier and outward looking is no guarantee that extremist communal and religious elements will not be unsuccessful in stirring up communal and religious sentiments.

While the Barisan Nasional must resist the temptation to be drawn into a narrow communal and religious debate, the coalition will do well to have a conscious policy on these issues.

The new agenda for the Barisan Nasional must include elements that will enhance and guarantee the continued prosperity and survival of the country as well as those that will attract young and more sophisticated voters to its fold.

It should have been clear to the Barisan Nasional by now that social and environmental issues will take centre stage as the country becomes economically more advanced. Economic success alone cannot be the selling point.

Already our society is beginning to show signs of wear and tear as a result of a rapid growth. Social ills are becoming widespread involving the very people in whom the country's future lies - the youth.

Barisan Nasional needs to have a strong youth agenda that will steer them clear of social ills

because it needs healthy Malaysians in order to stay healthy itself. Barisan Nasional needs these people just as much as they need the guiding hand of its leaders.

But as the Malay proverb says, the crab that walks sideways cannot teach its young to walk straight. Barisan Nasional needs leaders of the highest calibre, integrity and selflessness.

The environment is a national and global issue and is here

to stay. The Barisan Nasional is well advised to have a coherent policy on environment over and above that of the Government's.

Bangsa Malaysia as envisaged by Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad in his Vision 2020 will not only be an industrialised race, but more importantly one that is sustainable in all respects. The Barisan Nasional has to make this vision a reality.



## RESULTS OF PARLIAMENTARY ELECTIONS 1955 - 1990

| YEAR            | 55*       | 59         | 64         | 69         | 74         | 78         | 82         | 86         | 90         |
|-----------------|-----------|------------|------------|------------|------------|------------|------------|------------|------------|
| Alliance        | 51        | 74         | 89         | 74         |            |            |            |            |            |
| BN **           |           |            |            |            | 135        | 130        | 132        | 148        | 127        |
| PAS ***         | 1         | 13         | 9          | 12         |            | 5          | 5          | 1          | 7          |
| DAP             |           |            |            | 13         | 9          | 16         | 9          | 24         | 20         |
| Socialist Front |           | 8          | 2          |            |            |            |            |            |            |
| PPP             |           | 4          | 2          | 4          |            |            |            |            |            |
| Parti Negara    |           | 1          |            |            |            |            |            |            |            |
| Malayan Party   |           | 1          |            |            |            |            |            |            |            |
| UDP             |           |            | 1          |            |            |            |            |            |            |
| PAP             |           |            | 1          |            |            |            |            |            |            |
| Gerakan ****    |           |            |            | 8          |            |            |            |            |            |
| USNO            |           |            |            | 13         |            |            |            |            |            |
| SCA             |           |            |            | 3          |            | 1          |            |            |            |
| SNAP            |           |            |            | 9          | 9          |            |            |            |            |
| SUPP            |           |            |            | 5          |            |            |            |            |            |
| Pesaka          |           |            |            | 2          |            |            |            |            |            |
| Semangat 46     |           |            |            |            |            |            |            |            | 8          |
| Pekemas         |           |            |            |            | 1          |            |            |            |            |
| PBS             |           |            |            |            |            |            |            |            | 14         |
| Independent     |           | 3          |            | 1          |            | 2          | 8          | 4          | 4          |
| <b>TOTAL</b>    | <b>52</b> | <b>104</b> | <b>104</b> | <b>144</b> | <b>154</b> | <b>154</b> | <b>154</b> | <b>177</b> | <b>180</b> |

- \* Pre-Merdeka Federal Legislative Council
- \*\* BN replaced Alliance as enlarged coalition
- \*\*\* PAS was in BN in 1974 general election
- \*\*\*\* Gerakan joined BN in 1974 general election



● SENAMROBIK... Mahathir pun turut serta untuk menjaga kesihatan fizikal dan mental.

# BARISAN NASIONAL DARI TUN RAZAK KE MAHATHIR

KESAN negatif dari label "Malay Ultra" yang diberikan kepadanya berpanjangan di kalangan bukan Melayu sehingga beliau mengambilalih Pengerusi Barisan Nasional pada 15 Julai 1981.

Parti komponen terbesar MCA dan MIC yang mempunyai pengalaman tersendiri dengannya masih berada di dalam keraguan sekalipun sebagai Menteri Pelajaran dan Timbalan Perdana Menteri, beliau telah memperlihatkan tindakan-tindakan yang rasional.

Umpamanya beliau telah mematahkan kegiatan mahasiswa khususnya mahasiswa Melayu yang melampau menerusi Akta Universiti dan beliau menangani tuntutan kesatuan sekerja yang tidak wajar dengan kritik yang keras dan tindakan yang tegas.

Kepada golongan anti establishment yang mengharapkan radikalismenya akan memihak kepada mereka, tiba-tiba melihatnya sebagai seorang reaksioner yang membahayakan kepentingan mereka.

Keimbangan dan keraguan semakin luas kerana kejutan dasar-dasar sosial, ekonomi dan politiknya yang penuh dengan risiko tetapi pada akhirnya kejayaan beliau keluar dari setiap risiko dari masa ke semasa telah memupuk keyakinan rakyat dan melenyapkan prasangka buruk terhadapnya.

Sesudah 13 tahun, Mahathir pada awalnya dibimbangkan kemunculannya di puncak kuasa terutama oleh bukan Melayu, sekarang dibimbangkan jika beliau berundur lebih awal dari



Oleh  
ZAINUDDIN MAIDIN



● MAHATHIR dan Anwar meninjau puluhan ribu rakyat dari pelbagai kaum yang turut bersama merayakan sambutan ulang tahun Barisan Nasional ke 20 di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur, Ogos 1994.

jangka kepimpinan yang diharapkan oleh mereka. Rakyat melihat kewibawaan dan kualitinya sukar untuk diganti.

Suasana keyakinan ini wujud oleh kerana Mahathir sebagai pemimpin UMNO, sebagai pemimpin Barisan Nasional dan sebagai Perdana Menteri telah membangunkan tugu-tugu kejayaan menerusi kepimpinan yang inovatif yang dapat menterjemahkan pemimpin menjadi realiti dan kelemahan kepada kekuatan.

Beliau tidak sahaja memperlihatkan kepimpinan politik dan negara yang gagal tetapi kecekapan dan kebijaksanaan sebagai usahawan dan ahli perniagaan.

Masyarakat Cina dan India pada masa lalu tidak boleh disalahkan jika mereka mempunyai prasangka yang salah terhadap Mahathir dan melihatnya sebagai "Malay Ultra" seperti yang digambarkan oleh bekas Perdana Menteri Singapura Lee Kuan Yew.

Beberapa tindakan dan kenyataan Mahathir sendiri terutamanya selepas peristiwa 13 Mei menampakkan sikapnya yang keras, umpamanya beliau mahu tindakan yang tegas diambil terhadap dua buah parti komponen Perikatan; MCA dan MIC setelah kedua-dua parti itu gagal untuk mengekalkan sokongan yang sepatutnya dari bukan Melayu kepada mereka dalam Pilihanraya UMUM 1969.

Mahathir tidak mahu MCA dan MIC menyertai kabinet kerajaan Perikatan berikutan dengan kegagalan itu.

Mahathir menunjukkan rasa tidak senang kepada Dewan Perniagaan Cina dan pertubuhan Cina lain yang meminta Presiden MCA ketika itu Tun Tan Siew Sin agar jangan menolak tawaran jawatan kabinet.



● MAHATHIR begitu mesra menyambut kunjungan tetamu. Mereka adalah di antara lebih 15,000 orang rakyat dari pelbagai kaum yang turut sama menyambut Hari Raya di kediaman rasminya - Seri Perdana, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Kepada Mahathir jelas sokongan yang diberikan selepas mereka menolak MCA dalam pilihanraya adalah oleh kerana mereka mulai merasa terancam dan bimbang tidak akan ada perwakilan Cina dalam kerajaan. Mereka hanya nampak MCA dalam keadaan kecemasan.

Mahathir sebenarnya bukan tidak mahu MCA berada dalam kerajaan tetapi terlalu marah kepada masyarakat Cina yang mahu menukarkan orde politik Malaysia yang berteraskan kerjasama antara kaum yang diasaskan oleh Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra. Malah untuk meruntuhkan orde ini mereka sanggup memberikan undi kepada Pas di kawasan di mana DAP atau pembangkang lain tidak bertanding dalam pilihanraya 1969.

Mendalangi percubaan besar yang paling nakal ini ialah beberapa buah pertubuhan Cina dengan sokongan Dewan Perniagaan Cina yang telah diresapi oleh semangat 'Malaysian Malaysia' yang ditiupkan dari Singapura sejak 1963.

Semangat ini telah menyelewengkan mereka dari matlamat asal yang telah dipersetujui bersama.

Berdasarkan kepada suasana dan semangat pada ketika itu, tidaklah mengejutkan apabila seruan Mahathir supaya wakil MCA dan MIC tidak diajak menyertai kabinet 69 telah dipandang sebagai menepati label "Malay Ultra" yang diberikan kepadanya.

Selain itu, sebagai rakyat sebuah negara yang masih muda dan belum berpengalaman, me-

reka mudah terpengaruh dengan isu yang secara langsung menyentuh perasaan atau yang menimbulkan keraguan dan kekeemasan terhadap masa depan.

Sementara para pemimpin berkeyakinan bahawa masa depan negara akan ditentukan oleh kesanggupan rakyat berbilang kaum untuk hidup bersama, terdapat golongan rakyat Melayu dan Cina yang melihat kuasa asing (Indonesia dan Cina) sebagai penyelamat mereka.

Pemimpin Perikatan tidak membiarkan kebangkitan arus emosi ini berterusan sebaliknya menjadikannya peristiwa 13 Mei 1969 sebagai titik tolak untuk mengatur strategi yang berkesan bagi menyempurnakan "Persetujuan Bersama" tanpa tolak ansur. Dasar Ekonomi Baru (DEB) diperkenalkan sebagai halacara.

Satu langkah paling besar yang telah diambil oleh Allahyarham Tun Abdul Razak ialah membina jambatan yang lebih besar ke arah mencapai matlamat ini iaitu dengan membesarkan lagi integrasi politik, menukarkan Perikatan kepada Barisan Nasional.

Rasa tidak puas hati orang Melayu khususnya ahli UMNO yang dijuarai oleh Mahathir dan beberapa pemimpin Melayu lainnya telah ditangani dari dalam dengan bijaksana oleh Tun Abdul Razak sehingga keyakinan orang Melayu kepada UMNO dapat dipulihkan dan UMNO sekali lagi kembali menjadi parti dominan yang berwibawa dan dihormati dalam satu pakatan dan barisan yang lebih besar.

Menerusi Barisan Nasional Tun Abdul Razak berjaya memulihkan kembali keyakinan orang Melayu dan juga kaum lain di negara ini terhadap masa depan mereka dengan membentangkan tanggungjawab bersama

yang jelas daripada segi sosial, politik dan ekonomi.

Bagaimanapun apabila Tun Abdul Razak tidak sempat melaksanakan penyempurnaan dasar ini, kesempatan terbuka kepada Mahathir untuk memperlihatkan keupayaan dan kewibawaan yang lebih besar bagi menyempurnakan semua dasar yang diwarisi.

Langkah paling dinamik dan berani yang diambil oleh Mahathir ialah membawa UMNO yang mewakili orang Melayu terlibat secara langsung sebagai catalyst bagi penyertaan Melayu dalam dunia perniagaan dan perusahaan.

Langkah ini telah menimbulkan kebimbangan di kalangan pemimpin-pemimpin UMNO sendiri, menimbulkan kecaman parti pembangkang dan menarik perhatian antarabangsa.

Langkah ini ternyata sangat efektif dalam mempereratkan lagi perpaduan nasional menerusi Barisan Nasional kerana menghasilkan pengagihan ekonomi yang lebih adil yang menyenyapkan anggapan berlakunya pembolotan oleh sesuatu kaum.

Tanggapan MCA dan MIC berniaga dan UMNO berpolitik tinggal menjadi cerita lama.

Memanglah sebelum Mahathir



● NAIK bendera... Mahathir memulakan secara rasmi upacara sambutan perayaan ulang tahun Barisan Nasional ke 20 di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur.



● KITA berjaya, kata Mahathir selepas keputusan Pilihanraya Umum 1990 diumumkan yang memberi kemenangan besar kepada Barisan Nasional.

telahpun diusahakan penyertaan Melayu dalam perniagaan menerusi DEB tetapi keberkesanannya tidak dapat dirasakan secara langsung oleh ahli-ahli UMNO sebaliknya masih berada di peringkat kalangan birokrat yang diterjunkan ke dunia perniagaan untuk mencapai matlamat DEB.

Dorongan secara langsung dari UMNO ini membangkitkan semangat dan keyakinan baru yang memperlihatkan penyertaan ramai tenaga profesional Melayu dan ahli-ahli perniagaan Melayu dalam perniagaan dan perusahaan yang bukan tradisional.

Pemerintahan yang diterajui oleh Mahathir atau UMNO dilihat secara langsung terlibat dengan perniagaan, membuka institusi-institusi perniagaan yang baru, menswastakan badan-badan kerajaan dan meluaskan lapangan perniagaan yang mewujudkan peluang-peluang baru kepada Bumiputera, ahli-ahli UMNO, penyokong-penyokong

UMNO dan para profesional Melayu.

Mahathir tidak boleh mengharapkan inisiatif untuk melibatkan Melayu dalam perniagaan secara besar-besaran akan datang dari bawah oleh kerana sebahagian besar orang Melayu masih berada dalam kepercayaan yang sentimental iaitu kedaulatan bahasa dan budaya akan menyelamatkan mereka.

Mereka masih berpegang kuat kepada slogan Satu Bahasa, Satu Bangsa dan Satu Negara.

Mahathir tidak membiarkan mereka terus tenggelam dalam emosinya sebaliknya membawa mereka keluar darinya dan melihat realiti penguasaan ekonomi sebagai jalan untuk mencari penghormatan diri dan memberikan maruah kepada Slogan Satu Bahasa, Satu Bangsa dan Satu Negara.

Secara agresif beliau melibatkan orang Melayu berganding bahu dengan kaum lain yang

telahpun maju ke hadapan dalam dunia perniagaan yang akhirnya menjadi suatu gelombang kebangkitan ekonomi yang paling gagah dan paling gemilang pernah menyaksikan oleh negara ini.

Ruangan-ruangan ekonomi dan perniagaan di akhir-akhir nasional yang empat lima tahun dahulu dipenuhi dengan kegiatan bukan Melayu sekarang diimbangi oleh penyertaan Melayu.

Kebangkitan ini tidak lagi boleh didakwa didorongkan oleh suatu kaum atau suatu pihak tetapi UMNO sebagai sebuah pertubuhan Melayu dan Dr. Mahathir sebagai peneraju utamanya mempunyai saham yang besar dalam mewujudkan peluang yang lebih banyak yang melimpah kepada semua kaum dari desa ke bandar.

Orang bukan Melayu khususnya dalam MCA dan MIC menyedari hakikat ini dan tidaklah mengejutkan jika sekarang terdapat mereka yang berkata



● MAHATHIR memandu sendiri *Perodua*, kereta nasional kedua yang menjadi kebanggaan negara.

"dulu kami takut dia menjadi Perdana Menteri, tetapi sekarang kami takut jika dia tidak lagi menjadi Perdana Menteri."

Pertumbuhan ekonomi yang memberikan pengagihan yang lebih merata ini telah menimbulkan masalah perkauman dan menyebabkan isu-isu yang bersifat perkauman tidak lagi mudah untuk dipasarkan oleh ahli politik.

Umpamanya dalam tahun 60-an, isu pasaraya yang dimiliki orang Cina tidak muhi mengumubil pekerja Melayu boleh menjadikan seseorang pemimpin politik Melayu popular, tetapi pertumbuhan ekonomi telah mewujudkan masalah baru yang melampaui batas perkauman iaitu ketiadaan pekerja tempatan untuk mengisi berbagai lapangan pekerjaan malah syarikat peminaan di negara ini.

Bukti yang lebih nyata ialah tidak lagi ada reaksi yang penuh emosi apabila Mahathir menyeru orang Melayu supaya memberikan perhatian terhadap Bahasa Inggeris sebaliknya dalam tahun 60-an sebuah akhbar Melayu

telah dibakar di Dewan Bahasa dan Pustaka kerana mahu Bahasa Inggeris dikekalkan sebagai bahasa kedua di negara ini.

Bagaimanapun kematangan seumpama ini belum meluas ke seluruh negara. Masih banyak perkara yang tidak diduga boleh berlaku.

Dalam pilihanraya 1990, secara tiba-tiba Parti Bersatu Sabah mengambil tindakan keluar dari Barisan Nasional hanya beberapa hari sebelum pembuangan undi. Peristiwa ini begitu mencemaskan dan merupakan satu lagi percubaan untuk meruntuhkan orde politik yang telah diasaskan sejak merdeka.

Bagaimanapun menerusi peristiwa ini Mahathir dan UMNO dapat melihat setiakawan dari parti-parti komponen terbesar dalam Barisan Nasional iaitu MCA, MIC dan Gerakan.

Apabila UMNO diharamkan dan PBS keluar dari BN dalam saat genting parti-parti itu telah berikrarkan untuk bersama dengan UMNO walau apapun terjadi.

Menilai setiakawan ini, maka Mahathir tidak akan mudah membiarkan masalah peribadi pemimpin-pemimpin parti komponen mengaburi matanya dari melihat kepentingan dan nilai sebenar yang diperlukan olehnya dan oleh UMNO dari mereka.

Bagi Mahathir kekukuhan tiap parti komponen yang didukung oleh parti-parti yang telah membuktikan setiakawan kepada UMNO dan kepadanya adalah lebih penting dari melayani masalah peribadi pemimpin yang boleh membawa kesan buruk kepada Barisan Nasional pada keseluruhannya.

Bagaimanapun, pragmatismenya tidaklah seharusnya menimbulkan keraguan terhadap konsistensinya dalam melaksanakan dasar dan kepercayaannya.

Keraguan juga tidak seharusnya timbul sekiranya Mahathir dilihat telah menggantikan slogan Satu Bahasa, Satu Bangsa dan Satu Negara yang mempunyai konotasi perkauman dengan Wawasan 2020 yang bersifat universal.



■ BERAS... Keibuan negara kita yang terbesar sekali apabila rakyat dari berbagai kaum boleh berhimpun dalam keibuan.

# MAHATHIR'S FORMULA OFFERS PROGRESS AND PROSPERITY

AS a multi-racial society, Malaysia's political and economic stability depends on the different communities living and working together in peace and harmony. Ensuring such good communal relations has been Barisan Nasional's main contribution to a stable nation.

The Barisan's success is therefore due to its ability to bring together the Malays, Chinese, Indians and other minority groups for their common good. It can do this because the Barisan, since the days of the Alliance Party, has always stuck to the principle that the various racial groups must be united in purpose and work for the nation's progress and growth.

When independence was achieved in 1957, few people, including many Malaysians as we were known then, gave the

country little chance of achieving this racial unity and harmony. They argued that the main races were too diverse in religion, language and even in the food they eat.

But what many of these critics overlooked was the determination of the founding fathers to make things work. They had to succeed or else the consequences would be too disastrous to imagine. This was made easier because right from the start, leaders such as Tunku Abdul Rahman, Tun Tan Cheng Lock and Tun V. T. Sambanthan were convinced that things could work.

The population is made up of roughly 50 per cent Malays, 30 per cent Chinese, 10 per cent Indians with other races making up the balance. This is therefore a very mixed bag and unless handled with care and tact, it is

---

By  
V. K. CHIN

---



● A PRIME Minister of the people: Dr. Mahathir obliging a group of tourists for a snapshot at the Langkawi International Airport before leaving for Kuala Lumpur.



● MCA President Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik and Datin Seri Ena Ling extending Hari Raya wishes to Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad and Datin Seri Dr. Siti Hassmah.

quite easy for racial problems to crop up. The fact that this nation has been living in peace and harmony for so many years is testimony to the ability of the Barisan leadership in dealing with such a sensitive issue which has led to the downfall and ruin many a country with similar racial and religious diversities.

Tribute for this must therefore go to the farsightedness of the founders of the Alliance Party and now the Barisan Nasional who right from the start realised that there could be no future without racial harmony. Even today, the Barisan under the leadership of Prime Minister Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad is fully aware of this fact. He and his other Barisan colleagues know that all that they have built could go up in smoke if the various communities should harbour any suspicion and distrust each other's motives and intentions.

How have the Malaysian Chinese benefited under the Barisan government? It cannot be denied that they have done well both before and after independence. The Chinese are a hardy people, tough and resilient and all that they need is the opportunity to make a go of things and they will be able to more than survive. In Malaysia, they have not only received such opportunities but what is even more important is that they have been accepted as partners in all spheres of activities. There are a few things which any community would be concerned with and the Chinese are no exception. To look at how the Chinese have benefited under the Barisan, it is necessary to look at several areas of interest to them. They include politics, the economy, education and religion.

**POLITICS:** From the beginning, the Chinese have been involved in the political struggle for independence. Under the MCA, they teamed up with

UMNO to spearhead the Alliance Party, which was later joined by the MIC, to participate actively in elections. This is in fact the most significant development and a turning point for the community. This act alone showed that the Chinese were regarded as having a stake as Malaysians and not a transient race any longer. By working in partnership with UMNO and MIC, the party was able to obtain Malaysian citizenship for the Chinese. In future, all Chinese born after independence whose parents are Malaysian will automatically be granted citizenship. They were no longer birds of passage as they could vote and decide on the party of their choice to run the country.

Citizenship and the right to vote therefore are things to be cherished and the Chinese should appreciate such a privilege. By their political involvement, the community can not only vote but nominate candidates to contest the election both

via the Barisan and the opposition.

They can also participate in decision-making as several cabinet ministers and deputy ministers come from members of the community. Such appointments are extended to state level where local MCA leaders become executive councillors. The community is therefore very much a part of the political process. The extent of their contributions in nation building depends on the calibre of their leaders in government. The government will always welcome good ideas which can be implemented for the good of the people.

The MCA remains a key component of the Barisan set-up.

Unlike other coalitions which are usually temporary in nature, the Barisan concept is permanent. The Barisan component parties contest elections under one banner. Its component partners do not contest elections separately and only rejoin the coalition after the electoral results are known.


**ECONOMICS:** The Malaysian Chinese have always enjoyed a degree of independence in the nation's economic activities, both before and after independence. In fact, some of them had managed to make use of the opportunities offered to them by becoming extremely successful in their business activities and achieved great wealth in the process. The

majority of them are quite entrepreneurial in nature and all that they require is the chance to do business. They will quickly seize every opening with both hands and take advantage of such situations.

Even with the New Economic Order which was aimed at restructuring society so that the Bumiputras will have a greater share of the economic cake, the Chinese were still able to make a living. The cake might have to be shared but there was sufficient to go round. The fact is that whatever projects and assistance given to the Bumiputras, the non-Malays will be involved albeit indirectly. So long as there was money to be made, no one should quibble over how it was done.

Under the Mahathir Administration's privatisation programme, there were even more projects up for grabs. Under Dr. Mahathir, the Barisan government has further liberalised its policies and privatised ventures handed out in such a way that every community would benefit from them. The government realises that while it is important to enable the Bumiputras to catch up with the other races economically, it cannot be too one-sided for the sake of harmony. The goodies should be spread evenly so that as many people as possible will enjoy the benefits. This is all for the long-term good of the nation. It is not good that one section of the population should feel deprived to the extent that its members may be prepared to create trouble to show their displeasure. It is through such delicate balancing that the government can maintain political and economic stability.

Not everyone can be a businessman or aspires to be one. It takes a very special breed of people to venture into business which can be rather cruel. Peo-



● A PARTI leader at work: Dr. Mahathir addressing MIC delegates at a political Caucus.



● TAKING a break from tending to the Affairs of State: Dr. Mahathir at Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik's Chinese New Year Open House.

ple may admire the successful ones but it must not be forgotten that they would have toiled hard for their efforts. For those who wish to be humble wage-earners, there are also plenty of jobs available. There is no restriction in employment in that every citizen is free to choose the work he likes to do. No Chinese can say that he is unable to get a job as there is full employment; so long as they are not choosy.

Almost every business sector is crying for workers and the situation is so critical that the government has to allow such firms to hire foreign workers. The bottom line is that the Chinese can enjoy the fruits of such development and economic growth. If they are prepared to work hard, they can still make it big in business or in life.

**EDUCATION:** The Chinese form the majority; the Malaysian Chinese have several choices when it comes to education. The national language may be Bahasa Malaysia, their right to

six years of free primary education in their mother tongue is guaranteed under the Federal Constitution. This is to ensure that they will have the basic education in their own language if they so desire. After that, they can either join the national-type school for their secondary education or they can continue their studies in private secondary schools run by the Chinese community.

Those who drew up the Constitution had done so to ensure that education in the Chinese Language would not be disrupted. This is a highly emotional and sensitive issue with the community which would like their language to be preserved. There are hundreds of Chinese-medium primary schools where the Chinese, and even the non-Chinese, can send their children for studies in their own language. Of course, other languages such as Bahasa Malaysia and English are also taught so that they can fit into the mainstream of the educational system later on.

The choice is strictly voluntary. It is up to the parents whether they wish to send their children to a Chinese-medium or the national-type primary school. They can always switch to the government-type school for their secondary education which many of them are now doing. This system has been working well and there is no move whatsoever to do away with it. The rationale is that is entirely up to the parents to make the decision. This is a rather important concession given to the community. Unfortunately, many such Chinese-medium primary schools are having trouble recruiting teachers to run their classes.

In addition, the Chinese are not only free to receive a Mandarin-based primary education but can speak all the main dialects of their respective clans. There are also scores of Chinese newspapers, weeklies and magazines to cater to the community's needs and interest. In this respect, the Chinese should have little complaint as no other

country in the region other than Singapore, had given, them this latitude in the use of their mother tongue and dialects.

In some countries they have to speak in their own dialects furtively for fear of reprisal from the authorities. It is also not necessary for them to change their names. These are freedoms which are precious and should never be taken for granted. This is possible only because of the liberal attitude of the government and the people. And the Chinese must appreciate such a positive atmosphere.

Higher education is also available to the Chinese though of course it is not possible for everyone to have a university degree or diploma in a public university. Such institutions of higher learning have limited places and there are not that many of them because of the costs involved in establishing them. The authorities also have to accommodate the interests of all the communities so that there will be a balance.

However, the government is encouraging the setting up of

private colleges where the school-leavers can get their tertiary education. While the courses are rather limited, these colleges have attracted some good students with excellent SPM or STPM results who prefer to study there instead of in public universities. They do so because they want a degree from a Western university where English is the medium of instruction. This is done purely because they feel that English is more important in the business world where they can get ahead faster. This is the trend even though the students have to pay higher tuition fees than if they had joined one of the local universities.

**RELIGION:** The different communities are also free to follow the religion of their choice. Though Islam is the official religion, other religions such as Buddhism, Christianity and Hinduism are allowed to flourish freely. There is great religious tolerance and there are many places of worship for those wishing to fulfil their spiritual needs.

Generally, the Chinese have not done too badly under the

Barisan government. Of course things are not perfect and there could be improvement. Given the diversities of the communities, the Barisan has done a good job in promoting racial harmony through fair and sound policies. This is possible only because of the good understanding among the Barisan leaders and so long as the give-and-take spirit prevails, the future is bright. At the same time, the Chinese must continue to give their support to the Barisan so that it can carry on with the good work.

The Barisan has a good formula which is working and there is no reason to change horse in midstream. The nation needs a good supply of leaders with moderate views and who understand each other's aspirations and needs. In the past decade, Malaysia has come a long way in liberalising its economic and social policies to the further benefit of the people. The country has earned the respect and even envy of both the developed and developing nations. This means that the Barisan Nasional is on the right course.



● DR. MAHATHIR and Dr. Siti Hasmah offering their Deepavali wishes to Datuk Seri S. Samy Vellu.

# BARISAN NASIONAL: LEADING MALAYSIA FROM OBSCURITY TO THE WORLD STAGE

FROM the politics of confrontation to the politics of compromise and consensus signals the dawning of a new era in Malaysian politics. The Year, 1974. The Day, June 1. The Event, Barisan Nasional. This was the climax of our political strategies in the 70s. The Coalition Government was set in motion for a politically stable and economically progressive record that has taken Malaysia across three successive decades of outstanding development and excellent achievements.

The Barisan Nasional is a unique, unifying practice of

accommodative politics in Malaysia. Each component party has successfully fought its own strains and stresses and divisive battles to emerge stronger and more consolidated. Through the years there appears a conscious effort to connect politics to the people, to make politics meaningful to the populace and not merely to the politicians.

From racial politics to the politics of development, Barisan Nasional has led the country from strength to strength. No where in the world has a coalition government been in office



---

By  
G. GNANALINGAM

---

◆ MAHATHIR THE WORLD STATESMAN: The Prime Minister seeing off Indonesian President Suharto after the Kuala Lumpur G15 Summit in June, 1990.



● ... Entertaining G15 Heads of Government to dinner on June 3, 1990. Among the guests with Mahathir at the head table is President Julius Nyerere.

for so long and so successfully. Barisan Nasional is an excellent testimony of multi-racial co-existence, power sharing and devotion to the task of national development.

In Malaysia, the minority groups do not feel like second class citizens as every race including foreigners feel at home here. We are culturally different but cohesive, heterogeneous but integrated, a perfect picture of unity in diversity living in harmony. We have learned to enjoy each other's differences as in each other's festivities, traditions and customs and the aggregate result of all this is in that the more variety we have, the more there is to enjoy as Malaysians. Malaysia ranks tops in the world as the country with the most public holidays because there is so much more to celebrate as Malaysians. We are proud to be Malaysians as we march together to build our future. Barisan Nasional - the scale that bal-

ances the needs of the various communities and at the same time holds them all together.

Today, Malaysia is one of the fastest growing nations in the Pacific Rim and in the world. Our Gross National Product has risen 8 times from RM20 billion to RM160 billion in the last 20 years and our per capita income has quadrupled from RM1818 to RM7350 (1993) over the same period. We are no longer an exporter of primary commodities. We are exporting cars, electronic components, machinery and transport equipment, palm oil, textiles and apparels, plastic products, cocoa and cocoa products, sawn logs, crude petroleum and LNG.

Over the years, we have achieved great strides in economic development and acquired the ability to flex our economic muscles once in a while. We are no longer at the mercy of major powers or of

being bullied into submission.

We refused to be categorised as a newly industrialised nation to fit into the big boys' scheme. We are a young nation on our way to industrialisation avoiding the pitfalls whilst protecting the moral fabric of our society. We are en route to a fully developed nation status.

We are aware that we have become more exposed to the world and the world has in turn taken more cognition of us. We have formed our own opinions on many domestic and international issues and have made ourselves heard loudly and clearly. We have risen to the occasion to help our fellowmen in their hour of need as we are doing now with the Bosnians, Somalians and Cambodians. We have created a caring and sharing society and we live by that dictum.

The symbols of success are clear to see - high rise buildings,

commercial hubs, office complexes, condominiums, residential estates, highways, expressways and flyovers. We are moving faster and at a much shorter time. We have transformed our landscapes, turning kampungs into towns, towns into cities and cities into metropolises. Our rural areas are shrinking by the minute as we push ahead with urban development and renewal programmes. Our objectives is to equip every home with the basic material comforts and every family the opportunity to enjoy a higher standard of living than the generation before. Barisan Nasional has succeeded in achieving this and we like to applaud them for it.

Malaysia is moving towards the year 2000 with confidence as

one of the most prosperous, stable and peaceful nations in the world. We can live harmoniously in our multi-ethnic, multi-lingual and multi-cultural society because of the Barisan Nasional's excellent achievements of leading Malaysia through 38 years of great nation building.

Today the world respects and admires us for our integrity, our sense of fairness and our competitiveness in industry and technology.

The key to our success is a democracy upheld by Barisan Nasional that truly works for our unique needs and aspirations. It is a democracy that unites all Malaysians in one shared destiny regardless of race or creed. As we enter the 21st Century, it is a democracy that will ensure con-

tinuous progress, wealth and health for all.

Malaysia's exemplary economic performance is the talk of many countries in the world today. This can be attributed to the far-sightedness and strategic planning of the Barisan Nasional Government.

But the greatest success symbol of all is the people; for every successful government is a reflection of the people they lead. In the last 20 years, we have created a new generation of Malaysians who are better nourished, more educated and better skilled; a generation well groomed to take on the tasks of nation-building. We have expanded our professional, management and technical skills in every category by sheer numbers alone. Every year, we churn out 200,000 graduates.

We have strengthened the use of our National Language and reinforced the use of English and we can proudly say every Malaysian is bilingual if not trilingual. The number of inter-marriages has increased manifold, a reflection of cultural fusion and racial integration. Our focus is to create new townships which are multi-racial in character as we have done with companies. Work together, live together and play together. Barisan Nasional's political formula for success is a victory for the people, the best index of change over time. The dominance of intra-racial issues within the component parties reflects a commonality amongst Malaysians and the melting down of racial differences.

The political issues that preoccupy Barisan Nasional are no longer power struggle and racial politicking but nation building. From a racial cauldron to a melting pot, Barisan Nasional de-



● ... Calling on Zimbabwean President Robert Mugabe at his hotel suite shortly before Mugabe's departure after attending the June, 1990 G15 Summit.

serves to be congratulated for its outstanding role and performance.

There is an emergence of a new middle class of Malaysians who are richer and more educated and definitely less conscious of racial differences. Race is an archaic and obsolete issue. We share one common nationality and one unifying force as Malaysians. We have only one race in Malaysia and the race is how to project Malaysia globally

and gain world recognition for our contributions and achievements in the shortest possible time.

We have left behind the awkward period of adjustments; the recession of the 70s and 80s and we are moving forward into the economic regeneration of the 90s. As the world turns its attention to the Pacific Rim, Malaysia is ready to debut as a star taking centre stage as the fastest growing, politically stable and eco-


nomically resplendent country in the Pacific Rim.

The people of Malaysia have acquired a new sense of confidence and a new sense of achievement partaking in the many developmental opportunities of the nation. Inspired by an articulate leadership and attracting world attention, we are set to reach greater heights as a young, rich and growing nation nestled in a Caring and Sharing Society. We shall move on as one race, the Malaysian Race and Barisan Nasional shall propel us forth, towards 2020 and beyond.

Today we are fortunate to celebrate a party that is the biggest, greatest and longest in power of them all, the Barisan Nasional; a party which has successfully led our nation since independence. Barisan Nasional practises collective leadership and consultative decision making that promises a sense of belonging, unity, mutual respect and trust among members and the public.

Together with Barisan Nasional, Malaysians can take the nation to even greater heights of glory and excellence.

Saddled with the most challenging task since its birth, Barisan Nasional has devoted itself relentlessly to national development lifting the nation from obscurity to conspicuity. It has changed the lives of many a people and touched the lives of everyone of us and we believe it is for the better. We have emerged prouder of our own country, feeling a stronger sense of common identity as Malaysians. We love this country, it is a beautiful place to live, work and play in and we pray to Almighty God that Barisan Nasional will take us through the years ahead of us in peace, progress and stability.



● ... And receiving Chinese Prime Minister Li Peng for the official welcoming ceremony at the Parliament Square at the beginning of the Premier's four-day official visit to Malaysia in December, 1990.



● MAHATHIR menyampaikan amanat di Imp



● MAHATHIR bersama para




pengumpulan tahunan parti yang dipimpinnya.



dan pemimpin dunia.



# BARISAN NASIONAL TONGGAK WAWASAN



● BARISAN NASIONAL TONGGAK WAWASAN... slogan perayaan ulang tahun Barisan Nasional ke 20, Ogos 1994.


■ 66 KONVENSYEN BARISAN NASIONAL  
 Nusantara  
 DATABADGE SDH BHD  
 TEL : 03 - 6217377 (4 line)



● MAHATHIR menjulang keris sebagai tanda kejayaan Barisan Nasional.



● FOTO besar Mahathir di perayaan ulang tahun Barisan Nasional ke 20.



● TEPUK tangan kepada pemimpin sebagai satu tanda kejayaan dan semangat.



● Warga dari pelbagai kaum, agama dan bahasa turut meriahkan sambutan perayaan ulang tahun kemerdekaan ke-20.



● MAHATHIR menerima ucapan tahniah dan kejayaan Barisan Nasional dalam Pilihan Raya Umum 1999





26hb OKT. 1967

KUCHING.

SARAWAK



Dr. H. N. Z. Abdul Rahman Putra (gambar atas) dan Tun Tan Siew Sin (gambar bawah) dan Tun Mustapha Harun (gambar bawah) di hadapan sidang umum Barisan Nasional di Kuching, Sarawak, Oktober 1967.





Anggota Kongres Barisan Nasional yang menghadiri Kongres di Persidangan Kerajaan  
Majlis Persekutuan yang berlangsung di Istana Lumpur pada 18-24 Oktober, 1989.



● ANTARA pemimpin (gambar atas) dan ahli-ahli parti gabungan yang turut hadir di konvensyen PERIKATAN di Marong Sarawak.

# BARISAN NASIONAL KUNCI KEKUKUHAN EKONOMI NEGARA



● MAHATHIR di pejabat.

JIKA Jepun bangun daripada debu-debu kehancuran akibat Perang Dunia Kedua dan berjaya menjadi kuasa ekonomi yang paling disegani di dunia, cerita kejayaan ekonomi Malaysia tidak kurang hebatnya. Dilihat dari segi apa sekalipun, Malaysia adalah satu "success story" ekonomi yang mungkin sukar ditolak bandingkan. Ini diiktiraf bukan sahaja oleh para pemimpin negara-negara maju, malah lebih membanggakan telah menerima pujian daripada mahaguru dalam bidang pengu-rusan seperti Peter Drucker serta penulis-penulis buku terkemuka seperti Alvin Toffler dan John Naisbitt.

Tetapi debu-debu kehancuran juga pernah mengancam negara ini. Semua orang mahu melupakannya tetapi peristiwa berdarah 13 Mei 1969 ialah tragedi yang paling hitam pernah men-conteng sejarah negara. Memang benar hakikat bahawa berjuta-juta warga Malaysia yang lahir selepas tarikh hitam itu tidak langsung tahu apa itu Peristiwa 13 Mei. Memang benar juga bahawa tidak banyak yang dicatatkan dalam buku sejarah yang dibaca oleh generasi muda di sekolah masing-masing mengenainya. Kalau adapun, mungkin disebut secara ringkas sahaja, tanpa butiran latarbelakangnya. Penulis sendiri tersentak apabila baru-baru ini, anak penulis yang

---

Oleh  
**AZMAN UJANG**

---

berusia 12 tahun bertanya apakah itu Peristiwa 13 Mei. Sungguh berlainan keadaannya pula dengan Allahyarham (Tan Sri) P. Ramlee. Walaupun berjuta-juta rakyat Malaysia hanya lahir selepas beliau meninggal dunia, mereka seolah-olah mengenalinya dan "mencintainya" kerana kehebatan beliau sebagai tokoh filem Melayu yang juga tidak ada tolok bandingnya.

Bukanlah tujuan penulis untuk menggali kubur Peristiwa 13 Mei, tetapi tragedi rusuhan kaum yang mengorbankan ratusan nyawa itu tidak dapat dinafikan adalah satu titik tolak yang menjadi pemangkin atau katalis kepada sejarah moden negara. Lebih suku abad telah berlalu sejak peristiwa itu, tetapi air yang mengalir di bawah jambatan (meminjam bidalan bahasa Inggeris) telah membawa arus pembangunan negara yang begitu menakutkan. Peristiwa yang seakan-akan mengetuk pintu kehancuran negara itu wajib dijadikan iktibar oleh rakyat. Betapa demokrasi yang tidak dikawal hanya tidak ubah seperti api dalam sekam. Betapa jika rakyat tidak tahu mengawal diri

masing-masing, api dalam sekam boleh menjilatkan segala-galanya yang mereka bina dalam sekelip masa. Lihat sahajalah apa yang berlaku di Bosnia-Herzegovina, Chechnya, Somalia dan beberapa buah lagi negara yang menunggu masa untuk dihapuskan daripada peta dunia.

Di lihat dari sudut yang sama, Barisan Nasional (BN) boleh dianggap sebagai "zuriat" yang dikendalikan ekor peristiwa itu. Memang lumrah baliwa manusia hanya tahu menilai sesuatu benda jika benda itu sudah tiada. Kebebasan yang mereka nikmati, misalnya, sering disalahgunakan. Tidak kurang pula yang langsung tidak mempunyai apresiasi terhadap kebebasan itu dengan memporak-perandakan ketenteraman awam dan kestabilan politik negara.

Jika ditanya kepada setiap usahawan asing yang datang ke Malaysia untuk melabur, apakah faktor nombor satu dalam senarai mereka yang mendorong mereka memilih negara ini, rata-rata akan menyebut kestabilan politik negara sebagai menjawabnya. Persoalan yang timbul ialah daripada manakah punca-

nya kestabilan politik yang telah kita nikmati sejak sekian lama ini? Kestabilan politik tidak akan datang bergolek di depan mata kita. Kestabilan politik juga bukan boleh diwujudkan dengan silap mata atau bukan berlaku secara ajaib. Jawapannya tak lain tak bukan ialah dua patah perkataan yang sudahpun menjadi "household name" di Malaysia — Barisan Nasional. BN dan kestabilan politik, ibarat irama dan lagu tidak boleh dipisahkan. Dan apakah nilai kestabilan politik itu? Ia tidak ternilai. Ia segala-galanya.

Faktor kestabilan politik telah menjuruskan pertumbuhan ekonomi negara yang melonjak tahun demi tahun dan kini dapat dilihat daripada kemakmuran dan kebahagiaan yang dinikmati oleh sebahagian besar rakyat negara ini. Malaysia adalah di antara segelintir sahaja negara di dunia ini yang mencatatkan pertumbuhan ekonomi melebihi 8 peratus setahun, tahun demi tahun. Tetapi kekukuhan ekonomi Malaysia yang dirasakan sekarang bukan merupakan satu "economic miracle" atau kejaihan ekonomi. Ia jelas tidak berlaku begitu sahaja, tanpa peran-



● PEMIMPIN BERSAMA RAKYAT... Mahathir berucap kepada puluhan ribu rakyat pelbagai kaum yang berhimpun untuk menyatakan sokongan penuh terhadap kepimpinannya.



● TURUN PADANG... Mahathir bersama rakyat di Sabah.

cangan, tanpa kestabilan politik dan tanpa kepimpinan yang mengemudikannya. Sepuluh tahun kebelakangan ini, Malaysia begitu menonjol di pentas ekonomi, hubungan luar dan di arus perdana dunia. Kekukuhan ekonominya menjadi buah mulut di pelbagai persidangan ekonomi serantau dan dunia. Nama negara harum di ruang bilik mesyuarat di Bank Dunia dan Tabung Matawang Antarabangsa (IMF). Malah mereka yang terdahulunya kritikal terhadap negara pun akur tentang kejayaan ekonomi Malaysia.

Sememangnya ialah sesuatu kejayaan itu adalah hasil kerja pasukan atau "team-work". Tetapi penulis, setelah membuat pemerhatian yang terperinci akan segala faktor yang menyumbang kepada atau menjuruskan kekukuhan ekonomi Malaysia, tetap beranggapan bahawa orang yang mengubah

semuanya itu daripada mimpi di siang hari kepada realiti ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri.

Kecemerlangan kepimpinan yang dibawa oleh Dr Mahathir, yang juga Pengerusi BN, adalah satu-satu rahmat yang tidak ternilai bagi negara ini. Puluhan juta rakyat yang kini menikmati kemakmuran dan yang taraf hidup mereka jauh lebih baik berbanding tahun-tahun sebelum ini terhitung budi kepadanya.

Walaupun kestabilan politik itu pra-syarat terpenting bagi kekukuhan ekonomi, ia juga dengan sendirinya tidak akan ke mana tanpa ketajaman idea-idea atau keberanian beliau mencuba sesuatu yang mencabar dan memecah tradisi. Pada mulanya, banyak orang menganggap beliau "ahead of his time", tetapi hakikat sebenarnya ialah Malaysia telah ketinggalan jauh di belakang apabila beliau me-

ngambil alih pucuk pimpinan negara pada 1981.

Dan beliau bukannya orang berpeluk tubuh dan berpuas hati sekadar, seperti banyak pemimpin lain di dunia, hanya seperti dalam bahasa Inggeris "to carry on the good work of my predecessor" (meneruskan kerja baik orang yang terdahulu dari saya"). Tanpa ragu-ragu penulis katakan, "Dr Mahathir is a man pregnant with brilliant ideas". Banyak pemimpin juga mempunyai "brilliant ideas" tetapi ia hanya tinggal idea sahaja, tetapi Dr Mahathir melaksanakan idea-ideanya dan melihat kepada kejayaannya.

Contoh yang paling ketara ialah idea Dr Mahathir memperkenalkan dasar Persyarikatan Malaysia dan diikuti oleh dasar Penswastaan. Kedua-duanya ini telah memberi sumbangan yang amat besar terhadap prestasi ekonomi Malaysia dalam bebe-

rapa tahun kebelakangan ini, khususnya membawa kepada keadaan sekarang yang menyakikan negara boleh berkembang tanpa sekatan-sekatan atau "bottle-necks" yang dahulunya kerap membantutkan kemajuan ekonomi negara. Kini pembangunan dapat dilaksanakan secara lebih berkesan daripada yang dijangkakan.

"Persyarikatan Malaysia dan penswastan aktiviti-aktiviti kerajaan telah memberi hasil yang amat menguntungkan. Pasaran saham kini telah menjadi begitu besar dengan penswastan agensi-agensi kerajaan," kata Dr Mahathir ketika merasmikan dialog dengan sektor swasta baru-baru ini.

Dilihat dari sudut pasaran saham sahaja, apa yang berlaku sungguh menakjubkan. Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) kini adalah yang terbesar di

Asean dari segi modal pasaran, dan yang ketiga di Asia selepas Jepun dan Hong Kong. Terdapat 17 agensi kerajaan yang diswastakan disenarai di BSKL yang menyumbang 19.77 peratus daripada modal pasaran yang berjumlah RM54 billion.

Daripada 17 perbadanan yang disenaraikan itu, 11 mempunyai modal melebihi RM 1 bilion setiap satu, manakala dua daripada mereka — Tenaga Nasional dan Telekom Malaysia — mencatatkan keuntungan lebih daripada RM 1 bilion setiap tahun.

Ekoran dasar persyarikatan Malaysia dan pengswastan, ekonomi Malaysia telah dipelbagaikan daripada berpandangan sempit, dan berlandaskan komoditi kepada ekonomi yang lebih terbuka dan kepada perdagangan dunia dan pelaburan.

Hasil usaha peribadi Dr Ma-

hathir sendiri yang tanpa mengenang penat atau bosan menjelajah banyak negara baik negara maju dan membangun di dunia sejak menjadi Perdana Menteri, syarikat-syarikat Malaysia kini sudah mulai mengenali dunia. Mereka sudah mulai melihat lebih jauh daripada tepi pantai Malaysia. Apa yang mereka lihat sekarang bak kata kiasan, "saujana mata memandang". Malah Dr Mahathir lah pemimpin yang mempelopori lawatan yang membawa bersama-samanya sekali para pemimpin syarikat gergasi, besar dan sederhana. Lawatan-lawatan begini "membuka banyak pintu" dan tokoh-tokoh korporat ini sangat beruntung, bukan sahaja boleh mengenali Perdana Menteri mereka sendiri secara dekat, pintu yang dibuka di negara-negara yang mereka lawati, bermakna perniagaan bernilai beratus-ratus juta ringgit dalam



● ACARA TAHUNAN... Mahathir menemui ahli-ahli parti komponen Barisan Nasional dari MCA.

tempoh jangka panjang. Oleh sebab itulah, setiap kali Perdana Menteri ke luar negeri, tokoh-tokoh korporat berebut-rebut mahu mengikuti rombongannya. Kini syarikat-syarikat yang bermastautin di Malaysia sudah berdagang secara aktif dengan rakan-rakan mereka di Amerika Latin, Asia Tengah, Komanwel Negara-negara Bebas (CIS), Afrika, China, Vietnam dan Kemboja, iaitu negara-negara yang sebelum ini tidak terlintas di fikiran mereka.

"Walaupun jumlah perdagangan dengan negara-negara ini tidak sebesar dengan rakan-rakan dagang tradisional, jika disatukan jumlahnya cukup besar," kata Dr Mahathir.

Sementara itu, perdagangan Malaysia dengan rakan-rakan tradisional seperti Jepun, Taiwan, Singapura, Amerika Syarikat, Britain, Australia dan Kesatuan Eropah meningkat berlipat kali ganda.

Daripada tidak mempunyai tempat sebagai negara perdag-

angan di pentas dunia, Malaysia kini merupakan negara ke-19 yang mempunyai perdagangan yang terbesar di dunia dan posisi ini kian bertambah baik dengan keakraban hubungan di antara sektor swasta dan kerajaan yang ghairah mahu menajayakan dasar persyarikatan Malaysia dan penswastaan yang diilhamkan Dr Mahathir.

Perlu diingat penswastaan tidak begitu berjalan dengan baik di banyak negara yang telah mencubanya terdahulu daripada Malaysia. Tetapi di Malaysia, kejayaannya telah terbukti satu pendekatan yang sungguh menguntungkan semua pihak. Bank Dunia dan IMF dan banyak negara maju mengiktiraf hakikat ini.

"Penswastaan telah membantu kerajaan mengatasi masalah kekurangan modal, terutama untuk projek-projek infrastruktur. Kerajaan kini berupaya melaksanakan projek-projek serentak yang tidak mungkin boleh dijalankan sekiranya kerajaan

mengendalikan projek-projek ini dengan sendirinya," kata Dr Mahathir lagi.

Projek-projek ini termasuk Lapangan Terbang Antarabangsa yang baru di Sepang, Lebuhraya Utara-Selatan, Pelabuhan Barat, hubungan kedua antara Johor-Singapura, dan projek hidro-elektrik Bakun yang berharga RM15 bilion.

Menerusi penswastaan, Malaysia berjaya mempercepatkan pembangunan infrastruktur yang menular kepada pembangunan sampingan dan banyak idea baru perniagaan.

Dr Mahathir telah memecah tradisi di kalangan kakitangan kerajaan yang menganggap sektor swasta musuh mereka. Walaupun tidak semua kakitangan kerajaan mengubah sikap mereka, perubahan sikap sudah mulai kelihatan di banyak tempat dan jabatan. Seperti kata Perdana Menteri, gaji yang dibayar kepada sektor awam diperolehi daripada cukai yang dipungut daripada sektor swasta.



● MAHATHIR dan Tun Mustapha merentang bendera UMNO, diperhatikan oleh Mohamed Rahmat sebagai menandakan kelahiran UMNO di Sabah pada 21 Februari 1991.



● MAHATHIR meninjau nasib kaum nelayan di Kelantan.

Tidak syak lagi BN adalah kunci kekukuhan ekonomi negara. BN telah memungkinkan kek ekonomi negara diagih-agihkan sama rata mengikut keperluan semasa dan kehendak negara, termasuk kehendak politik. Faktor ini tidak dapat dielakkan. Malah faktor ini penting untuk kestabilan politik itu sendiri. Kek ekonomi negara bukannya semakin mengecil. Malah ia semakin membesar dan peluang terbuka luas untuk semua kaum, khususnya yang diwakili dalam BN.

Kini negara memasuki satu lagi ambang pembangunan yang menebar — penswastaan di bidang pendidikan. Kerajaan telah membenarkan universiti-universiti luar negeri membuka

cawangan di negara ini. Ini merupakan satu perkembangan yang sangat-sangat dialu-alukan oleh mereka yang sayangkan kualiti pendidikan.

Ke arah negara mencapai hasrat menjadi negara maju seperti yang dituntut dalam Wawasan 2020, kualiti pendidikan akan menjamin negara boleh mengeluarkan tenaga pekerja mahir dalam segala bidang. Parti-parti dalam BN sudah tentu akan memberi sokongan padu kepada langkah ini, demi masa depan rakyat dan negara.

Masa depan rakyat di negara ini bergantung kepada pertumbuhan ekonomi. Dan pertumbuhan ekonomi pula berkait rapat dengan kestabilan politik

seperti yang diwujudkan oleh BN. Kemakmuran rakyat dan negara pula banyak bergantung kepada kesediaan masing-masing mengurangkan politik yang boleh memecah-belahkan satu dengan lain.

Banyak persamaan yang menjadi kekuatan rakyat negara ini dan persamaan ini harus dipupuk dan dipromosikan ke arah bersama-sama memainkan peranan menajaya Wawasan 2020 untuk menjadi Malaysia sebuah negara maju. Sudah tiba masanya bagi semua kaum melupakan perbezaan masing-masing, sebaliknya membina negara berdasarkan kekuatan yang terdapat melalui persamaan di antara mereka.

# PEMBENTUKAN PERIKATAN, BN EKSPERIMEN YANG BERANI

BARISAN Nasional mewarisi gagasan dan tradisi yang dimulakan oleh Perikatan. Perikatan mulanya terdiri dari UMNO dan MCA. Kemudiannya oleh MIC. Perikatan bermula secara kecil-kecilan sekadar untuk bertanding dalam suatu Pilihanraya Municipal pada tahun 1955 di Kuala Lumpur.

Eksperimen itu hanya terbatas antara UMNO dan MCA Selangor sahaja. Tujuannya juga terbatas kepada Pilihanraya Municipal Kuala Lumpur. Akhirnya Perikatan menang dalam Pilihanraya itu. Kemenangan itu walaupun di peringkat perbandaran Kuala Lumpur namun mempunyai erti dan implikasi politik yang besar. Ia sesungguhnya satu eksperimen yang berani kerana pada masa itu persaingan antara kaum Melayu dan kaum Cina sangat tajam.

Ketika itu Datuk Onn Jaafar telah keluar dari UMNO dan menubuhkan partinya sendiri iaitu Parti IMP. Isu-isu perkauaman boleh dikatakan merupakan isu-isu yang mewarnai corak politik pada masa itu. Tetapi UMNO dan MCA kerana didorong oleh hasrat untuk menang dalam Pilihanraya Municipal itu, secara nekad cuba mengadakan satu ikatan untuk memenangi Pilihanraya itu. Sebenarnya usaha itu merupakan satu eksperimen atau boleh dikatakan sebagai satu gamble atau perjudian. Bagaimana pun eksperimen itu berjaya dan dari situlah mula diusahakan satu Perikatan yang lebih besar antara UMNO dan MCA iaitu di peringkat Nasional.

Pada waktu itu Allahyarham

Tunku Abdul Rahman sudah memulakan usaha-usaha untuk mengugat secara langsung Kerajaan British agar memberikan kemerdekaan kepada Malaya.

Untuk tujuan itu, UMNO memerlukan teman iaitu MCA dan MIC untuk bersemuka dengan Kerajaan Inggeris yang tadinya berusaha untuk tidak akan menyerahkan kemerdekaan Malaya hanya kepada satu kaum sahaja iaitu bangsa Melayu.

Inggeris memang dari mulanya seperti yang terbukti dari Gagasan Perjanjian McMichael berusaha untuk menarik kaum Cina agar sama-sama menikmati taraf pemerintahan sendiri dan kemudiannya Kemerdekaan negara ini. British tidak mahu memberikan kemerdekaan semata-mata kepada orang Melayu. Ia mahu orang Melayu berkongsi kemerdekaan itu dengan orang-orang Cina dan orang-orang keturunan lain di Malaya.

British mempunyai kepentingan kerana sekiranya terjadi sengketa antara orang Melayu dan orang Cina dan kaum-kaum lain di Malaya maka kepentingan ekonomi British akan terjejas. British mahu memberikan kemerdekaan kepada Malaya tetapi dengan syarat kemerdekaan itu tidak merugikan kepentingan ekonomi British.

Untuk memastikan hal ini, British berkehendak UMNO, MCA dan MIC mencari kata sepakat mengenai bentuk dan corak kemerdekaan yang akan diterimanya dari British. Nyata bahawa ikatan itu telah berhasil, dalam erti kata bahawa British telah diyakinkan bahawa kemerdekaan yang akan diberikannya

---

Oleh  
TANSRIA SAMADISMAIL

---

itu akan tetap dapat menjamin keamanan politik dan kestabilan ekonomi Malaya yang merdeka.

Maka formula itu, iaitu formula menjalin satu ikatan antara tiga kaum etnik yang terbesar di Malaya untuk mencapai kemerdekaan dilanjutkan setelah negara mencapai kemerdekaan, UMNO, MCA dan MIC terus mempertahankan kewujudan Perikatan untuk bertanding dalam Pilihanraya Umum selepas merdeka dan Malaya diperintah oleh gabungan tiga parti ini. Malah sebelum merdeka, ketika Tunku memegang jawatan Ketua Menteri, para anggota kabinet

terdiri dari wakil-wakil UMNO, MCA dan MIC.

Boleh juga dikatakan bahawa tradisi berkongsi kuasa antara tiga kaum etnik ini lahir dari tradisi yang dimulakan oleh Inggeris dan dilanjutkan oleh Tunku Abdul Rahman, Tun Tan Cheng Lock dan Tun Sambanthan. Bagaimanapun Perikatan pada peringkat awal hinggalah pada dekad-dekad 60-an telah melalui ujian dan cabaran yang amat getir terutama dalam masalah-masalah pendidikan bahasa dan kebudayaan.

Kemerdekaan tidak bererti bahawa isu-isu seperti bahasa,

pelajaran dan kebudayaan telah diselesaikan. Apa yang dicapai pada 31 Ogos, 1957 itu ialah kemerdekaan politik dari Inggeris sedangkan aspek-aspek lain dari kehidupan rakyat Malaya belum terurus lagi oleh kerajaan atau tegasnya oleh Tunku Abdul Rahman dan Tan Cheng Lock.

Memang betul bahasa Melayu diterima sebagai bahasa kebangsaan dan dasar mengutamakan hak istimewa orang Melayu diakui. Tetapi apa yang menjadi isu-isu yang dipersengketakan pada masa itu ialah pelaksanaan peruntukan-peruntukan ini yang terkandung dalam Perlembagaan.

Adakah misalnya pengiktirafan terhadap Bahasa Kebangsaan bererti bahasa-bahasa kaum lain dipinggirkan?

Adakah umpamanya kaum-kaum lain bisa menghayati kebudayaan dan adat resam masing-masing?

Banyak kesamaran timbul dalam isu-isu tersebut dan ini ialah kerana ketiga-tiga kaum itu belum biasa hidup bersama-sama. Sebelum merdeka kaum Melayu, Cina dan India hidup menurut cara masing-masing. Kerajaan British berupa kerajaan yang melindungi mereka tetapi dalam Malaya merdeka ketiga-tiga kaum yang besar itu terpaksa mencari penyelesaian mereka sendiri dalam soal yang dipersengketakan oleh mereka. Mereka belum belajar bagaimana untuk hidup sebagai rakyat yang merdeka dan berdaulat. Rasa sangsi dan curiga-mencurigai masih tebal antara satu kaum dengan satu kaum lain. Ini semuanya merupakan ujian dan cabaran kepada Perikatan. Malah setelah terbentuk Barisan Nasional juga, masalah-masalah ini terpaksa ditangani oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional.

Tidak selamanya pula hubungan antara UMNO dan MCA



● MAHATHIR menemui rakyat di Sarawak.



● **KEBERSIHAN BANDAR...** Mahatir prihatin dan turut serta dalam kempen kebersihan Bandaraya Kuala Lumpur.

begitu tegang dan keutuhan ikatan itu terancam. Tetapi segala ujian dan cabaran itu dapat diatasi kerana pemimpin-pemimpin Perikatan dan setelah itu pemimpin-pemimpin Barisan Nasional menyedari bahawa masa depan negara terletak pada keharmonian hidup kaum-kaum di negara ini. Sekiranya ikatan parti-parti politik yang mewakili tiga kaum terbesar itu iaitu UMNO, MCA dan MIC pecah atau hancur kesannya kepada keharmonian hidup ketiga-tiga kaum itu amat buruk.

Walaupun setengah-setengah pihak terutama pembangkang pada masa itu mencemooh bahawa MCA adalah parti *Tauke Cina* dan UMNO parti orang bangsawan tetapi tidak demikian hakikat sebenarnya. UMNO pada tanggapan rakyat adalah sebuah parti yang mewakili kepentingan orang-orang Melayu demikian juga MCA. Walaupun dikatakan ia dipimpin oleh hartawan-harta-

wan Cina namun pada tanggapan orang Melayu, umpamanya, MCA adalah mewakili kepentingan dan hasrat kaum Cina.

Di sebalik ini ialah faktor yang amat penting iaitu faktor ekonomi. Malaysia beruntung kerana dari sejak merdeka rakyat menikmati tahap hidup yang tinggi. Dari sejak merdeka lagi kerajaan Perikatan melancarkan program membangun rakyat luar bandar. Infrastruktur untuk mempertingkatkan hidup rakyat desa di bangun di merata pelusok negara. Satu dasar dilancar khusus ditujukan untuk meningkatkan kehidupan rakyat luar bandar dalam bidang ekonomi, sosial, pendidikan dan kebudayaan. Hasil dan kesan dari dasar ini membatasi dan mengurangi punca-punca pergeseran dan ketegangan sosial.

Kita perlu ingat bahawa dari tahun 1957 hingga kepada beberapa dekad sesudah itu, Kerajaan Malaya dan Malaysia ter-

paksa menghadapi, pertama, keganasan komunis dan ke-duanya konfrantasi Sukarno.

Walaupun ada waktu-waktunya berlaku ketegangan dalam hubungan kaum tetapi secara keseluruhannya ketegangan itu dapat dikendalikan. Hanya pada 13 Mei, 1969 ketegangan itu tidak dapat dibendung hingga mencetuskan huru-hara. Bagaimanapun peristiwa itu tidaklah membawa kepada malapetaka yang besar. Negara kemudiannya pulih kepada keadaan sediakala dan sistem demokrasi juga kembali terpelihara.

Barisan Nasional sebagai satu gabungan parti-parti yang mewakili kaum masing-masing dan menganut aliran sendiri sebenarnya mempunyai pengalaman yang matang mengenai cara-cara dan kaedah-kaedah untuk menadbirkan negara secara gotong-royong antara tiga kaum terbesar di negara ini. Belum ada parti lain yang mempunyai pengala-

man seperti itu. Pengalaman Barisan Nasional bermula dari Pilihanraya Municipal dahulu di Kuala Lumpur sebelum merdeka hingga sekarang.

Satu hal yang nyata yang merupakan satu hakikat sekarang ialah bahawa kejayaan Barisan Nasional dari sejak zaman Perikatan dahulu hinggalah sekarang ialah terbina atas kestabilan politik dan kedinamisan pertumbuhan ekonomi negara. Ini merupakan dua prasyarat pembangunan dan kemajuan negara kita dari dahulu hingga sekarang iaitu amat penting kita mempertahankan kestabilan politik dan pembangunan ekonomi. Tanpa keduanya, kita tidak akan mampu memelihara kesejahteraan negara dan kemakmuran hidup rakyat.

Peristiwa 13 Mei, 1969 itu mengajar rakyat khususnya pemimpin-pemimpin tiap kaum bahawa dalam memperjuangkan kepentingan kaum masing-masing mereka harus bertolak ansur. Kalau mereka keras kepala dan berke-

pala batu hanya menegakkan kepentingan kaumnya sendiri tanpa mengira kepentingan kaum-kaum lain, akhirnya akan terjadi peristiwa seperti yang berlaku pada 13 Mei, 1969 itu. Inilah pelajaran yang didapati dari peristiwa tersebut bahawa tiap kaum harus saling hormat-menghormati kepentingan yang lain bahawa tiap kaum jangan membangkitkan isu-isu yang sensitif yang mungkin melukakan hati kaum lain.

Kita mencipta Rukun Negara selepas peristiwa Mei 13, 1969. Rukun Negara menjadi piagam hidup rakyat Malaysia. Apakah isu paling penting yang kita hadapi ialah supaya kita mewujudkan satu barisan pembangkang yang boleh berperanan sebagai tenaga membatasi kuasa mutlak kerajaan Barisan Nasional?

Barisan Gagasan Rakyat dalam Pilihanraya tahun 1990 dahulu bercita-cita menafikan majoriti dua per tiga kepada Barisan Nasional. Barisan Gagasan Rakyat berhasrat sekalipun ia tidak me-

merintah tetapi kalau Barisan Nasional memerintah maka kerajaan Barisan Nasional harus merupakan minoriti iaitu sebuah kerajaan yang tidak mampu kelak memerintah secara tegas kerana akan selalu dilanda krisis dalaman seperti apa yang berlaku di Itali dan di negara-negara Eropah yang lain.

Apakah isu seperti ini yang menjadi isu penting untuk para pengundi dalam Pilihanraya akan datang? Untuk orang-orang Melayu dan Islam, adakah isu hukum hudud paling penting? Adakah masyarakat Islam di Malaysia berhasrat untuk negara ini diperintah atas asas hukum hudud? Atau adakah rakyat Islam negara ini merasa puas dengan cara kerajaan Barisan Nasional melaksanakan program-program Islamisasinya secara beransur-ansur secara peringkat demi peringkat agar tidak menjejaskan keharmonian hidup dalam masyarakat majmuk kita? Adakah generasi muda kita akan merupakan pengundi yang besar



● MENENJAU pembangunan Wilayah Persekutuan Labuan.



● MAHATHIR bersama Aishah Ghani semasa melancarkan buku *Memoir Seorang Pejuang*.

jumlahnya nanti? Adakah mereka merasa puas dengan program-program, dasar-dasar, pendekatan dan gagasan kerajaan Barisan Nasional selama ini untuk menampung dan memenuhi aspirasi generasi muda? Adakah tanggapan pada generasi muda bahawa kerajaan Barisan Nasional selama ini amat peka dan prihatin kepada masalah-masalah mereka? Adakah para pengundi umumnya merasa puas hati dengan cara Barisan Nasional menguruskan kehidupan mereka?

Tetapi apakah alternatif-alternatif kepada Barisan Nasional?

Adakah Gagasan Rakyat atau Barisan Perpaduan Ummah di Kelantan berkemampuan mencapai prestasi politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan seperti yang dicapai oleh Barisan Nasional?

Pengundi-pengundi umumnya sekurang-kurangnya tahu bahawa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, begitu

kuat tekadnya untuk membawa rakyat dan negara ke arah Wawasan 2020. Kadar pertumbuhan ekonomi negara begitu tinggi sekarang dan dijamin akan tetap dipertahankan pada kadar itu pada tahun-tahun akan datang. Pembangunan ekonomi begitu pesat hingga boleh dikatakan dalam negara ini tidak ada masalah pengangguran. Kadar kemiskinan juga berkurang. Program memberikan rumah murah dan rumah harga sederhana kepada rakyat merupakan program yang begitu penting kepada kerajaan untuk beberapa tahun akan datang. Dalam bidang pendidikan, Malaysia bercita-cita untuk menjadi pusat pendidikan di rantau ini. Kita memerlukan begitu ramai sekali golongan profesional di tiap bidang teknologi dan sains.

Malaysia kini berada di ambang Abad Ke-21. Kira-kira lima tahun lagi kita memasuki Abad Ke-21, satu abad yang menjanjikan harapan yang besar untuk

kita tetapi juga menjadi cabaran yang getir untuk kita. Malaysia sekarang terlontar di tengah-tengah perkembangan dunia yang begitu pesat. Tidak sahaja Malaysia, tetapi rantau Asean dan kawasan Pasifik bakal menjadi pusat-pusat pertumbuhan ekonomi yang pesat sekali.

Asia Timur, termasuk negara China, Taiwan, Korea Selatan, Jepun bakal menjadi jentera pertumbuhan ekonomi yang dinamis sekali dalam dekad-dekad akan datang. Kita setengah-setengah para penganalisa, abad akan datang akan merupakan abad Asia kerana di sinilah nanti pertumbuhan ekonomi dunia paling pesat sekali.

Untuk menghadapi cabaran ini, kita memerlukan kerajaan dan kepimpinan negara yang berkemampuan menangani masalah-masalah yang akan kita hadapi nanti. Apa yang berlaku sekarang akan mempengaruhi perkembangan dekad-dekad akan datang.

# PERPADUAN DAN KESTABILAN AGENDA BN ERA MAHATHIR

PINTU Barisan Nasional sentiasa terbuka kepada mereka yang sudi. BN ialah satu organisasi yang mengembleng seberapa banyak tenaga dan kepentingan politik di negara ini.

Perjuangannya mempunyai prinsip-prinsip tertentu. Sesiapa yang sudi menerima prinsip itu, dia bolehlah menyertai BN.

Kata-kata ini diucapkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika mengambil alih pucuk pimpinan negara dan Barisan Nasional.

Meskipun kenyataan itu dibuat 14 tahun lalu, ia tetap relevan dengan perkembangan masa kini.

Kenyataan itu dibuat ketika BN sedang membuat persiapan menghadapi pilihanraya umum dan kini jentera parti telahpun digerakkan di setiap pelusuk negara untuk menghadapi pilihanraya umum pada bila-bila masa.

Kemasukan parti-parti serpihan Parti Bersatu Sabah (PBS) ke pangkuan BN ekoran robohnya kerajaan PBS di Sabah baru-baru ini, jelas membuktikan bahawa BN di bawah pimpinan Dr. Mahathir mengamalkan dasar yang konsisten.

Kata Dr. Mahathir BN memberi peluang kepada setiap parti politik, menyertai kerajaan asalkan ia menerima prinsip perjuangan BN. Beliau tidak mahu mana-mana pihak merasa kecewa atau tertinggal.

Beliau meletakkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) ketika itu sebagai teras perjuangan politik untuk memastikan keseimbangan pembangunan ekonomi dengan kestabilan politik.

Kesederhanaan menjadi asas amalan. Perpaduan dan integrasi nasional telah dijadikan agenda utama. Satu zon waktu diperkenalkan untuk merapatkan jurang perbezaan di antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak.

Meskipun Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung dipisahkan oleh Laut Cina Selatan, layanan kepada kedua-dua negeri itu tetap sama seperti negeri-negeri lain di Semenanjung.

Secara tegas beliau berkata Sabah dan Sarawak tidak harus mengambil sikap bahawa terdapat hubungan istimewa antara mereka dengan Kerajaan Persekutuan kerana kedua-duanya mempunyai taraf yang sama dengan negeri-negeri lain.

Katanya lebih cepat penduduk di Sabah dan Sarawak berfikir sebagai rakyat Malaysia dan bukan sebagai rakyat Sabah atau rakyat Sarawak, lebih cepatlah proses integrasi nasional.

Perdana Menteri memilih tema "Kerajaan yang Bersih, Cekap dan Beramanah" bagi manifesto BN bagi menghadapi Pilihanraya Umum pertama dibawah kepimpinannya. Sebelum itu beliau telah mengarahkan semua Menteri, Timbalan Menteri, Menteri-menteri Besar dan Ketua Menteri untuk mengisytiharkan hari masing-masing kepada beliau.

Kepimpinan Melalui Teladan, Kad Perakam Waktu, Persyarikatan Malaysia, Dasar Pandang ke Timur dan Penerapan Nilai-nilai Islam adalah di antara dasar diperkenalkan bagi memperkemas dan meningkatkan kecekapan jentera kerajaan untuk membawa negara ke arah mencapai impian menjadi sebuah

---

Oleh  
**ZAINOOR SULAIMAN**

---

negara maju yang disegani.

Demi perpaduan nasional dan kesatuan ummah, Dr. Mahathir mengundang PAS menyertai semula BN tetapi PAS menjawab itu pelawaan itu dengan meletakkan calon menentang Perdana Menteri di Kubang Pasu pada Pilihanraya Umum, 22 April, 1982.

Beliau mengenang kembali keadaan "aman dan damai" yang wujud sesama umat Islam semasa PAS berada dalam BN pada tahun 1973-74.

Menurut beliau tujuan mengadakan Pilihanraya Umum lebih awal dari jadual iaitu untuk mendapatkan mandat rakyat supaya beliau dapat menumpukan perhatian terhadap rancangan pembangunan negara yang beliau gariskan.

Meskipun BN memenangi 27 kerusi - 12 Parlimen dan 15 Dewan Undangan Negeri - pada hari penamaan calon beliau menasihati jentera parti supaya

jangan "mabuk" atau bersenang-senang dengan kemenangan itu bagi memastikan kejayaan cemerlang pada hari pengundian nanti.

BN mencapai kemenangan mutlak dalam Pilihanraya itu. Dengan mandat baru Dr. Mahathir memimpin kerajaan dengan dasar yang liberal dan terbuka.

Siapa sahaja boleh menegur kerajaan termasuk anggota-anggota komponen BN selaras dengan kedudukannya sebagai parti yang benar-benar mewakili semua kaum.

Semangat keterbukaan yang ditekankan oleh Dr. Mahathir telah merapatkan lagi barisan dan persefahaman di kalangan anggota-anggota parti komponen BN.

Menjelang Pilihanraya Umum 1986, isu perpaduan terus ditekankan. Perdana Menteri mengajak rakyat menolak calon yang mewakili kelompok dan

unsur yang mahu menghancurkan kestabilan politik negara dengan menggugatkan keharmonian kaum.

Seruan Dr. Mahathir mendapat sambutan rakyat apabila BN sekali lagi kembali berkuasa dengan majoriti dua pertiga.

Beliau gembira dan berpuas hati kerana azam pembangkang DAP untuk merampas kuasa di Pulau Pinang hanya tinggal impian meskipun prestasi Gerakan dan MCA agak merosot.

BN memenangi 148 kerusi di Parlimen dengan DAP 24, Bebas 4, manakala PAS hanya mampu mengekalkan seorang wakil sahaja di Dewan Rakyat.

Kemenangan itu mencerminkan hakikat bahawa rakyat mahu kestabilan politik dan keharmonian kaum terus kekal di negara ini. Krisis dalam UMNO ekoran perletakan jawatan Datuk Musa Hitam dan kemelesetan ekonomi dunia tidak menjejaskan sokongan padu rakyat



● MENINJAU projek pembiakan ulat sutera di Terengganu.



● MAHATHIR di salah satu tempat pembuangan undi kawasan pilihanrayanya, di Kubang Pasu, Kedah.

terhadap kerajaan BN pimpinan Dr. Mahathir.

Kabinet BN yang dibentuk selepas itu memberi penekanan terhadap pemulihan ekonomi dengan perhatian khusus diberikan untuk menangani masalah pengangguran dan pelaburan.

Kelantangan Dr. Mahathir mengecam pembangkang yang meniupkan semangat perkauman berhubung isu DEB dan hak istimewa orang Melayu mendapat sokongan anggota-anggota komponen BN.

Mereka sependapat bahawa matlamat DEB perlu diteruskan selepas tahun 1990.

Perdana Menteri melantik timbalannya Ghafar Baba mengetuai sebuah Jawatankuasa peringkat tinggi untuk mengkaji pelaksanaan DEB dan mencari jalan bagi memastikan pencapaian matlamatnya.

Sebuah Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MAPEN) ke-

mudiannya ditubuhkan untuk menggubal dasar ekonomi negara selepas tahun 1990. MAPEN yang diwakili oleh semua golongan profesional dan parti politik memperakukan bahawa intipati dan falsafah DEB dikekalkan dalam dasar ekonomi negara selepas 1990.

Meskipun kedudukan dalam UMNO tergugat apabila bekas Menteri Kewangan Tengku Razaleigh Hamzah mengetuai sekumpulan pemimpin UMNO mencabar kepimpinannya dalam pemilihan parti pada tahun 1987 hingga mengakibatkan pendaftaran UMNO dibatalkan, ketokohan dan kepimpinan Dr. Mahathir dalam BN tidak terjejas.

Pemimpin parti-parti komponen BN terus memberikan sokongan padu kepada beliau supaya terus memimpin BN sehingga UMNO didaftarkan semula.

Oleh itu tidaklah menghairankan apabila pakatan pembangkang yang diketuai oleh Parti Semangat 46 pimpinan

Tengku Razaleigh gagal menumbangkan kerajaan Pusat dalam Pilihanraya Umum yang lalu.

Bagaimanapun, dapat dilihat bahawa S-46 membantu PAS berkuasa semula di Kelantan. Bagi DAP hasrat untuk menguasai Pulau Pinang hanya menjadi impian.

Kini jentera pilihanraya BN sudah bergerak ke seluruh negara sebagai persiapan menghadapi pilihanraya umum pada bila-bila masa.

Dengan tumbangnyanya Kerajaan PBS di Sabah, tumpuan BN ialah di Kelantan dan Pulau Pinang. Mampukah BN mengembleng jenteranya untuk merebut kembali Kelantan? Sekuat manakah benteng pertahanan BN di Pulau Pinang untuk menghadapi serangan DAP dengan projek Tanjung Tiganaya?

Segala-galanya bergantung kepada usaha dan kegigihan para petugas pilihanraya BN dan keazaman parti-parti komponennya.

# BARISAN NASIONAL: APA KATA TOKOH-TOKOH POLITIK VETERAN

KONSEP Barisan Nasional pernah dijuluki sesetengah pengamat politik Barat sebagai "marriage of convenience" iaitu persatuan yang semata-mata diasaskan pada keinginan untuk melindungi kepentingan sendiri.

Ditanya mengenai anggapan para pemerhati Barat itu beberapa orang tokoh politik veteran tanahair, yang pernah melalui zaman perjuangan kemerdekaan hingga sekarang, menyifatkan andaian itu terlalu cetek.

Jolokan yang bersifat cemburuan itu mungkin ada kebenarannya kerana, dalam negara yang masyarakatnya berbilang kaum dan agama seperti Malay-

sia, kepentingan satu kaum mungkin bercanggah dengan kaum lain sehingga dapat menimbulkan pergeseran dan sengketa, kata tokoh politik veteran yang tak asing lagi, Tan Sri S.O.K. Ubaidulla.

Yang tidak difahami oleh para pergerakan politik Barat itu ialah hakikat bahawa berbeza dengan masyarakat berbilang kaum di negara-negara mereka, rakyat Malaysia tahu membezakan sejauh mana kepentingan golongan mereka dapat dipertahankan TANPA menjejaskan kepentingan kaum lain.

Tan Sri Ubaidulla menyifatkan Konsep BN sebagai wadah yang

---

Oleh  
**MUHAMMAD RIDWAN**

---



● DETIK kemenangan... Mahathir dijulung sebaik sahaja Barisan Nasional memenangi lebih dua pertiga majoriti dalam Pilihanraya Umum 1990.



● BERTANYA KJIABAR... Mahathir menziarahi mangsa banjir di Terengganu, Disember 1983.

perlu, sesuai dan menepati kehendak rakyat Malaysia zaman ini.

Katanya, Malaysia bertuah kerana mempunyai pemimpin-pemimpin yang bukan sahaja jujur, ikhlas, bijak dan berpandangan jauh ke hadapan sejak di peringkat awal kemerdekaan, tetapi yang lebih penting lagi, para pemimpin kita mampu menilai dan memahami kehendak dan aspirasi berbagai kaum.

"Pemimpin yang bijaksana tahu bila rakyat akan mengikut kehendaknya dan bila pula ia sendiri harus mengikut kehendak rakyat".

Beliau memberi contoh bagaimana Allahyarham Datuk Onn Jaafar, seorang pemimpin yang disanjung rakyat, berpendidikan dan berhemah tinggi, berani, petah bercakap dan memiliki semua kualiti yang perlu bagi seorang pemimpin akhirnya gagal kerana tidak mengikut

kehendak rakyat.

Tan Sri Ubaidulla berpendapat, Malaysia dengan ciri-ciri masyarakatnya yang berbilang kaum, agama dan budaya belum siap menerima satu wadah parti politik yang mewakili semua kaum.

"Allahyarham Tuanku Abdul Rahman menyedari hakikat itu dan berjaya menyakinkan para pemimpin kaum-kaum lain untuk bekerjasama dalam satu Perikatan".

"Inilah asas Barisan Nasional, yang diteruskan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad".

Pemimpin dan tokoh Islam veteran itu juga yakin bahawa kekuatan BN terletak pada kemampuan dan kesediaannya untuk menampung aspirasi, harapan dan kepentingan semua golongan masyarakat yang menjadi rakyat Malaysia.

"BN telah melalui banyak rintangan dan ujian berat, termasuk isu-isu yang bersifat perkauman dan emosi dan berjaya menyelesaikannya dengan semangat tolak-ansur.

"Ini merupakan satu ciri khas yang unik bagi Malaysia. Mungkin dalam 10, 20 atau 30 tahun lagi, rakyat Malaysia yang semakin maju dan matang akan dapat menerima parti politik berbilang kaum, seperti kata Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad baru-baru ini, tetapi untuk sekarang BN lah yang paling sesuai bagi Malaysia" katanya.

Tan Sri Ubaidulla menegaskan bahawa kejayaan BN membawa Malaysia ke tahap kemajuan tidak lagi dipertikaikan oleh sesiapa pun.

"Saya melihat ini sebagai kejayaan UMNO khususnya dan masyarakat Melayu umumnya. Orang Melayu memiliki sifat semulajadi untuk bertolak-ansur,

menghormati hak orang lain dan mahu berkongsi untuk kemajuan bersama.

Sifat inilah yang dinilai tinggi oleh rakyat bukan-Melayu dan menyakinkan mereka bahawa hak mereka sebagai warganegara Malaysia terjamin", katanya.

Beliau juga berpendapat bahawa Malaysia kini telah menjadi satu kekuatan ekonomi yang cukup teguh.

"Selama kejayaan ini dapat dikekalkan dan terus dimajukan, persatuan di kalangan rakyatnya akan terus bertambah teguh dibawah pemerintahan BN", tambahnya.

Ramai lagi tokoh lama BN yang sependapat bahawa kesinambungan pimpinan, rancangan pembangunan dan matlamat perjuangan negara adalah modal utama yang memungkinkannya Malaysia terus mencapai kemajuan yang membanggakan.

Seorang daripada mereka, yang berasal dari satu-satunya

negeri yang kini di perintah parti pembangkang, Tengku Tan Sri Ahmad Rithauddeen bin Tengku Ismail, yakin bahawa cara pemerintahan model BN merupakan konsep yang terbaik bagi Malaysia.

"Ramai pemerhati politik di luar Malaysia meragukan kemampuan Kerajaan yang kekuatannya bersandar pada parti-parti perkauman dan golongan seperti BN".

Saya mendengar sejak di bangku sekolah lagi bahawa usaha menyatu-padukan rakyat berbilang kaum sangat sukar dilakukan jika masing-masing kaum bernaung di bawah parti politik tersendiri.

"Namun, seperti yang telah kita buktikan, konsep ini berjalan lancar dan membawa kemajuan di Malaysia", kata Tengku Rithauddeen".

Beliau juga yakin konsep BN kini telah diterima secara meluas oleh rakyat Malaysia.

"Dengan UMNO sebagai tulang-belakangnya, saya percaya BN akan terus menjadi kekuatan politik yang membawa kemajuan di Malaysia", beliau menambah.

Tengku Rithauddeen juga sependapat bahawa kesinambungan dalam pimpinan dan cita-cita negara, walaupun dengan gaya dan stail yang berbeza antara satu dan lain Perdana Menteri, telah mewujudkan tiga syarat penting yang mutlak diperlukan untuk kemajuan sesuatu negara, iaitu kemajuan ekonomi, kestabilan politik dan keselamatan.

Beliau, bagaimanapun, mengingatkan bahawa yang lebih penting daripada kemajuan ekonomi yang pesat adalah pemerataannya supaya dapat dinikmati oleh seluruh rakyat.

Tengku Rithauddeen, yang rekod perkhidmatannya termasuk sebagai penasihat jawatan Menteri Luar Negeri yang paling lama di Malaysia (1975-1981),



● MAHATHIR di kawasan pilihanrayanya.

melihat dengan penuh perasaan bangga kedudukan Malaysia dalam masyarakat antarabangsa.

"Malaysia kini dikenali dan dihormati. Adalah wajar dan perlu bagi Malaysia, walaupun kita sebuah negara kecil, untuk memainkan peranan yang cergas dan penting dalam hal ehwal antarabangsa.

"Dunia kini semakin kecil. Apa yang berlaku di Tokyo atau ibukota-ibukota lain, sedikit-banyaknya turut menjejaskan kepentingan Malaysia", katanya.

Tengku Rithauddeen yang pertama kalinya terjun ke bidang politik-politik kebangsaan dengan memenangi kerusi Parlimen kawasan Kota Baru Ilir dalam tahun 1969 dan terus berjaya dalam empat pilihan raya selepas itu sehingga tahun 1986, juga pernah menyandang jawatan Menteri Penerangan Dengan Tugas-Tugas Khas dan Menteri Perdagangan dan Industri.

Beliau yakin Kerajaan BN sekarang menempuh jalan yang betul dalam usahanya untuk meluaskan perdagangan dan pemasaran barang-barang keluaran Malaysia, disamping membina hubungan kerjasama yang erat dengan negara-negara membangun.

Beliau menyambut baik galakan yang diberi kerajaan kepada sektor swasta untuk meluaskan kegiatan mereka ke luar negeri. "Kini semakin ramai pengusaha Malaysia yang menyertai pembangunan dan kegiatan ekonomi negara-negara lain dan ini merupakan satu kemajuan penting.

Tengku Rithauddeen juga berharap para pengusaha Malaysia tidak hanya memikirkan keuntungan dalam kegiatan mereka di luar negeri, terutama sekali di negara-negara jiran yang miskin dan masih jauh tertinggal dalam pembangunan,

seperti Vietnam.

"Kita mesti ingat bahawa jiran yang miskin dapat menimbulkan bahaya kepada negara-negara yang lebih makmur", katanya.

Seorang lagi tokoh awal BN yang masih giat dalam pemerintahan sekarang, Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud, juga sependapat bahawa Konsep BN sesuai dan membawa kejayaan bagi Malaysia.

"Cara pemerintahan penjajah yang menonjolkan perbezaan kaum supaya senang di 'pecah dan perintah' memang tidak mudah dihapuskan dan ini menyukarkan kita untuk mencapai konsensus politik," katanya.

Tan Sri Taib Mahmud berpendapat, kesedaran terhadap keadaan itulah yang membuat pemimpin-pemimpin awal seperti Allahyarham Tengku Abdul Rahman, Tan Cheng Lock dan Tun Sambanthan memilih cara penyatuan perjuangan melalui parti-parti yang mewakili kepentingan kaum dalam wadah Perikatan.

Beliau berpendapat, kelebihan dan kekuatan BN terletak pada kemampuannya bertolak-ansur dalam menampung hasrat dan aspirasi berbagai kaum untuk dijadikan matlamat perjuangan bersama.

Masalah yang dihadapi BN, menurut Tan Sri Taib Mahmud, adalah wujudnya parti-parti yang



● BERHATI-HATI ketika mengundi.



# KERJASAMA WANITA BARISAN NASIONAL TANPA IKATAN RASMI

SETIAP kali Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) mengadakan mesyuarat, kebiasaannya semua anggota komponen menghantar tiga wakil.

Begitu juga mesyuarat terbaru yang diadakan pada 25 Februari, lepas. Kesemua 14 anggota komponen diwakili presiden masing-masing, yang turut membawa timbalan, naib atau setiausaha agung partinya.

Jadi, apa masalahnya? Memang tidak ada masalah jika dilihat sekali lalu. Tetapi jika diamat-ami akan terlihat juga kejanggalannya kerana mesyuarat itu tidak dihadiri oleh seorangpun pemimpin wanita.

Adakah ini bermakna pemimpin wanita yang ada dalam semua parti komponen BN tidak

layak untuk sama-sama dibawa berbincang apabila perlu? Keadaan yang berlaku itu tidak ada kena mengena dengan soal sama ada ketua-ketua pergerakan wanita parti komponen layak atau tidak tetapi kerana tidak seorangpun daripada mereka menjadi presiden, timbalan, naib atau setiausaha agung parti induk masing-masing.

Walaupun ketiadaan seorangpun pemimpin wanita itu memang tidak menjejaskan sumbangan mereka kepada BN secara keseluruhannya, tetapi ia sedikit sebanyak menimbulkan tandatanya di kalangan anggota biasa pergerakan wanita sampai bilakah keadaan itu akan berterusan.

Ini kerana kemungkinan pemimpin wanita dipilih mem-

---

Oleh  
**JULIANA OMAR**

---



● TAHNIAH Mahathir kepada Ketua Menteri Pulau Pinang, Dr. Koh Tsu Koon setelah Barisan Nasional menang dalam pilihanraya kecil Kawasan Prai.





● BERSAMA Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew.

nunjukkan kematangan bertindak.

Kematangan itu amat penting kerana sebagai badan yang bergerak tanpa sebarang peraturan khusus, mereka terpaksa menjalankan semua aktiviti di atas dasar percaya mempercayai sesama sendiri tanpa mempunyai kepimpinan yang di pilih.

Bagaimanapun, berasaskan BN yang dipimpin oleh Presiden UMNO, Wanita BN juga menerima pakai kaedah itu dengan mengiktiraf Ketua Wanita UMNO, Datuk Seri Rafidah Aziz sebagai pengerusi.

Secara tidak langsung juga keupayaan Wanita BN mengadakan kerjasama membabitkan pelbagai parti komponen membuktikan bahawa mereka mampu mempertingkatkan perpaduan di antara kaum melalui interaksi harian.

Kedaaan ini membolehkan mereka mengadakan kerjasama yang lebih luas lagi seperti

dalam kegiatan sosial dan ekononi dan tidak hanya tertumpu kepada bidang politik.

Sebagai contoh, pada 10 Julai, lepas Wanita BN melancarkan Kempen Keluarga Penyayang yang dilakukan oleh Rafidah, yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Kempen selama setahun di seluruh negara itu bertujuan meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai masalah gadis lari dari rumah yang boleh membawa kepada pelbagai masalah sosial lain seperti pelacuran.

Di samping itu, Wanita BN juga merancang pelbagai aktiviti yang memberi tumpuan kepada isu-isu kemasyarakatan secara berkala membabitkan semua parti komponen bagi mendekati masyarakat dan menyampaikan mesej-mesej positif sebagai usaha mewujudkan pembangunan seimbang.

Semua ini dilakukan di dalam

kesibukan pergerakan itu menyusun strategi, mengenal pasti masalah dan mengemaskan jentera sebagai menghadapi pilihanraya umum akan datang.

Dalam memastikan hak wanita dan golongan yang tertindas tidak diabaikan, Wanita BN juga terbabit secara langsung memperjuangkan Akta Keganasan Rumah tangga 1994 yang dicadangkan sejak 1987.

Selain daripada mampu mempertingkatkan kerjasama di antara parti-parti komponen yang terlibat, kewujudan Wanita BN juga bertindak sebagai contoh kepada pergerakan wanita parti-parti tertentu yang kurang aktif.

Seperti kata Setiausaha Pergerakan Wanita MIC, Puan Jaya Partiban, mereka banyak belajar daripada kejayaan UMNO dan MCA dalam mengendalikan pelbagai kegiatan.

Bagaimanapun, sebenarnya semangat saling bantu mem-



● BERISTIREHAT di Victoria Falls selepas menghadiri sidang CHOGM di Zimbabwe.

bantu ini sudah wujud sebelum BN ditubuhkan iaitu semasa UMNO dan MCA berada di bawah Parti Perikatan.

Wanita UMNO ketika itu diketuai oleh Tan Sri Dr. Fatimah Hashim manakala Wanita MCA pula oleh Datin Paduka Rosemary Chong.

Ketika ditemui di kediamannya di sini baru-baru ini Chong menganggap sumbangan terbesar Wanita BN kepada badan gabungan itu ialah bantuan tanpa mengenal penat lelah yang diberikan kepada calon-calon BN pada setiap pilihanraya.

Walaupun kerjasama diantara sayap wanita parti-parti komponen BN sehingga kini mampu bertahan, tetapi ramai yang berpendapat bahawa hubungan itu dapat dipertingkatkan lagi sekiranya mereka dapat bergerak secara rasmi.

Untuk tujuan itu, perlembagaan BN perlu dipinda bagi menyediakan peruntukan penubuhan sayap Wanita dan Pemuda supaya semua kegiatan

dapat diatur dengan lebih berkesan dan bukan secara ad-hoc.

Ini kerana setiap gabungan memerlukan peraturannya tersendiri bagi mengawal (govern) pergerakannya serta memastikan soal disiplin sentiasa diberi perhatian.

"Lebih banyak lagi perlu dilakukan. Sekurang-kurangnya kami telah memulakan usaha dengan sebaik mungkin tetapi tanpa peruntukan rasmi, saya fikir segala usaha tidak mungkin dapat dijalankan secara bertelusur," kata Puan Partiban.

Perkara itu dipersetujui oleh Chong, yang berkata masalah itu pernah dikemukakan kepada Majlis Tertinggi (MT) BN pada lewat tahun 70'an dan awal 80'an bagi mendapatkan pengiktirafan tetapi masih tidak berhasil sehingga hari ini.

Pengiktirafan itu juga akan membolehkan Pergerakan Wanita diwakili pada peringkat MT, yang kini dianggotai hanya oleh presiden parti induk serta timbalannya dan dengan itu tidak

mempunyai seorangpun wakil wanita.

Pergerakan Wanita BN hanya menubuhkan sebuah jawatankuasa penyelarasan di kalangan anggota pelbagai komponen pada April 1985 pada persidangan yang ketiga di Kota Kinabalu.

Ini diikuti dengan penubuhan Majlis Wanita BN pada 1986 sedangkan pemimpin-pemimpin wanita telah bersetuju membentuk sebuah jawatankuasa kerja Wanita BN pada Januari 1975.

Enam bulan selepas itu Setiausaha Agung BN Encik Ghafar Baba berkata beliau akan mengemukakan cadangan Aishah kepada MT BN supaya perlembagaan gabungan iaitu dipinda bagi membolehkan sayap wanita BN ditubuhkan.

Tetapi apakah perlunya diadakan sayap yang berasingan bagi wanita sedang BN itu sendiri memperjuangkan hak-hak semua peringkat masyarakat tidak mengira kaum atau jantina?

Rata-rata mereka berpendapat bahawa sumbangan wanita dalam bidang politik selama ini masih dipandang ringan walaupun keanggotaan mereka dalam sesetengah parti ada kalanya sama banyak atau lebih besar daripada lelaki.

Apa yang berlaku sekarang ialah sumbangan mereka hanya dianggap serius semasa undi dan tenaga mereka diperlukan semasa pemilihan parti atau pilihanraya.

"Saya berpendapat kita perlu mempunyai satu badan khusus bagi wanita dalam apa juga bidang kerana hanya dengan cara itu sahaja sumbangan mereka akan diiktiraf dan diberi perhatian sewajarnya," kata Partiban.

Tahun ini genap 20 tahun BN diwujudkan. Mungkinkah harapan itu akan menjadi kenyataan?

# BARISAN NASIONAL TONJOLKAN IMEJ MALAYSIA DI MATA DUNIA

KEJAYAAN sesebuah negara lazimnya diukur pada prestasi ekonominya serta kemakmuran dan taraf hidup rakyatnya. Dari segi ini, Malaysia dapat berbangga kerana mencatat pertumbuhan ekonominya pada kadar 8.8 peratus dalam lima tahun lepas, jauh mengatasi pertumbuhan tiga peratus negara-negara perindustrian utama dunia.

Bagaimanapun, kejayaan Malaysia tidak menjurus kepada prestasi ekonomi saja malahan mencakupi politik antarabangsa. Sekalipun masih dikategorikan sebagai negara membangun, Malaysia mampu mencetuskan imek yang cukup ketara di Bangsa-bangsa Bersatu.

Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM), Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Kommanwel.

Peranan Malaysia yang begitu menonjol di badan-badan dunia

menyebabkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad digelar sebagai "Wira Dunia Ketiga".

Tindakan Malaysia menentang dan menganggap sebagai tidak adil perbuatan negara-negara Barat mengaitkan soal hak asasi manusia dengan bantuan pembangunan mendatangkan kesan positif.

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Bangsa-bangsa Bersatu baru-baru ini melantik seorang anak watan Malaysia yang juga bekas Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Musa Hitam sebagai pengurusinya.

Di PBB, Malaysia sering bersuara lantang menentang sebarang ketidakadilan dan penyelewengan.

Contoh yang paling jelas dan masih hangat diperdebatkan ialah penentangan negara terhadap ketidakadilan malah peng-

Oleh

ABDUL RAHMAN SAADON



● MAHATHIR di Majlis Raja-raja. Nasihat Perdana Menteri harus diterima dalam Sistem Raja Berperlembagaan.



● BERUCAP mengalu-alukan kunjungan rasmi Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong di majlis jamuan makan malam.

aniayaan puak Serbs yang layak dipanggil pengganas, ke atas ribuan penduduk Islam Bosnia di bekas Republik Yugoslavia.

Penentangan Malaysia ini mencelikkkan mata para pemimpin Barat yang selama ini dilamun angan-angan dan sangkaan kononnya negara-negara membangun dan kecil boleh diperkotak-katikan.

Dalam pergolakan terbaru di Bosnia, Dr Mahathir berkata pasukan tentera Malaysia akan terus berada di Bosnia demi menegakkan keamanan sekali pun ditinggalkan bersendirian.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Malaysia sedia menganggotai Pasukan Petugas Bersatu (Unified Task Force) di Bosnia-Herzegovina walaupun dengan perbelanjaan sendiri sekiranya Pasukan Pelindung Bangsa-Bangsa Bersatu (UNPROFOR) berubah di negara itu, atau diundurkan.

Tindakan itu bagaimanapun tertakluk kepada perkembangan

seterusnya di Bosnia, pendirian PBB dan negara-negara besar, katanya.

Kita bersedia tetapi kita belum pasti saiz kontingen, apa peranan kita, apa mandat kita... dan soal ini mesti dikaitkan dengan kemampuan kita sebagai sebuah negara kecil," kata Najib.

Semasa Perang Teluk, Malaysia adalah antara negara yang berada di barisan depan menegenal Amerika Syarikat kerana menyerang Iraq sewenang-wenangnya dengan menggunakan senjata berat dan canggih, menggugurkan ribuan bom mengakibatkan sebilangan besar kanak-kanak dan wanita yang tidak bersalah terkorban.

Kerana kelantangannya menentang kezaliman dan penganiayaan perang, seorang hakim Malaysia Datuk Lal Chand Vohrah dilantik menganggotai Tribunal Jenayah Perang Antarabangsa. Perlantikan itu dibuat oleh perhimpunan Agung PBB September tahun lalu.

Malaysia pernah dipilih menganggotai Majlis Keselamatan PBB bagi dua tahun bermula Januari 1989 dan seterusnya menjadi Pengerusi majlis itu.

Tetapi Malaysia merupakan satu-satunya negara di dunia yang menyaran dihapuskan sistem keanggotaan tetap Majlis itu yang dilihatnya hanya berterusan dimonopoli oleh Amerika Syarikat, Britain, China, Perancis dan Russia.

Di bawah sistem ini, lima negara anggota itu memegang undi pembatal (veto power) yang mereka gunakan sewenang-wenangnya bagi membatalkan sesuatu usul yang dianggap berlawanan dengan kepentingan mereka.

Malaysia berpendangan setiap anggota badan dunia itu seharusnya mempunyai taraf dan kedudukan yang sama.

Kelantangan Malaysia ini menyentak PBB yang pada kebanyakan masa bertindak dan membuat keputusan mengikut

tefunjuk negara-negara besar tertentu khususnya anggota tetap Majlis Keselamatan.

Tentu sekali keberanian Malaysia tidak setakat melahirkan bantahan tetapi dibuktikan juga dengan tindakan.

Malaysia menyertai banyak misi Bangsa-Bangsa Bersatu menyelia gencatan senjata di negara-negara yang dilanda sengketa dan perang saudara serta membantu kelicinan perjalanan pilihanraya di negara-negara yang sedang mencapai kemerdekaan seperti di Kemboja.

Ini bermula dengan penghantaran sepasukan tenteranya ke Congo pada 1960 bagi menyelia kedamaian di sana.

Kini, Malaysia menugaskan 1,500 anggota tentera ke Bosnia menyertai Pasukan Pelindung Bangsa-Bangsa Bersatu (UNPROFOR). Terdapat juga 955 anggota tentera negara menyertai UNOSOM II di SOMALIA pada masa ini. Negara juga pernah menugaskan anggota tentera dan polis ke Kemboja dalam UNCTAD bagi membantu menyelia perjalanan pilihanraya.

Di samping itu, tentera Malaysia pernah juga bertugas dalam

UNIMOG bagi menyelia gencatan senjata Iraq-Kuwait.

Kecelakaan pasukan Malaysia dalam UNOSOM I ketika menghadapi serangan puak militia Somalia mengkagumkan askar Amerika dan Bangsa-Bangsa Bersatu yang kemudian melantik seorang panglima anak Malaysia Jen Aboo Samah Aboo Bakar menjadi komander operasi PBB di Somalia (UNOSOM II).

Namun senarai panjang kejayaan Malaysia tidak berakhir di situ. Malaysia pernah dilantik menjadi pengerusi Persidangan Antarabangsa mengenai Dadah dan Pengeedaran Haram PBB pada 1987.

Pada 1993 Wakil Tetap Malaysia ke PBB Tan Sri Razali Ismail dilantik pengerusi Persidangan PBB mengenai Pembangunan Berkekalan atau Sustainable Development.

Baru-baru ini, semasa lawatan Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi ke Afrika Selatan, kerajaan baru negara itu pimpinan Presiden Nelson Mandela menyatakan hasrat mencontohi perlembagaan Malaysia dalam menggubal perlembagaan barunya.

Afrika Selatan mengkagumi

kejayaan Malaysia membangunkan dan menegakkan sebuah masyarakat berbilang kaum, budaya dan agama.

Jirannya di utara Zimbabwe juga menyatakan kagum dengan kestabilan politik dan kemajuan ekonomi yang dicapai di negara ini.

Ketika Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir melawat negara itu tahun lalu, Presiden Robert Mugabe secara terbuka menyatakan bahawa Zimbabwe ingin belajar daripada Malaysia khususnya dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru bagi meningkatkan taraf kehidupan rakyat majoriti yang berkulit hitam.

Prestasi cemerlang Malaysia ini membuktikan kemampuan dan kebijaksanaan negara memainkan peranan penting dalam pergolakan politik dunia.

Ini dapat dilaksanakan kerana kestabilan ekonomi dan politik yang terhasil berikutan wujudnya sikap tolak ansur dan persefahaman di kalangan pelbagai kaum yang dipelopori kerajaan Barisan Nasional.

Setiap kececeperlangan ini menyemarakkan imej negara dan mengangkat tinggi maruahnyanya hingga Malaysia begitu disegani dan dihormati dunia.



● MEMBENTANGKAN usul Rancangan Malaysia ke 6 di Dewan Rakyat, 1991.

# ERA PENTADBIRAN BARISAN NASIONAL DUA DEKAD LALU

TIGA puluh tujuh tahun lalu, orang ramai bersorak dan berarak sebak sahaja masuk waktu tengah malam di Padang Kelah Selangor ketika bendera Union Jack diturunkan dan bendera Kebangsaan dikibarkan, menandakan kelahiran sebuah negara merdeka.

Tujuh belas tahun kemudian, kira-kira 50 ribu orang bersorak apabila Perdana Menteri, yang pada ketika itu, Allahyarham Tun Abdul Razak melancarkan perhimpunan kempen pilihan raya Barisan Nasional yang pertama pada 1974 di tempat yang sama.

Allahyarham Tun Razak pernah berkata, bahawa tujuan utama menubuhkan BN ialah untuk mengurangkan "politiking" supaya perhatian sepenuhnya boleh diberikan kepada pembangunan. Allahyarham yakin, usaha itu akan dapat menaikkan taraf hidup rakyat dengan sokongan penuh semua pihak.

Pemangku Presiden MCA ketika itu Datuk Lee San Choon menegaskan, pada perhimpunan yang sama ketika bendera Union Jack diturunkan, pemimpin-pemimpin yang berhimpun adalah daripada parti Perikatan.

"Kita kini mempunyai Barisan Nasional" katanya, "dan bersamanya kita telah memulakan lambaran politik yang baru".

Hari ini, tidak seorang pun boleh menafikan bahawa cita-cita Allahyarham Tun Razak telah menubuhkan hasil.

Di bawah pucuk pimpinan parti, negara menikmati kestabilan politik, perpaduan negara, infrastruktur yang baik dan taraf hidup yang lebih sempurna.

Perkembangan ini bukan sahaja menanamkan keyakinan penduduk tempatan tetapi juga warga asing, seperti yang dapat dilihat menerusi beribu juta ringgit yang mereka curahkan melalui pelaburan di negara ini.

Sasaran pelaburan Malaysia berjumlah 80 ribu juta ringgit di bawah Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995) telahpun dapat diatasi 18 bulan lebih awal daripada jadual. Bagi tempoh 1991 hingga Jun tahun ini, pelaburan yang diluluskan dalam sektor pembuatan berjumlah RM82.6 ribu juta.

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNN) meningkat pada kadar 8.8 peratus setiap tahun dari 1989 hingga 1993 dan kadar inflasi pula ialah 3.7 peratus setahun bagi tempoh yang sama.

Setiausaha pertama parti ini, Datuk Michael Chen berkata kejayaan tersebut adalah kerana parti itu mempunyai wawasan dan arah tujuan bagi pembangunan dan kemajuan negara.

"BN mempunyai program politik yang lebih baik demi faedah dan kebajikan rakyat (jika dibandingkan dengan parti-parti lain)," kata Datuk Chen yang, pada masa itu memegang portfolio Menteri Tugas-Tugas Khas Bertanggungjawab Mengenai Tenaga Nuklear dan Alam Sekitar.

Menyentuh sebab yang membawa kepada penubuhan parti gabungan itu, beliau berkata, selepas Pilihanraya Umum pada tahun 1969 yang diikuti oleh peristiwa 13 Mei pada tahun yang sama, Majlis Gerakan Negara ditubuhkan bagi mengendalikan hal ehwal kerajaan memandangkan keadaan politik tidak begitu stabil.

---

Oleh  
D. SUNDARA RAJA

---

Menurutnya, Allahyarham Tun Abdul Razak mencari satu pendekatan yang boleh mengukuhkan kedudukan kerajaan dan pada waktu yang sama, mengatur sumber pelbagai parti bagi menstabilkan keadaan.

Pada Pilihanraya Umum 1969, Parti Perikatan kehilangan banyak kerusi. Jadi untuk mengumpulkan semula parti-parti politik, Allahyarham Tun Razak berpendapat, cara paling baik ialah dengan menibesarkan keanggotaan Parti Perikatan dan usaha dibuat untuk mempelawa parti-parti tertentu menyertai BN.

Oleh yang demikian, parti-parti berikut: SUPP, Gerakan, PPP dan PAS yang memenangi jumlah kerusi Dewan Undangan Negeri dan Parlimen yang agak banyak, dipelawa untuk berbincang dan menubuhkan Barisan Nasional.

Hanya selepas berbincang untuk tempoh yang agak lama (hampir dua tahun), barulah parti-parti tersebut bersetuju menyertai Perikatan yang kemudiannya bertukar menjadi BN.

BN mencuba nasib buat kali pertama pada Pilihanraya Umum 1974 dan menunjukkan prestasi yang cemerlang.

Antara masalah-masalah utama yang dihadapi setelah BN ditubuhkan ialah berhubung dengan dasar-dasar BN dan soal pengagihan kerusi di kalangan parti-parti komponen.

Falsafah politik bukan satu isu yang rumit kerana semua parti mengutamakan kepentingan negara dan dengan demikian, setiap parti mengekalkan identiti sendiri dan program kegiatan politik masing-masing.

Mengenai pengagihan kerusi, Allahyarham Tun Razak berkata, pada mulanya ia mengambil masa sedikit untuk berunding dan menetapkan jumlah kerusi yang patut diberikan kepada

setiap parti tetapi sekarang ia menjadi satu tradisi.

Pada dasarnya, pengagihan kerusi ditentukan melalui bilangan kerusi yang dimenangi oleh setiap parti pada pilihanraya terdahulu. Mereka menemui platform bersama, simbol bersama dan pendekatan bersama kearah menyelesaikan masalah yang wujud pada waktu itu.

"Keadaan tidak begitu rumit kerana pemimpin tiap-tiap parti peka tentang keadaan yang wujud pada ketika itu terutama selepas peristiwa 13 Mei" tambahnya.

Mereka telah mengkajikan semua punca yang menyebabkan tercetusnya masalah tersebut dan setiap pemimpin mahu bekerjasama mewujudkan suasana di


mana keharmonian kaum, perpaduan rakyat, persefahaman, persahabatan dan semangat muhibah menjadi keutamaan dalam program parti masing-masing.

Chen, yang menjadi Setiausaha Agung Parti Perikatan dilantik menjadi Setiausaha BN, yang dianggotai sembilan parti terdiri daripada UMNO, MIC, MCA, Perikatan Sarawak, Perikatan Sabah, Parti Rakyat Bersatu Sarawak, Gerakan Rakyat Malaysia, PP, dan PAS. Datuk Haji Asri Muda dilantik Bendahari BN.

Barisan Nasional didaftarkan sebagai gabungan parti-parti politik pada 1 Jun 1974. Parti itu juga meluluskan 'dacing' sebagai simbolnya dengan berlatarbelakangkan warna biru tua, sebagai tanda suksama, adil dan kemak-



● TURUT serta menyambut perayaan Deepavali bersama orang nombor dua MIC, Datuk S. Subramaniam dan keluarga.



● MENUNAikan fardu Jumaat bersama Sultan Brunei di Masjid Saidina Osman, Cheras, Kuala Lumpur.

murah untuk negara.

Pendaftaran Barisan Nasional disifatkan sebagai hadiah kepada Perdana Menteri ketika itu... Allahyarham Tun Abdul Razak... selaku Pengerusi Barisan, apabila beliau pulang pada keesokan harinya setelah melakukan lawatan bersejarah ke Peking. Hasil lawatan tersebut... hubungan diplomatik Malaysia - China pulih semula.

Majlis Tertinggi Parti bertindak selaku badan eksekutif tertinggi BN yang mentadbir Barisan itu. Majlis Tertinggi bertanggungjawab merumus dasar dan perkara-perkara berhubung dengan pilihannya.

Objektif BN ialah untuk memupuk dan mengekalkan keadaan harmoni dan bersatupadu di Malaysia serta berusaha ke arah pembangunan material dan rohaniah.

BN juga menetapkan Islam sebagai agama rasmi negara tetapi memberi kebebasan kepada kaum-kaum lain untuk menganut agama masing-masing.

BN juga berusaha mewujudkan masyarakat yang adil dan menggalakkan hubungan yang

lebih erat antara parti-parti yang menganggotainya.

Mengapakah BN lebih berjaya daripada parti-parti pembangkang?

Chen berpendapat, kejayaan itu kerana komposisi pelbagai parti politik, kualiti pucuk pimpinan yang lebih baik dan bilangan ahli yang lebih ramai.

Kedua, ialah kerana BN, sebagai sebuah parti yang mempunyai banyak komponen, dapat membentuk satu dasar yang boleh diterima semua kaum dan ia berupa sebuah parti nasional dengan lebih banyak perwakilan.

Berbeza pula dengan parti-parti pembangkang yang mempunyai ahli parti itu, beliau berkata, para pemimpin BN sentiasa menunjukkan dedikasi terhadap perjuangan untuk membawa faedah dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi untuk rakyat.

"Saya berpendapat konsep parti tidak berubah tetapi caranya telah diubahsuai dan diperbaiki oleh pemimpin-pemimpinnya. Mereka menjadi lebih sofistikated terutama di bawah pimpinan Dr. Mahathir. Beliau

menangani setiap isu dengan jelas, tidak kira sama ada di peringkat nasional atau antarabangsa.

Oleh kerana kualiti pucuk pimpinannya dalam BN, maka parti-parti komponen BN turut terpengaruh dan lebih berdisiplin serta dapat menangani pelbagai isu dengan mengutamakan kepentingan parti.

Kini sesuatu itu dilihat dari aspek yang lebih mementingkan negara dan sikap mereka sekarang lebih terbuka hingga ke peringkat antarabangsa semata-mata untuk faedah rakyat.

Kerjasama di kalangan parti-parti BN semakin erat berbanding pada peringkat awal di mana tiap-tiap parti tersebut-rebut untuk mendapatkan kerusi yang tidak dapat dimenangi. Kini mereka lebih pragmatik dan bertimbangrasi. Mereka sedia bertukar-tukar kerusi tanpa menimbulkan masalah.

Kepakaran membina parti caruman BN telah digerakkan dengan jayanya ke arah mencapai cogan kata parti: "Ke Arah Malaysia Yang Aman, Stabil Dan Makmur".



● PERLETAKAN batu asas Kompleks UMNO pada 6 Disember 1993.



# BARISAN NASIONAL MALAYSIA

## AHLI-AHLI DEWAN TERTINGGI BARISAN NASIONAL

Pengerusi : YAB. Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad

Setiausaha Agung : YAB. Dato' Mohamed Rahmat

Bendahari Agung : YAB. Tun Daim bin Haji Zainuddin

Naib Pengerusi

UMNO : YAB. Dato' Seri Anwar bin Ibrahim

YAB Tan Sri Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin

YB. Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak

MCA : YB. Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik

YB. Dato' Lee Kim Sai

YB. Dato' Dr Ting Chew Peh

MIC : YB. Dato' Seri S. Samy Vellu

YBhg. Dato' S. Subramaniam

YB. Dato' G. Vadiveloo

PBB : YAB. Datuk Patinggi Haji Abdul Taib bin Mahmud

YB. Datuk Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha

YB. Datuk Amar Alfred Jabu

SUPP : YB. Datuk Amar Dr. Wong Soon Kai

YB. Datuk Law Heing Ding

YB. Datuk Dr. George Chan Hong Nam

GRM : YB. Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik

YBhg. Tan Sri Chan Chong Tak

YB. Encik Kerk Choo Ting

PPP : Encik M. Kayveas

Encik Lim Chong Hing

Encik P. V. Das

SNAP : YB. Datuk Amar James Wong Kim Min

YB. Datuk Peter Tinggom

YB. Dr. Patau Rubis

- PBJS : YB. Datuk Leo Moggie anak Irok  
 YB. Datuk Daniel Tajem  
 YB. Datuk Dr. James Masing
- AKAR : YBhg. Datuk Mark Koding  
 Encik Shim Mau Fui @ Tony Shim  
 YB. Encik Pandikar Amin bin Haji Mulia
- LDP : Encik Chong Kah Kiat  
 Encik David Ngui Tet Shung  
 Encik Lau Ngan Siew
- SAPP : YB. Datuk Yong Teck Lee  
 YB. Encik Tham Nyip Shin  
 YB. Geoffrey Yee Lung Fook
- PBRS : YB. Datuk Joseph Kurup  
 YB. Encik Limun Laikim  
 YBhg. Datuk James Andrew Viales
- PDS : YB. Datuk Bernard Giluk Dompok  
 YB. Datuk Wilfred Mojilip Bumburing  
 YB. Datuk Wences Angang



# BARISAN NASIONAL MALAYSIA

## AHLI MAJLIS TERTINGGI UMNO PENGAL TAHUN 1993-1996

|                                  |                                                                                                                                                       |
|----------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Pengerusi Tetap                  | : YB Tan Sri Dato' Haji Sulaiman Ninam Shah                                                                                                           |
| Timbalan Pengerusi Tetap         | : YBhg Dato' Shuib Haji Ahmad                                                                                                                         |
| Presiden                         | : YAB Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad                                                                                                                  |
| Timbalan Presiden                | : YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim                                                                                                                        |
| Naib-Naib Presiden               | : YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Haji Mohd. Yassin<br>YB Dato' Seri Mohd. Najib Tun. Haji Abdul Razak<br>YAB Tan Sri Dato' Haji Muhammad Muhd. Taib |
| Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda | : YB Dato' Haji Mohamed Nazri Sri Abdul Aziz Yeop                                                                                                     |
| Ketua Pergerakan Wanita          | : YB Dato' Seri Datin Paduka Rafidah Aziz                                                                                                             |
| Setiausaha Agung                 | : YB Dato' Mohamad Rahmat                                                                                                                             |
| Bendahari                        | : YAB Tun Daim Haji Zainuddin                                                                                                                         |
| Ketua Penerangan                 | : YBhg Datuk Haji Husein Ahmad                                                                                                                        |

Ahli-ahli Jawatankuasa

- : YB Dato' Dr. Mohamad Yusof Noor  
YAB Tan Sri Dato' Ramli Ngah Talib  
YB Dato' Syed Hamid Tan Sri Syed Jaafar Albar  
YB Dato' Dr Abdul Hamid Othman  
YB Tuan Haji Abdul Ghani Othman  
YAB Tan Sri Dato' Amar Di Raja Wan Mokhtar Ahmad  
YB Dato' Mustapha Mohamed  
YB Dato' Haji Abu Hassan Haji Omar  
YB Dato' Haji Annuar Haji Musa  
YB Dato' Dr Siti Zaharah Sulaiman  
YB Dato' Mohd Tajol Rosli Mohd. Ghazali  
YB Dato' Raja Ariffin Raja Sulaiman  
YAB Tan Sri Dato' Mohd Khalil Yaakob  
YAB Tan Sri Dr Abdul Hamid Pawanteh  
YB Dato' Abdul Kadir Haji Sheikh Fadzir  
YB Dato' Dr Ibrahim Saad  
YAB Tan Sri Dato' Seri Haji Osman Haji Aroff  
YB Dato' Haji Mohd Khalid Yunus  
YB Dato' Sabbaruddin Chik  
YB Dato' Tengku Adnan Mansor  
YB Dato' Megat Junid Megat Ayob  
YBhg Dato' Haji Abdul Rahim Abu Bakar  
YB Dato' Hajah Napsiah Omar  
YB Datin Paduka Hajah Zaleha Ismail  
YB Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi  
YB Dato' Seri Haji Sanusi Junid  
YAB Tan Sri Dato' Haji Mohd Isa Abdul Samad  
YBhg Dato' Dr Kamal Salleh  
YB Dato' Dr Afifuddin Haji Omar  
YB Datuk Osu Haji Sukam  
YB Datuk Haji Ibrahim Ali  
Tuan Haji Ahmad Shahibuddin Haji Mohd. Noor  
YM Encik Hassan Harun  
YAB Datuk Md. Zin Abdul Ghani



# BARISAN NASIONAL MALAYSIA

## AHLI JAWATANKUASA PUSAT PERSATUAN CINA SEMALAYSIA (MCA) 1993-1995

|                           |                                                                         |
|---------------------------|-------------------------------------------------------------------------|
| Presiden                  | : YB Dato' Sri Dr Ling Liong Sik                                        |
| Timbalan Presiden         | : YB Dato' Lee Kim Sai                                                  |
| Naiib Presiden            | : YB Dato Lim Ah Lek<br>YB Jimmy Chua Jui Meng<br>YB Dato' Yap Pian Hon |
| Bendahari                 | : YB Senator Dato' William Chek Lin Kwai                                |
| Timbalan Bendahari        | : YB Dato' Loke Yuen Yow                                                |
| Ketua Pemuda              | : YB Dato' Chan Kong Choy                                               |
| Pengerusi Wanita Nasional | : YB Dato' Teng Gaik Kwan                                               |
| Setiausaha                | : YB Dato' Dr. Ting Chew Peh                                            |
| Timbalan Setiausaha       | : YB Senator Dr. Sak Cheng Lum                                          |
| Naiib Presiden            | : YB Dato' Wong See Wah                                                 |

Ahli Majlis Tertinggi

: YB Datuk Dr. Fong Chan Onn

Lim Jit Keng

YB Dr. Yeow Chai Thiam

Dato' Micheal Chen

Wong Kam Hoong

YB Senator Dato' Ng Thiam Hock

YB Yong Pau Cak

YB Dato' Gan Boon Leong

YB Dato' Tang See Hang

Mok Ah Hoo

Ghong Jock Chin

YB Senator Dr. Ng Yen Yen

YB Ng Soon Por

YB Dato' Kan Tong Leong

YB Dr. Chua Soi Lek

YB Loh Yoon Foo

YB Dato' Poh Ah Tiam

YB Dato' Law Kee Leong

Datuk Chau Tet On

Datuk Khoo Keok Hai

YB Dato' Ong Ka Chuan

Ma Woo How

Wong Mook Leong

Wong Foon Meng

YB Dato' Jimmy Low Boon Hong

YB Ong Ka Ting

Ho Lim Teck

YB Ong Tee Keat

Tan Chai Ho

Dato' Ho Chock Keong

Lim Si Cheng

YB Dato' Hon Choon Kim

Dr. Tan Yee Kew

YB Chor Chee Heung

Khoo Lay Hin

YB Dato' Dr. Song Yong Pheow





# BARISAN NASIONAL MALAYSIA

## AHLI JAWATANKUASA PUSAT PARTI GERAKAN RAKYAT MALAYSIA KE-II 1993-1996

|                            |                                                                                                                                                     |
